

Volume I
No. 28



Saturday
5th December, 1964

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**FIRST SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

BILL:

The Supply Bill, 1965—

Committee of Supply (Second Allotted Day)—

Heads S. 1-S. 12 [Col. 3670]

Head S. 13 [Col. 3742]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

First Session of the Second Dewan Ra'ayat

Saturday, 5th December, 1964

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development and Assistant Minister of Justice, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K., (Sepang).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

- The Honourable ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ O. K. K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

- The Honourable ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
- ” PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- ” ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- ” ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- ” ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- ” DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- ” ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- ” ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- ” DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- ” ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
- ” ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- ” ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- ” ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- ” ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- ” ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).
- ” WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- ” TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- ” ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- ” TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- ” DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- ” DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- ” ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- ” ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- ” TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- ” ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- ” ABANG OTHMAN BIN HAJI MOASIL, P.B.S. (Sarawak).
- ” ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- ” ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
- ” TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- ” ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- ” TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- ” RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- ” ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- ” ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

The Honourable ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).

- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim Bandar Bharu).
- „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Education, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister of Lands and Mines, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Assistant Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' E. W. BARKER (Singapore).
- „ ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

- The Honourable TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ DR GOH KENG SWEE (Singapore).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ DATU KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ DATO' LIM KIM SAN, D.U.T., J.M.K., D.J.M.K. (Singapore).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
- „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).

PRAYERS

(Mr Speaker *in the Chair*)

House accordingly resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker *in the Chair*)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1965

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Second Allotted Day).

SCHEDULE

Heads S. 1 to S. 12—

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, saya akan berchakap pendek

sahaja, kerana di-dalam Kepala S. 1, pada waktu Yang Berhormat wakil dari Ipoh membahathkan gaji² Ahli Dewan Ra'ayat ini, dia telah menyebutkan wakil Pontian tidak patut duduk di-sini kalau dia hanya menyebutkan berkenaan dengan orang Melayu sahaja. Saya sa-bagai orang yang bertanggung-jawab di-Rumah ini dan sa-orang daripada Wakil Ra'ayat yang di-pilih daripada Pontian, ada-lah kewajipan saya mengingatkan atau membetulkan, ia-itu Pontian itu ada di-wakili oleh dua orang Wakil Ra'ayat, walau pun saya duduk di-dalam Rumah Yang Berhormat ini sa-bagai Menteri, tetapi di-luar sa-bagai Wakil Ra'ayat yang ra'ayat memilih saya dan mengetahui yang saya ini mewakili Pontian Utara. Dan waktu beliau menyebutkan, konon-nya wakil Pontian Utara atau Pontian Selatan menchar, jadi saya bangkit dengan hormat-nya membetulkan yang saya juga daripada Pontian Utara atau adakah itu di-tujukan kepada Pontian Selatan? Kalau Wakil Ra'ayat Pontian Selatan sebut-lah yang di-tujukan itu kepada Wakil Ra'ayat dari Pontian Selatan. Kerana beliau juga sa-bagai sa-orang peguam, apabila hendak mengeluarkan satu² tuduhan atau pun memberi ucapan, hendak-lah berhati² kerana kita di-dalam Rumah Yang Berhormat ini—di-dalam Tanah Melayu ini—ada kawasan masing², dan kita tidak boleh menyebutkan nama sa-saorang Ahli Yang Berhormat tetapi daripada mana kawasan Yang Berhormat itu telah di-pilih oleh ra'ayat.

Dan apabila saya berchakap bagitu dengan baik, nampak-nya beliau menchar saya, "saya tidak mahu tarek perkataan itu, apa awak hendak buat!". Jadi, ini ada-lah satu tauladan yang tidak baik kepada Ahli di-Rumah ini, kerana Rumah ini di-ketua² oleh Tuan Pengerusi sa-bagai membetulkan apa² perkara. Maka, apabila kita berchakap pun, kita berchakap arahan kepada Tuan Pengerusi, menghormati Tuan Pengerusi yang menjadi ketua di-dalam Rumah Yang Berhormat ini. Nasib baik juga saya berpandukan kepada "Innallaha ma'asaabirin"—Allah Ta'ala itu bersama² dengan orang

yang sabar (*Ketawa*). Maka, kalau di-chabar di-hadapan bagini, kalau tidak melenting pun, susah juga. Saya mintalah kepada Yang Mulia Tuan Pengerusi supaya segala yang kita bahathkan dalam Rumah Yang Berhormat ini, sa-bagai Ahli² Yang Berhormat berkhidmat kerana negara, berkhidmat kerana ra'ayat yang melantek kita semua sa-kali, biar-lah gunakan tata-tertib yang terator. Biar-lah kita jangan marah², kita hendak-lah bermanis muka, hendak menchari satu kesimpulan yang baik, yang siapa pun salah, tentu-lah kalau salah, kita mengingatkan. Patut wakil dari Ipoh itu menguchapkan terima kaseh, ada sa-orang daripada Menteri Kerajaan suka hendak membetulkan supaya di-dalam surat khabar dan di-dalam record Rumah ini, supaya betul. Dan lagi sa-bagai sa-orang loyar patut dia tahu, apabila hendak bentangkan satu² tuduhan itu biar-lah tepat. Tetapi saya hairan kenapa dia tidak berani mengatakan yang sa-benar-nya, yang di-hadapan itu ia-lah Wakil Ra'ayat dari Pontian Selatan.

Saya berasa malu, konon-nya saya sa-bagai Menteri tidak tahu kewajipan saya. Maka, Yang Mulia Tuan Pengerusi, saya harap-lah sa-panjang² kita berbath, terutama apabila sampai waktu Kementerian saya sendiri, walau macham mana pun hentaman, walau macham mana pun bagitu dan bagini kritik, kerana menchari kebaikan, saya akan senyum dan saya akan terima dengan baik. Saya akan terangkan dengan sa-berapa yang boleh untuk munafa'at, untuk pengetahuan Yang Berhormat² yang kamari semua sa-kali dengan kerana satu tujuan, hendak baikkkan negara dan hendak menolong ra'ayat. Tetapi bukan-lah hendak tunjok aku kuat, engkau kuat—ini bukan tempat-nya. Saya minta-lah kepada Yang Mulia Tuan Pengerusi, kita ini panjang lagi waktu perbahathan, hendak-nya kalau panas, kita boleh sejokkan, kalau tidak chukup sejok air condition, kita suroh-lah yang menjaga itu pusingkan sedikit supaya kita dapat satu pandangan atau satu fikiran dan satu keputusan yang elok, yang munafa'at kepada negara.

Yang kedua-nya, saya fikir sahabat saya dari Pontian Selatan itu mengeluarkan perkataan "saya chabar" atau pun "I warn". Saya suka mengingatkan ia itu bukan-lah ma'ana ini menentang kapada Yang Berhormat wakil Ipoh itu. Chuma mengingatkan, jangan diulang²kan lagi perkara yang boleh jadi pergaduhan antara kita sama kita di-Persekutuan Tanah Melayu ini. Kerana soal perkauman atau soal bahasa akan membawa kapada banyak merbahaya-nya di-kemudian hari. Saya tidak menggunakan perkataan "saya chabar" atau pun "warning", tetapi saya suka menasihatkan supaya yang Berhormat² sa-bagai Wakil² Ra'ayat yang di-pileh oleh ra'ayat yang bagitu sedia akan mempertahankan Perlembagaan, yang mana Perlembagaan telah mengaku² bahasa kebangsaan bahasa rasmi dalam tempoh 10 tahun daripada tahun 1959 sampai tahun 1967. Maka Parti² yang berdasarkan multi-lingualism, mereka boleh bebas berchakap, kami tidak tahan mereka menjalankan dasar-nya.

Ia boleh ulang², tetapi di-waktu yang penting ini yang mana pehak Kerajaan telah mengadakan Minggu Perpaduan yang sangat besar faedah-nya untuk menyatu-padukan ra'ayat, tiba² Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu sa-bagai sa-orang peguam, sa-bagai ketua parti membangkitkan lagi perkara perkauman ini, boleh jadi merebak, boleh jadi pechah-belah perpaduan kita ini. Saya harap-lah tiap² parti yang lain, mana² perkara yang boleh menjadikan perbalahan antara kita sama kita, dapat di-lenyapkan dan dapat di-ketepikan. Kita hendak-lah bersatu tegoh, berpechah-belah kita akan lemah dan akan roboh. Saya harap saya nasihatkan pada segala ketua² parti daripada apa parti pun memang mereka² itu bebas berchakap, tetapi biar-lah jaga², ini bukan warning—amaran—tetapi nasihat. Chakap² di-dalam Dewan ini akan masok dalam surat² khabar, dan akan di-dengar dalam Radio dan akan di-lihat dalam Television. Maka, ini boleh mengembangkan perkara yang tidak baik. Itu sahaja-lah yang saya minta kerjasama daripada semua ketua² parti, apa faham parti-nya pun, bebas

menjalankan, tetapi berjaga dan berchermat-lah pada waktu konfrantasi ini.

Kita mahu peruntokan yang kita adakan ini buat Kerajaan menyelenggarakan supaya lekas habis konfrantasi, manakala habis konfrantasi lekas-lah kita akan membena satu negara yang baik untuk ra'ayat, ia itu seluroh ra'ayat Malaysia walau pun mereka memilih parti Socialis Front, parti PAP,—itu tidak menjadi soal pokok, sa-bagai ra'ayat Malaysia yang kita janjikan akan dapat keamanan dan kema'moran, terima kaseh. (*Tepok*).

Dato' Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya berchadang hendak menyentoh atas dua tiga perkara kechil sahaja dalam perbahatan ini. Pertama, saya hendak memberi sokongan sa-penoh-nya kapada pengeshoran daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan masaalah menambah lagi kekuatan pehak Pemberita² kita dalam Dewan Ra'ayat ini. Saya sendiri berasa dukachita benar yang rekod² kita itu telah menjadi lewat, dan saya faham kelewatan itu adalah di-sebabkan kekurangan kaki-tangan. Saya berharap pehak yang berkenaan tolong-lah mengambil tindakan menambah lagi pemberita kita dalam Dewan ini. Sebab, saya perchaya, kebanyakan Yang Berhormat berchakap di-dalam Dewan ini dengan tidak ada ucapan yang bertulis, menggunakan peringatan sahaja. Jika sa-kira-nya menjadi lewat empat lima bulan, iharus-lah tidak akan ingat apa yang di-sebutkan.

Saya kurang faham sadikit, harus pehak Menteri Muda boleh menerangkan, bila saya tengok di-dalam Rang Anggaran ini, wang yang hendak diperuntokkan pada tahun 1965 ia-lah \$117,600, ia itu lebeh daripada apa yang di-untokkan bagi tahun ini. Tetapi di-dalam ruangan bilangan itu, tahun 1965, di-tunjokkan 14 orang juga. Jadi tahun 1964, 14 orang juga, ada-kah tujuan mengadakan wang yang lebeh itu ia-lah kerana hendak menambah gaji pemberita², atau pun apa-kah sebab-nya, saya sendiri, daripada pengalaman dan fahaman saya dalam

Dewan² di-negeri² lain ada-lah pemberita² Dewan Ra'ayat atau pun Dewan Senate, ia-lah satu bahagian daripada kaki-tangan yang di-peruntokkan satu bayaran gaji yang cukup tinggi. Bagitu juga-lah pegawai² yang membuat kerja menterjemah ucapan. Mereka itu ia-lah daripada golongan Pegawai Dewan yang di-pandang tinggi dan di-beri gaji yang tinggi, kalau sa-kira-nya peruntokan wang yang lebeh itu ia-lah kerana tujuan menambahkan gaji² mereka yang pada masa ini, atau pun mereka yang akan di-tambah, saya chukup-lah menyokong-nya.

Perkara yang kedua, ini di-bawah butir mana-kah agak-nya, saya tidak tahu, sa-buah butiran pentadbiran kapada Pechahan Kepala 2 atau 4 berkaitan dengan meshuarat berkenaan dengan pengeshoran yang telah di-buat sa-malam oleh beberapa Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan mengadakan alat mendengar ucapan bagi pehak orang sa-belah atas sana boleh hadir mendengar perbahathan dalam Dewan ini. Saya sendiri satu hari ada chuba hendak mengambil tahu bagaimana-kah suara yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat di-sini, boleh-kah di-dengar dengan baik atau tidak di-sabelah atas sana. Saya rasa tidak berapa terang, sebab harus-lah accoustics di-dalam Dewan ini tidak saratus peratus elok. Jadi kalau sa-kira-nya kita mengadakan alat pendengar ini, satu khidmat yang patut kita tunjukkan kapada ra'ayat, sebab mereka itu ia-lah orang yang memilih kita sakalian di-dalam Dewan ini, berunding, bertukar² fikiran dan tentu-lah mereka suka mendengar apa yang kita tiap² sa-orang Ahli Yang Berhormat akan memberi buah fikiran di-dalam masa kita berunding dan bertukar² fikiran.

Jika tidak salah ingatan saya, Yang Berhormat Ahli dari Batu, ada mengeshorkan berkenaan dengan Close-circuit T.V. Ini saya sendiri tidak berapa setuju, sa-lain daripada barangkali belanja yang banyak, tetapi rasa saya jarang² sangat di-buat di-tempat dan di-Dewan mana pun di-negeri² yang saya telah hadir. Chuma yang

saya ingat, sa-kali, di-Bangsa² Bersatu, ada di-buat Close-circuit T.V. waktu masa lebeh kurang ada 14 Kepala Negara hadir bersama² di-Persidangan Bangsa² Bersatu itu. Itu ada di-buat sa-kali Close-circuit T.V. sebab ramai sangat orang yang hendak menengok serta mendengar hingga penoh sesak di-atas Public Gallery sa-hingga Corridor² itu penoh orang lalu. Oleh sebab itu di-fikirkan patut di-buat Close-circuit T.V. Jadi, kata Yang Berhormat Ahli dari Batu, supaya orang dari luar boleh tengok bagaimana gaya Yang Berhormat ini berchakap dengan menggunakan tangan bagitu bagini. saya fikir itu kita berharap-lah tidak akan terjadi dalam Dewan ini. Tidak ada sa-orang pun yang mengetok kasut di-atas meja bagaimana yang telah di-buat oleh Khrushchev. Jadi saya tidak setuju-lah, tetapi bagi hendak mengenalkan Ahli² Dewan ini kapada ra'ayat, orang² yang memilih mereka itu, saya fikir boleh-lah di-minta satu pegawai Dewan ini, adakan kertas² senarai kapada siapa yang berkehendak boleh-lah diserahkan, demikian juga Order of the Day atau pun soal mulut yang juga satu daripada proceeding Dewan ini—dengan itu dapat-lah mereka² itu melihat umpama-nya soal mulut Ahli Yang Berhormat A atau B untuk mengemukakan soalan². Jadi kalau sa-kira-nya tidak ada benda ini pada mereka itu, bila mereka itu dengar jawapan itu, mereka ta' faham. Jadi elok-lah juga kalau boleh adakan kesenangan, minta sa-orang pegawai dalam Dewan ini, kata-lah sa-orang pegawai muda di-atas sana, untuk menghulorkan surat² ini kapada siapa yang berkehendakkan-nya.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, jikalau ta' salah ingatan saya, Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan sa-malam ada mengeshorkan, patut kita memasang Bendera Negara kita dan juga Bendera Negeri di-medan Dewan ini untuk menjadi satu tanda kehormatan apabila Dewan bersidang. Ini satu perkara yang saya telah sebutkan beberapa kali dengan jalan tuboh saya kapada beberapa orang sahabat saya Ahli² Yang Berhormat. Ini satu perkara yang saya cukup bersestuju.

Saya ingat dahulu: Kerajaan bukan sahaja menggalakkan, tetapi memerentahkan tiap² pejabat mesti-lah menaikkan bendera sama ada bendera Persekutuan, atau pun bendera Negeri. Sebab bendera sa-sabuah Negara itu ia-lah satu symbol di-mana ra'ayat boleh menengok, menumpukan ta'at setia, kaseh sayang-nya kepada sa-sabuah Negara itu dan pada fikiran saya lebeh² lagi di-Dewan Ra'ayat sini, bukan sahaja pada waktu Dewan bersidang, bahkan juga pada waktu Dewan tidak bersidang pun patut-lah bendera Negara Malaysia kita ini kita naikkan pada tiap² pagi dan turunkan pada tiap² malam, lebeh² lagi pada waktu Dewan bersidang terlebeh patut lagi kita adakan, naikkan bendera Negara kita.

Kalau boleh, Tuan Pengerusi, kehendak saya ini, bendera ini kita bubuhkan di-atas tower di-hadapan bangunan sana supaya ra'ayat sakurang²-nya yang dudok di-bandar raya Kuala Lumpur ini boleh tengok mengatakan Dewan ini bersidang, dan saya ada ingat juga, memerhati dan menengok di-beberapa Dewan Ra'ayat di-negeri² lain, jikalau sa-kira-nya Dewan itu bersidang pada waktu malam, ada juga di-pasang lampu yang menunjokkan kepada ra'ayat yang wakil-nya bekerja sa-hingga jauh malam. (*Tepok*).

Ini-lah dia pengeshoran saya yang saya buat dengan hormat-nya, dan saya harap pehak yang berkenaan, tolong-lah timbangan—saya fikir perkara² yang saya shorkan ia-itu yang akhir berkenaan dengan bendera itu tidak-lah menjadi perkara yang payah sangat, tetapi kalau sa-kira-nya kita fikir jikalau tiap² hari Dewan bersidang, kita hendak pasang Bendera Negeri—14 buah Negeri dalam Malaysia ini, nampak-nya saperti sa-olah² berhari raya sangat, saya tidak hendak menekankan pengeshoran itu. Jikalau di-fikirkan patut boleh di-buat, elok-lah, sebab di-United Nations sana itu memang-lah ada, sebab di-sana itu ia-lah satu pertubohan yang ahli²-nya daripada Negeri² asing. Jadi, bendera bagi tiap² sa-buah Negeri itu ada di-pasang, tetapi jikalau di-sini boleh buat, elok-lah juga; jikalau nampak-

nya melebehi sangat perhiasan itu, nampak sa-olah² saperti hari besar, hari kebesaran, hari raya—tidak-lah saya hendak menekankan sangat pengeshoran itu, tetapi berkenaan dengan Bendera Negara Malaysia, saya dengan kuat-nya mengeshorkan supaya di-angkat bendera itu pada tiap² pagi, dan di-turunkan pada tiap² petang, dan jikalau berkenaan dengan lampu itu—perkara itu tidak berapa mustahak sangat; itu sa-mata² ma'ana-nya pengeshoran sahaja—itu elok kemudian kita ishtiharkan kepada ra'ayat, ini dia randa-nya: Kalau ada lampu di-atas tower Parlimen ini, berma'ana-lah Dewan ini ada bersidang.

Demikian-lah, Tuan Pengerusi, saya menguchapkan sebanyak terima kaseh.

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun beruchap terutama sa-kali saya hendak menyatakan, Tuan Pengerusi, sokongan saya kepada perbelanjaan Kementerian ini. Di-samping itu, Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan di-sini menyentoh di-atas lima perkara di-dalam uchapan saya ini.

Pertama²-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah S. 1, Butiran (6)—Bayaran Khidmat Ahli² Dewan Ra'ayat. Saya dengar khabar, Tuan Pengerusi, di-Ipoh sana, mereka bertanya² sama ada orang² di-sana atau pun orang² di-sekeliling bandar Ipoh, apa-kah di-buat oleh wakil² mereka itu yang mendapat gaji tiap² sa-orang \$750 satu bulan, ada-kah gaji itu berpatutan atau tidak. Bukti-nya sudah nyata, Tuan Pengerusi, kerana pada masa dahulu orang² yang berhampiran dengan Ipoh mendatangkan wakil²-nya sa-ramai lima orang di-Dewan ini, ia-itu orang² yang menyokong P.P.P. Jadi, pada kali ini, Tuan Pengerusi, sudah-lah nyata keperchayaan orang² di-Lembah Kinta itu telah berkurangan sangat, kerana mereka perchaya dan dengar yang wakil² mereka itu yang di-harap sangat oleh mereka untuk memperjuangkan nasib mereka itu tidak-lah berchakap lain daripada tiga perkara soal pokok, ia-itu pertama-nya menentang hak istimewa orang Melayu. Yang kedua-nya memperjuangkan

berbilang bahasa, yang ketiga-nya—Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom ada berkata: Pertengkaran wakil P.P.P. itu ia-lah seperti budak² sekolah—sadiKIT sahaja sebab-nya, marah hendak bertumbok. Sa-malam pun di-chabar-nya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dengan tidak sa-wenang²-nya.

Jadi, di-sini, Tuan Pengerusi, saya suka-lah mengambil peluang untuk mengingatkan kepada wakil² P.P.P. yang dua beradek itu yang mendapat bayaran elaun yang begitu besar sebanyak \$750 satu bulan, berchakap tidak lain bahkan berulang² seperti budak² meminta pisang, barangkali dalam pilihan raya tahun 1969 besok, habis lichen kerusi mereka di-sapu oleh pehak Perikatan. Saya rasa memang mereka sedar dan berasa bimbang atas perkara ini, oleh sebab itu mereka ada berura², ia-itu P.P.P. hendak berkahwin dengan Petir, tetapi saya takut, kerana di-sini putar belit P.P.P. terlampau kuat, besok Petir pun di-telan-nya.

Saya sangat-lah ta' ingin melihat kedegilan wakil² P.P.P. itu dan di atas kedegilan-nya ini, Tuan Pengerusi, saya teringat-lah pada pepatah Melayu mengatakan: Kalau jumpa ular, berjumpa orang yang sa-demikian itu, hentam ular itu, beri dia mati dahulu.

Tuan Pengerusi, bagaimana pun masa sahaja dapat menentukan ia-itu tahun 1967 nanti di-mana bahasa kebangsaan ia-lah bahasa Melayu. Saya mengingatkan kepada wakil P.P.P. pada tahun 1967 kalau ta' dapat berchakap bahasa kebangsaan, kena halau keluar daripada Parlimen ini dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sekarang pada Kepala S. 2, Butiran (1)—Majlis Raja². Di-sini, saya teringat, Tuan Pengerusi, hal ehwal agama ini memang-lah kuasanya tertinggal pada Duli² Yang Maha Mulia Sultan² pada tiap² Negeri. Sunggoh pun begitu, Tuan Pengerusi, memandangkan hal agama ini satu perkara yang sangat penting dalam Malaysia dan lebeh² lagi negara kita ini—agama rasmi negara kita ini ia-

lah agama Islam, saya suka menyentoh sadiKIT di-atas perkara ini ia-itu hal ehwal agama. Saya teringat masjid² kita apabila kita pergi sembahyang Juma'at, datang-lah orang² bongkok meminta sedekah. Ini sangat-lah memalukan kita dan perkara ini sudah menjadi berluasan. Saya takut, Tuan Pengerusi, apabila siap Masjid Negara kita

The Assistant Minister of Youth, Culture and Sports (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Pengerusi, Yang Berhormat itu berchakap di dalam butiran berapa?

Enche' Tajudin bin Ali: Majlis Raja-Raja.

Mr Chairman: Butiran-nya?

Enche' Tajudin bin Ali: Saya sudah sebutkan tadi—butiran (6).

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Perbahathan ini hanya berkenaan dengan butiran² yang ada dalam Estimates ini sahaja.

Mr Chairman: Saya suka mengingatkan . . .

Enche' Tajudin bin Ali: Masjid Negara ia-lah di-selenggarakan oleh negara ini, itu saya sebutkan—belum sampai, saya hendak sebutkan kemudian.

Mr Chairman: Saya suka mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, kalau boleh, di-pendekkan sadiKIT dan tepatkan kepada butiran² itu sahaja. Kalau tidak, perbahathan kita sampai bila pun tidak habis.

Enche' Tajudin bin Ali: Pendek, Tuan Pengerusi. Saya rasa ta' usah minta sedekah, jika semua orang Islam yang pergi ka-Masjid di-minta derma dengan sukarela, maka dengan jalan ini tiap² orang itu ada mempunyai tanggong-jawab kepada Masjid itu, jadi tidak sa-mata² tertanggong kepada pehak Kerajaan. Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkaitan hal ehwal Majlis Raja-Raja berkenaan dengan khalwat. Kita selalu dengar perkara ini sudah pun menjadi berluasan. Malang-nya, kalau sa-orang perempuan Islam berkhawat dengan orang yang bukan Islam, perempuan itu di-salahkan

Mr Chairman: Perkara itu apa ada kena-mengena dengan perbelanjaan ini.

Enche' Tajudin bin Ali: Ini saya hendak cheritakan-lah, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Saya suka kalau boleh di-tepatkan kapada perbelanjaan yang ada ini.

Enche' Tajudin bin Ali: Saya tepatkan. Saya rasa patut-lah di-bawa kapada Majlis Raja-Raja supaya satu undang² yang sa-imbang di-jalankan di-seluruh Malaysia ini. Ini tujuan saya, Tuan Pengerusi. Jangan pula di-Selangor buat lain, di-Perak lain dan di-negeri Kelantan lain—biar satu undang² yang sa-imbang terus-menerus.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak berchakap berkenaan dengan Juru Odit Negara. Perbelanjaan negara kita tiap² tahun, khas-nya tahun hadapan, akan memakan belanja hampir² \$2,000 juta. Saya berpendapat ada-lah orang² yang mentadbirkan hal ehwal odit ini atau kaki-tangan-nya kurang sangat. Saya berpendapat dan mendengar cherita daripada pehak yang berkenaan "case" yang telah dapat di-bawa ka-tengah pun chuma di-jalankan "test case" atau pun pemereksaan sa-chara kasar sahaja. Saya harap di-gandakan perbelanjaan ini supaya wang tidak kehilangan dengan tidak tentu arah.

Tuan Pengerusi, saya tengok satu perkara di-sini berkenaan dengan ada rungutan ia-itu penjualan tiket² loteri kebajikan masharakat. Kadang² kita dengar, barangkali juga betul atau tidak betul, ta' tahu-lah—tiket itu satu nombor di-buat sampai empat lima nombor di-jual. Jadi saya rasa kalau ada Juru Odit Kerajaan di-jalankan, maka perkara kesilapan itu dapat di-betulkan.

Tuan Pengerusi, Kepala S. 4, Pechahan Kepala 3, 5, 9, 10, 11 dan 12, jumlah peruntokan-nya sa-banyak \$488,068. Saya tengok perbelanjaan tahun hadapan akan menghadapi kekurangan jumlah \$650 juta. Jadi, saya tengok di-atas hal ini Pilehan Raya kita jarang adakan, Pilehan

Raya Umum Persekutuan Malaysia di-adakan 4 atau 5 tahun sa-kali dan Pilehan Raya Bandaran pun bukan di-adakan hari² atau pun tiap² bulan. Jadi untok menjimatkan perbelanjaan saya mengshorkan supaya pejabat² di-negeri ini di-pusatkan (centralise) di-Kuala Lumpur, chuma tinggalkan di-negeri² itu "skeleton staff" sahaja. Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, di-setengah² negeri, apabila Pilehan Raya sahaja, pejabat itu ada kerja yang banyak atau kerja² yang tertentu, jadi kalau kita serahkan kapada Kuala Lumpur dan tinggalkan "skeleton staff" di-negeri² itu, saya rasa sa-tengah² daripada perbelanjaan itu akan dapat kita selamatkan.

Kepala S. 7, Pechahan Kepala 12. Pertandingan Membacha Quran Tahunan, peruntokan-nya \$45,500. Malaysia telah gempar dan seluruh dunia telah terkejut sa-malam apabila mendengar telatah Ahli dari Bachok mengatakan ada-lah perbelanjaan ini sia² sahaja. Saya sangat hairan dan dukachita, Tuan Pengerusi, kerana pendapat itu datang daripada sa-orang ustaz dan wakil daripada P.M.I.P. yang berdasarkan dan berbangga² "baidatun, taidatun, wara bun ghaf-fur". Ini pendirian-nya pada hari sa-malam. Dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi, kita ada orang China, orang India, orang Benggali menyokong perbelanjaan ini (*Ketawa*). Apa kata pengikut PAS atas pendapat sa-orang ustaz? Pada pendapat saya ada-lah ucapan dan pendapat yang bawah sadikit pada pendapat orang kafir. Di-sini, Tuan Pengerusi, saya shorkan kapada Ahli Yang Berhormat itu

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): I challenge you . . .

Mr Chairman: Jangan menggunakan perkataan² yang sa-umpama itu dalam perbahathan.

Enche' Tajudin bin Ali: Di-atas hal ini, Tuan Pengerusi, saya shorkan kapada Ahli Yang Berhormat itu menguchap dan bertaubat.

Tuan Pengerusi, memang-lah dalam dunia ini ada bermacam² gaya dan rupa manusia. Belum lagi di-buat-nya bermacam² janji kapada ra'ayat

jelata, tetapi ada manusia apabila telah dapat chita² mereka itu dia jadi saperti “kadok naik junjong”. Berkaitan dengan hal ini, Tuan Pengerusi, saya shorkan supaya perbelanjaan di atas Kemudahan Perchuma Rumah Sakit sa-banyak \$6,500 kapada Ahli² Parlimen ini di-lebeuhkan sadikit supaya daripada satu masa ka-satu masa apabila kita tengok satu² orang itu tidak berapa baik, jadi boleh-lah kita gunakan wang itu supaya di-pereksa otak orang yang berkaitan itu, ada-kah longgar—ada-kah tidak betul, saya takut orang itu nanti jadi macham Haji Omar, Tuan Pengerusi. Saya takut nanti Yang Berhormat dari Besut nanti terok, fasal apa dia akan chari yang dekat sa-kali. Jadi kita patut-lah adakan perbelanjaan yang lebeh supaya mana² wakil, jika perjalanan-nya tidak baik, kita suruh dia pergi pereksa doktor supaya jangan jadi mudzarat. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Mr Chairman, Sir . . .

Mr Chairman: Have you spoken before?

Dr Tan Chee Khoon: Yes. But I just wish to tie up a few loose ends.

Mr Chairman: I hope you are not going to be very long.

Dr Tan Chee Khoon: I will not be very long, Sir. I merely wish to tie up a few loose ends. We are now in Committee and I am as much entitled to speak as anybody else, but I can assure Honourable Members that I will not take very long. (*Mr Chairman indicates assent*).

Mr Chairman, Sir, I think Honourable Members should not envy this chance for us on the opposition side to speak, because there are so few of us here and so few of us have spoken. Consequently, I am very grateful for your ruling that I can be given the chance to speak.

I wish to speak on the Standing Orders governing the debate in this House. As has been pointed by the Honourable Member for Bungsar, he said that the time given, not only to

the Members of Parliament, but also to the country as a whole to think and debate on the Budget, which is a very important thing that affects the lives of each and every citizen of this country, is too short: the time given this year is only two days. He has stated that normally it is a common practice to give at least one week so that the people can digest all the indigestible facts that have been proposed. Consequently, that is the thing which I wish to re-echo.

Mr Chairman, Sir, I am very glad the Honourable the Prime Minister is here today, because there is another matter I wish to bring up, and that is the opportunity that is given to the Opposition to bring up matters for discussion. Mr Chairman, Sir, as I have mentioned before, the two of my amendments to the debate have been due to the fact that the Opposition has not been given a chance to debate the matters they bring up. I, for one, can see that Government Bills and Government business must take precedence—that I accept. Mr Chairman, Sir, surely there must be an opportunity given to the Opposition to put up matters they wish to discuss. I believe in the last Parliament there was a gentleman's agreement that when there is a session of five days, some time, perhaps one day, should be given to the Opposition to bring up matters which they wish to discuss in this House. Mr Chairman, Sir, the late Dato' Onn has had to wait for one year. The three motions standing in my name have been there since July this year. If this unsatisfactory state of affairs continues, I do not think that for another year or two can my motions be debated. Mr Chairman, Sir, this is a matter that I wish to bring to the Standing Orders Committee, in particular to you, Mr Chairman, Sir, and to the Honourable Prime Minister. I wish to appeal to you, Mr Chairman, Sir, that, perhaps on behalf of the Opposition, we should be given some time to discuss matters that we bring up in this House.

Mr Chairman, Sir, I do wish to bring up a few matters only. With

regard to page 32 on Head S. 1, Sub-head 16. I notice that the allocation for library books has been increased from \$5,000 to \$10,000. This, to me, a totally inadequate provision. A provision of \$10,000 for the purchase of books is totally inadequate. If the Library is to be a library where Parliamentarians can go and look up matters of importance before they come to this House to speak, then more money should be allocated to it, so that more books can be purchased—whether they be on Islamic religion, on Parliamentary practice or on economics or agriculture—to enable those of us who are not, perhaps, as well up as the top brass behind the Government benches can go and get ourselves educated down there. Mr Chairman, Sir, this is the thing I wish to commend to the Honourable Assistant Minister or to the Honourable Prime Minister of this country.

Mr Chairman, Sir, there is one other thing that I wish to bring up, and that is on page 74, Head S. 9 Sub-head 1. I wish to speak on this *Ketua Pegawai Perjawatan, P.T.M., Tingkatan-tertinggi*. A. Mr Chairman, Sir, this officer obviously is a very important officer: he is in Superscale A. Mr Chairman, Sir, the Federation Establishment Office is an office that has its tentacles in all branches of Government—it stretches its tentacles to all branches of Government—and consequently, quite rightly, it has been accorded the status of a Superscale A officer. As an Honourable Member—I think it was the Member for Kota Star Selatan—brought up the matter of the revision of the General Orders, I wish wholly to second him, because these Orders were written up under the colonial regime. They need to be brought up to date. I speak on this, Sir, because from the medical angle I wish to bring up this matter. Many a time I have advised medical officers who have been unsuccessful in getting study awards to go abroad on no pay leave and, unfortunately, have knocked their heads against the F.E.O. who says it is very difficult to get no pay leave. Sir, this is a very

important matter, because if a medical officer wishes to undergo training in speciality and the Government is unable to give him a study leave award, then the medical officer concerned should be given no pay leave, so that he can go on his accord to acquire the post-graduate qualifications and experience and then come back here and serve the Government; otherwise if you do not give him no pay leave what he does is to throw up his job and go away and when he comes back you will say, “*Cheelaka*, no national spirit. He does not want to join the Government Service. He wants to go into lucrative private practice”, and you condemn the whole medical profession. This is one aspect I would like to commend to the Honourable Prime Minister.

Mr Chairman, Sir, as I have stated before, the F.E.O. is a very important office and has its tentacles in all branches of the Government administration. In particular, it has its tentacles on pensions and the Widows and Orphans Fund. As such, I wish to conclude my part in this debate by touching on the Widows and Orphans Fund.

Mr Chairman, Sir, there has been a great deal of agitation against this Fund for many, many years. The Minister of Finance promised in this House some years ago that this Fund would be reviewed, but to-date no action appears to have been taken. I think it is appropriate for me here to re-echo two biblical quotations to this House. I think it was the Member for Bungsar who said that the Great Master said, “Come ye who labour and are heavy laden and I shall give ye rest” and he went on to make variations of that quotation. Another Member from Singapore also said, “To those who have more shall be given and to those who have not that little which they have that too shall be taken away from them.” Sir, these two biblical quotations are very apt in connection with the Widows and Orphans Fund, because after having laboured so many years, it is no comfort to the wage earner, if he passes away and has not been pre-deceased by his wife or

his children; then, all his contributions to the Fund will not benefit anybody but the State.

Mr Chairman, Sir, agitation against this Fund has increased very much, and there is widespread dissatisfaction with the Fund. The dissatisfaction has arisen from the fact that the Fund is discriminatory and confines itself to only those who are Christians or to those who go through a civil marriage. The rules are hopelessly bad and appear to be designed to cheat the contributors. The pensions are only payable to the wife and minor children of a contributor; and the aged parents of a contributor are not entitled to even a cent of their son's contributions. As such, if the wife of a contributor should pre-decease him and his children are all majors, not even a single cent is paid to anybody even though the contributor has contributed a vast sum of hard-earned money. This is a swindle legally carried out by the Government and that too by an elected Government of the people. This is worse than the mushroom insurance companies. Thousands of public servants are forced to make monthly contributions to something that may not benefit them. Only the Government can benefit in some cases from this scheme. This Widows and Orphans Fund is a relic of the colonial past and such a vestigial organ should be excised from the body politic. If at all it is necessary, it should be replaced by an enlightened form of social insurance or welfare scheme.

From the written answer to my question on the Widows and Orphans Pension Scheme, during the October session of this House, the Prime Minister in his reply has stated as follows:

"Government has accepted the recommendation of a Committee appointed to review the operation of the existing Widows and Orphans Pension Scheme with a view to replacing it with a new one. The scheme has been referred to the Staff Side, Whitley Council, and their views on the proposal are still awaited."

Mr Chairman, Sir, it therefore appears that about \$70 million has been collected from the contributors and very little has been paid out. The

number of people benefiting each year is negligible while the amount of contribution is considerable. This has gone on for more than sixty years, and the grouses of the contributors have been ignored. This is most inexcusable in an elected Government. It should be the duty of the Government to treat all employees impartially and protect their interests. But the Minister of Finance has dilly-dallied and not taken any interest in the pleas of the public servants. He has neglected his duty to the people. Such an attitude can only be found in a Minister who thinks of profit for the Government only and not for its employees as well.

I urge the Government now to declare that the contribution scheme will be abolished and that a method of refunding to all contributors, with or without eligible dependants, whatever contributions they have made. From another point of view, this compulsory deduction is a form of taxation as it goes into revenue. If such, it is a most inequitable and discriminatory form of taxation wholly and totally at variance with the spirit of our Constitution which does not provide for any form of special levy, contribution or taxation based only on religion or religious affinity except the Muslim religion. As such, the Widows and Orphans Fund Pension Scheme must be scrapped straightaway. I hope the Assistant Minister concerned, Sir, will give us a definite reply on this matter.

Now, Mr Chairman, Sir, I wish to close with a few quotations from two press cuttings. In the *Straits Times* of the 20th September, 1960, there was a very excellent article which posed this question:

"What has the Government been doing with the money taken away by way of compulsory contributions? Why can't membership to the Fund be optional? Why does the money go to the Treasury? Why are not widows entitled to a refund? How much of the Fund, millions, have been invested and at what interest?"

Mr Chairman, Sir, in the *Malay Mail* of 3rd December, there is this caption, "Union calls on Government to abolish Widows and Orphans Fund Scheme. Resolution for M.T.U.C. Conference

next week", and I just want to list out some of main objections to the Scheme:

"The contributions are compulsory;
the Fund is made use of as a Government revenue and expenditure item;
benefit derived is limited to a few people by restrictions of the law;
contribution is very high compared with the risk;
dependants of many of the contributors get nothing compared with an insurance policy;
the Fund cannot be equally applied to all employees of the Government and even a number of them with an equal force;
the contributions are made over thirty-five years or until the employee reaches his 65th birthday."

In view of what I have said, I now call upon the Government, not just the Assistant Minister concerned, to give this matter urgent consideration and to withdraw this Fund and to find a more equitable way of administering it, if it is decided to be more benevolent to a certain sector of public employees.

Enche' Hussein bin Toh Muda Hassan (Raub): Tuan Pengerusi, saya suka memberitahu kepada Dewan ini, ada-kah wakil dari Batu itu, ada-kah dia sahaja hendak berchakap dalam Dewan ini? Tiap² kali dia sahaja bangun, pada hal dia ada Setia-usaha, dia ada itu dan ini di-rumah-nya, patut-lah siapkan lebih dahulu apa² yang hendak di-chakapkan di-dalam Dewan ini.

Dr Tan Chee Khoon: Sir, on a point of clarification, does the Honourable Member concerned wish to muffle my mouth or that of the Opposition?

Enche' Hussein bin Toh Muda Hassan: Muka surat 29 Head (1) Sub-head (6) Bayaran Khidmat kepada Ahli² Dewan Ra'ayat. Ini bukan-lah berma'ana, Tuan Pengerusi, saya hendak minta bayaran lebih kepada Ahli² Dewan Ra'ayat ini,—tidak, tetapi saya suka hendak memberitahu di-dalam Dewan ini kerana Ahli² Dewan Ra'ayat yang ada di-dalam ini, ada juga dasar "have dan have-not". Jadi saya harap-lah kepada Kementerian yang berkenaan tentang bayaran khidmatan ini tolong-lah timbangkan apa² kemudahan lain daripada keadaan² yang ada pada masa sekarang.

Yang kedua-nya, di-dalam kaki-tangan Jabatan Parlimen, saya dapati kaki-tangan dalam Jabatan Parlimen ini sa-bagaimana dari tahun 1959 dahulu bagitu-lah juga ada sekarang ini; kerja sa-makin hari sa-makin banyak. Jadi, saya harap Menteri yang berkenaan yang menjaga hal Parlimen ini, atau pun kepada Tuan Pengerusi sendiri, siasat-lah supaya jangan ada kaki-tangan yang bekerja di-sini bersungut mengatakan kerja banyak, lambat balek, ta' ada bayar overtime dan sa-bagai-nya.

Berkenaan dengan tadbir kewangan pun, saya dapati dalam Jabatan Parlimen ini ada juga lambat sedikit berkenaan dengan tadbiran kewangan-nya. Maka di-sini saya shorkan supaya Jabatan Parlimen ini, di-jadikan satu jabatan yang tertutup ia-itu "closed service". Saya shorkan kepada Menteri yang berkenaan ia-itu patut di-adakan satu kira² "one-twelfth advance" sebab saya hendak menegaskan sa-bagaimana yang saya katakan tadi dalam Dewan ini, dasar have and have-not itu memang ada. Jadi, masa persidangan, Ahli² Yang Berhormat yang datang daripada jauh yang duduk berbulan di-di-sini, tentu-lah sampai masa-nya sekarang—ma'alum sahaja-lah, jadi kamana hendak mengadu di-Kuala Lumpur ini. Jadi, dengan ada-nya pendahuluan "one-twelfth" ini agaknya senang sedikit bagi Ahli² Dewan ini untuk hendak menchukupkan belanja-nya sa-masa berada di-sini.

Dalam muka surat 30, Head I juga, Sub-head (16) berkenaan dengan Pemberita². Bagini-lah estimate-nya semenjak daripada tahun 1959 sa-panjang yang saya dapat tahu. Hari itu wakil daripada Bungsar, ia-itu sa-orang daripada wakil P.A.P. daripada Singapura, telah berchakap berkenaan dengan hal keadaan di-Singapura—iri hati saya mendengar-nya; boleh Singapura pula membayar gaji lebih, fasal apa kita di-sini ta' boleh bayar gaji lebih kepada pemberita² kita. Di-sini mula gaji-nya hanya-lah \$350, apa fasal di-Singapura boleh bayar mula² gaji-nya \$700? Sebab sa-patut-nya kita sa-bagai Pusat Negara mesti lebih daripada Negeri². Bagi mengejek² agak saya, pendapat saya daripada Ahli Yang Berhormat

dari Bungsar itu: "Kami di-Singapura hari ini meshuarat, malam hari dapat report Hansard itu ka-tangan kami."

Jadi, sa-patut-nya Kerajaan mesti-lah mengambil berat di-atas hal Pemberita² kita ini yang sedang ada berkhidmat dalam Jabatan Parlimen ini. Bagaimana kata wakil Jerai sa-malam, tahun² muka itu, muka itu juga kita tengok, tetapi dengan menaikkan tingkatan gaji yang asal, yang awal, rasa saya boleh menarek lagi orang² yang akan berkhidmat ka-dalam jawatan Pemberita² dalam Parlimen ini. Bagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir yang dia telah pun melihat tempat² yang lain dalam dunia ini saya perchaya-lah Ahli Yang Berhormat itu, kerana rata dunia ini dia telah melawat-nya—saya perchaya sangat chakap-nya itu, patut-lah chakap Ahli Yang Berhormat itu kita sokong dengan sa-penoh-nya.

Muka surat 32, Pechahan Kepala 19—Persidangan Yang di-Pertua² Dewan peruntokan sa-banyak \$7,000. Apa tujuan-nya di-adakan Persidangan Yang di-Pertua² Dewan itu, saya tidak hendak ambil tahu sangat, tetapi adakah datang di-Kuala Lumpur ini, dudok bertukar² fikiran, atau pun bertanyakan hal negeri masing², atau pun hendak mensesuaikan dasar² persidangan negeri masing²?

Dalam muka surat 74, Head S. 9—Federation Establishment Office. Saya hendak menguchapkan tahniah kepada jabatan ini, kerana jabatan ini sudah beransor² baik, bagus perjalanan kerjanya, sebab pada masa dahulu, saya dapati dalam jabatan ini ada satu puak yang hendak chuba pula mengelolakan hal itu, maka mudah²an dengan berkat ada-nya Wakil² Ra'ayat nampak-nya perkara itu telah betul, dan puak² yang chuba hendak mengharu-birukan di-pejabat itu sudah ta' ada lagi di-situ.

Dalam Head itu juga, muka surat 74, Butiran (11)—Pegawai Melayu. Saya dapati Pegawai Melayu ia-itu dalam bahasa orang puteh-nya Malay Administrative Officer ini sangat kekurangan pada masa sekarang ini, macham dalam daerah saya, Raub, telah lama sangat pegawai Melayu ini ta' ada.

Jadi, saya dapati sangat susah, kadang² Tuan Pegawai Daerah kena pergi meshuarat ka-Kuantan, maka Penolong Pegawai Daerah pula pergi di-merata kampung, tiba² datang orang kampung ka-pejabat hendak tukar nama, hendak sain itu, sain ini di-hadapan-nya, tiba² ta' ada pegawai. Jadi, itu-lah satu² daripada kesulitan²-nya, dan juga saya harap sa-orang Pegawai Melayu patut di-tempatkan di-Raub itu, kerana hal keadaan perubahan pentadbiran dan kerja²-nya pula banyak, maka ta' boleh di-pikul oleh dua orang pegawai, ia-itu satu Pegawai Daerah dan sa-orang lagi Penolong Pegawai Daerah; sa-patut ada sa-orang lagi Pegawai Penolong. Segala sungutan² berkenaan dengan kesukaran orang² kampung, Wakil² Ra'ayat-lah yang dahulu mendapat tahu. Di-dalam perkara Pegawai Melayu ini juga, tadi saya tahu-lah berkenaan dengan Scheme of Service ini, saya pun ta' berapa faham juga—kalau hendak nanti orang dari lepasan university juga hendak jadikan Pegawai Melayu, susah juga; apa salah-nya kita ambil daripada mereka yang lulus School Certificate, Grade II atau Grade III—ambil terus, atau pun banyak di-antara pegawai² yang sedang berkhidmat di-dalam jabatan² yang lain yang ada qualification yang sa-rupa itu, galakkan mereka² membuat permohonan masok berkhidmat dalam Malay Administrative Service ini. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Enche' Sim Boon Liang (Sarawak):

Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head S. 8, pages 69 and 72, Office of the State Development Officer, Kuching, Sarawak. Sir, I would like to point out that there is still a shortage of staff to assist the rural development in Sarawak. At present there is only one State Development Officer and several Divisional Officers and all of them are stationed in the State Capital and Divisional Capitals. They are not looking after some parts of the rural areas properly; they just look after certain parts of Sarawak and not the whole of Sarawak. Now I would like to suggest to the Government that every District should have one District Development Officer so that they can look after each District properly and

find out the rural productive areas for the people, to assist them and give them employment, in order in future to raise the standard of living for the people in the rural areas.

Sir, the future of our country would be bleak indeed if we fail to step up the tempo of development all round and within the limits of our resources. So, Mr Chairman, Sir, I would like to suggest to Government to look carefully into this matter. Thank you, Sir.

Enche' Harun bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, sa-lepas daripada dirasmikan pembukaan Parlimen ini pada tahun yang lalu, ada berlaku satu perkara yang luar biasa di-dalam Parlimen ini, ia-itu pada masa sedang Ahli² bermeshuarat di-sini telah masuk sa-orang, barangkali yang tidak berapa siuman fikiran-nya, ka-dalam Dewan ini, yang mana tidak di-sedari oleh penjaga² pintu atau pun pegawai² polis yang berkawal. Perkara itu saya bukan-lah hendak menyentuh di-atas kawalan pihak polis atau pun Bentara Dewan ini, tetapi saya telah memikirkan banyak hari dan ta'jub di-atas kejadian itu lebeh² lagi pada masa itu sedang negara kita dalam anchaman dharurat. Jadi, saya rasa tentu ada satu padahan—orang tua² Melayu berkata benda² yang pelek sa-umpama itu tentu ada satu padahan dalam Parlimen ini, jadi selang tidak berapa lama berbunyi-lah pihak Indonesia telah pun menghantar orang²-nya ka-negara kita. Tetapi dalam hal ini, saya memikirkan bukan-lah pula dengan ada-nya orang yang tidak siuman itu dapat masuk dalam Dewan ini berma'ana pihak Indonesia itu melanggar negara kita. Orang yang masuk ka-dalam Dewan ini orang yang tidak siuman. Boleh jadi konferantasi itu pun di-jalankan oleh orang yang tidak siuman juga.

Berbalek saya kapada satu perkara dalam muka surat 62 berkenaan dengan Pertandingan Membacha Quran Tahunan. Walau pun telah di-tentang oleh wakil Bachok kelmarin yang mana beliau telah mengeluarkan fikiran yang pelek ia-itu meminta negara kita ini menyerang Indonesia, kemudian minta pertandingan Quran ini di-batalkan dengan alasan orang yang membacha-

nya itu tidak mengerti ma'ana-nya dan juga orang yang mendengar-nya. Jadi sa-olah²-nya dia mengecil²kan usaha Kerajaan dan menempelak Kerajaan. Fikiran saya berlain pula ia-itu walau pun kita tidak dapat mengerti ma'ana-nya, tetapi berkat anjoran yang kita buat daripada Quran itu memang ada kapada kita. Baharu² ini pihak Jabatan Penerangan telah pun mempamerkan surat-khabar dari Masir dalam Dewan ini, kalau tidak silap saya nama-nya dalam bahasa Arab "Al ahram". Sa-masa persidangan Afro-Asia di-Cairo, kita semua tahu bangkangan daripada pihak President Sukarno membawa beratus wakil dengan tujuan hendak mempengaruhi ahli² Afro-Asia, tetapi waktu tamat persidangan itu dalam surat-khabar "Al ahram" telah pun menyiarkan gambar² yang besar. Salah satu daripada-nya gambar² pertandingan Quran. Jadi, dalam hemmat saya Yang Teramat Mulia Perdana Menteri yang menganjorkan pertandingan membacha Quran ini, walau pun kita tidak mengerti ma'ana-nya, tetapi hikmat-nya Tuhan telah tunjukkan. Saya yakin dan perchaya dengan pertandingan Quran itu yang mana President Sukarno tidak dapat hendak mempengaruhi segala wakil²-nya di-Cairo. Satu jawapan yang tepat sa-lepas persidangan itu beberapa gambar sa-lain daripada gambar Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri dan qari² Quran telah di-siarkan. Dalam perkara membacha Quran ini saya boleh katakan pada tiap² tahun berhubung dengan pihak pengurus pertandingan ini menjemput qari² dari Masir membawa ka-daerah saya. Dalam perchakapan saya dengan qari² itu, mereka sangat setuju di-atas chara yang telah di-jalankan oleh Kerajaan kita di-sini. Boleh jadi apa yang mereka tengok di-sini dapat mempengaruhi pula bukan sahaja negara² dalam lengkongan Republic Arab Bersatu, bahkan negara² Islam yang lain dalam benua Afrika.

Tadi telah saya katakan orang yang tidak siuman masuk ka-dalam Dewan ini walau pun perkara itu telah dipandang kecil, yang di-bawa oleh masa begitu sahaja, tetapi itu suatu

alamat yang tidak baik, tetapi dengan ada-nya berkat yang kita buat pada tiap² tahun dalam negara kita ini, akan selamat. Satu perkara yang pelek sekali saya dengar daripada wakil Bachok yang dia tidak suka orang² Islam, khas-nya orang Melayu, ketageh dengan bacaan Quran. Ini saya berasa pelek, kerana kita selalu dengar orang² yang benchi hal ugama ini daripada negara komunis. Dia kata ugama itu chandu kepada manusia. Ini di-ucapkan oleh pemimpin Parti Islam. Kalau mengikut ajaran Islam, memang kita mahu sa-barang apa perkara yang disuroh oleh Tuhan itu biar jadi chandu, tetapi wakil PAS itu berlainan pula. Ada-kah pendapat-nya olok²? Tetapi kalau betul² terbit daripada hati kechil-nya yang dia tidak suka pertandingan membacha Quran di-jalankan, walau pun dia berchakap bagi diri-nya sahaja, saya minta dan harap supaya di-bawa perkara ini berunding dengan Kerajaan PAS di-Kelantan, sama ada dia bersetuju atau pun tidak bersetuju meneruskan pertandingan membacha Quran ini. Kalau dia berani berbuat demikian baharu-lah saya berasa yakin, tetapi saya rasa wakil² PAS yang lain tidakkan bersetuju, sebab terdahulu daripada itu pun wakil Pasir Puteh meminta peruntokan yang lebih dan sa-banyak \$45,000 itu tidak cukup.

Jadi, pendapat antara wakil PAS sa-orang dengan sa-orang itu telah bertentangan dalam perkara ini. Pehak saya, peruntokan sa-banyak \$45,000—itu, kalau di-bandingkan dengan perbelanjaan tahun yang lalu, memanglah tidak mencukupi. Pada tahun lalu jumlah kita buat pertandingan dengan negeri² yang tidak berapa buah sahaja, tetapi pada tahun ini kita berchadang hendak panggil lebih banyak lagi, tambahan pula dengan ada-nya pertandingan ahli² wanita. Jadi dengan perbelanjaan yang sa-banyak itu tentu-lah tidak mencukupi.

Sa-lain daripada itu, perbelanjaan² pertandingan ini saya rasa patut-lah pehak Kerajaan mengambil perhatian juga pada masa qari² itu datang ka-tanah ayer kita ini, sa-masa di-bawa ka-negeri² atau ka-daerah². Nampak-nya

pada tahun² yang lalu sa-masa qari² daripada luar itu jika di-bawa ka-daerah masing², perbelanjaan-nya di-bayar oleh penduduk² itu sendiri. Jadi, sa-bagai tetamu luar jika di-biarkan bagitu tentu-lah layan² yang di-berikan kepada mereka itu tidak cukup sempurna. Saya berharap-lah wang perbelanjaan untuk melayankan mereka itu sa-masa di-jemput oleh daerah² maka patut-lah mendapat perbelanjaan daripada pehak Kerajaan Pusat juga, atau pun dengan perintah Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Negeri mengeluarkan wang bagi perbelanjaan mereka itu.

Pada tahun ini Pertandingan Membacha Quran barangkali lebih mariah lagi daripada tahun² yang lalu dengan ada-nya Talivishen. Pada tahun yang lalu waktu di-adakan pertandingan, Talivishen belum ada lagi, tetapi pada tahun ini barangkali merata² tempat ada alat Talivishen, lebih ramai lagi orang² boleh mendengar dan melihat wajah qari² itu sendiri. Tetapi didalam perkara ini, saya berasa hendak memberi satu shor kepada pehak Kerajaan ia-itu dalam bulan puasa, kita bukan hanya hendak mendengar pembacaan Quran sahaja bahkan hendak sembahyang taraweh. Pada tahun yang lalu saya telah mengeshor-kan kepada Kerajaan supaya permulaan hendak mengadakan pertandingan itu di-anjukkan pada pukul 9.30 malam supaya selesai semua orang² sembahyang taraweh dapat-lah mereka pergi mendengar dan melihat pertandingan itu. Tok² Imam dan orang² yang hendak pergi sembahyang taraweh dengan sebab mereka itu terlampau gemar hendak mendengar bacaan Quran, mereka itu telah alfa tidak pergi sembahyang taraweh dengan sebab masa yang kita buat pertandingan itu sama dengan masa hendak sembahyang. Jadi, pada tahun akan datang saya mohon-lah kepada pehak Kerajaan terutama sa-kali kepada Tunku Perdana Menteri supaya mulakan pada pukul 9.30 dan di-habis-kan lewat sedikit sa-hingga pukul 1.00. Jadi itu-lah rayuan orang² kampong mengenai Pertandingan Membacha Quran ini. Sa-takat itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-atas S. 1, Butiran 6. Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, satu ucapan yang telah di-buat oleh wakil daripada Ipoh yang saya menganggapkan satu ucapan yang sudah sampai satu ketika ia-itu yang boleh menyebabkan habis-lah kesabaran terutama sa-kali di-arahkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Kalau-lah ucapan-nya itu di-hadapkan kepada kami—pehak back benchers tidak-lah berapa keberatan kerana back benchers ini, bagaimana di-chabarkan-nya pun, tentu-lah tidak boleh hendak buat apa². Tetapi ucapan itu di-hadapkan tegas terhadap Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, sa-orang daripada Ahli Cabinet, satu chabaran yang memberi tamparan yang sangat hebat. Saya perchaya tidak-lah boleh kita jawab sa-bagaimana jawapan yang di-buat oleh Menteri Yang Berhormat tadi. Sekarang, sa-umpama bahasa Inggeris "the gloves have been thrown to the ground" hendak di-sambut, tetapi chabaran itu di-sambut bukanlah dengan chara yang tidak di-kehendaki, saperti menggunakan undang² hutan siapa gagah dia-lah yang menang. Tetapi kita jangan mengambil jalan itu, yang ada pada kita ia-lah chara berperlembagaan. Maka saya rasa, bagi saya dan seluroh orang yang chintakan perdamaian negeri ini—ra'ayat Malaysia yang chintakan tanah ayer-nya, 100 peratus berada di-belakang Yang Berhormat Menteri nanti atas apa tindakan yang akan di-ambil terhadap wakil yang men-chabar itu. Sa-bagaimana ucapan saya masa dalam ucapan dasar am dahulu, ia-itu tindakan² yang telah memberi bekas yang baik telah di-jalankan oleh Kerajaan Singapura dan Kerajaan kita patut juga mengambil tindakan untuk kepentingan negara kita. Jadi, saya harap tamparan itu tidak-lah tinggal tamparan sahaja.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan hal perbelanjaan Parlimen kita. Satu perkara yang saya hendak bertanya, di-Dewan kita ini ada garage—tempat² simpan kereta, ada tempat

simpanan kereta yang baharu, tetapi malang-nya pada meshuarat Dewan kali ini atau pun penggal yang kedua ini, motorkar² daripada Ahli² Dewan Ra'ayat tidak boleh pergi simpan di-situ. Ini telah di-tahan oleh Polis² yang menjaga. Jadi saya rasa, sa-bagai Ahli Dewan, kereta-nya sama juga dengan kereta orang yang di-khaskan itu—berharga juga. Saya rasa, siapa dahulu dia-lah dapat masok, tidak-lah ada perbezaan. Jadi, saya tidak perchaya ada arahan khas terhadap perkara ini. Barangkali kerana pegawai itu tidak faham mengarahkan kereta atau hendak menyenangkan arahan²-nya dengan memberi fikiran sa-macham itu. Saya sendiri telah chuba masok di-situ. "Oh! tidak boleh", kata-nya, "ini bukan tempat tuan". Jadi, kalau sa-kira-nya macham itu, sediakan lagi tempat² lain, sungguh pun jawab-nya nanti tunggu-lah dahulu kita tidak ada duit, saya rasa tidak ada perbedzaan dalam perkara ini.

Bagitu juga, Tuan Pengerusi, kita ada di-sediakan bilek² tetapi pada pandangan saya bilek² yang di-pakai oleh Ahli² itu tidak banyak—tidak sampai 10 peratus pun. Jadi, saya perchaya kalau sa-kira-nya dapat bilek² ini di-jadikan betul² rumah rehat Ahli² Dewan ini supaya menggunakan-nya pada masa bersidang di-sini, ini dapat mengurangkan perbelanjaan Ahli² Dewan daripada menyewa Hotel² yang lebeh mahal. Bagitu juga di-sini boleh dapat satu tempat yang sunyi boleh Ahli² Dewan ini berehat dan menimbangkan perkara² yang akan di-binchangkan dalam Dewan ini. Jadi pada masa ini, saya memikirkan kalau kita tinggal dengan hawa dingin-nya, dengan tidak ada orang dudok di-dalam bilek itu, jadi tentu-lah saya rasa tidak memberi faedah. Jadi kalau dapat di-sediakan kelengkapan supaya Ahli Dewan boleh menjadikan rumah rehat di-tempat itu. Rasa saya akan memberi keelokan kepada Ahli² Dewan sakalian.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya berchakap di-atas S. 3 berkenaan dengan Juru Odit atau pun perbelanjaan yang di-berikan kepada Odit Negara kita. Perkara ini telah di-sentuh oleh sa-orang wakil berkenaan dengan hal

Lottery Board. Jadi saya berpen-dapat patut Lottery Board ini di-awasi oleh Odit Negara. Kita ber-kehendakkan supaya penyata itu dapat di-lihat oleh orang ramai bagaimana di-jalankan dan boleh memuaskan hati Odit Negara itu. Sebab sekarang Lottery Board itu wang-nya telah di-masokkan dalam Tabong Negara. Jadi saya harap dapat juga perkara² perbelanjaan dan sa-bagaimana di-jalankan oleh Lottery itu di-awasi oleh Odit Negara kita. Dan dapat perhatian daripada usaha² daripada orang ramai dan daripada Ahli² Dewan Ra'ayat supaya di-tablekan, kerana kita hendak tahu bagaimanakah keadaan Lottery itu di-jalankan dalam negara kita ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, Election Commission. Saya minta perhatian daripada Pegawai² Election ini ber-kenaan dengan Undang² itu patut di-bawa dalam Dewan ini, Undang² yang sedang berjalan pada masa ini ia-itu satu Undang² dalam masa Pilehan Raya Town Council. Satu daripada chara-nya ia-lah chalun² yang hendak masuk menjadi chalun hendak-lah mengetahui bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris yang faseh untuk boleh di-gunakan oleh mereka itu dalam menjalankan meshuarat dalam Town Council itu, tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, pegawai² yang menerima kertas chalun² itu tidak boleh menentukan chalun² itu boleh menepati kehendak² Undang² itu. Jadi terpaksa di-bawa ka-Mahkamah di-tentukan oleh Mahkamah yang si-polan ini tidak boleh berbahasa kebangsaan baharu-lah tempat itu kosong. Jadi saya rasa kalau dapat berjalan dengan lichin dan elok ia-itu Pegawai² di-atas itu boleh menentukan dan memutuskan, ada-kah chalun² yang di-dapati itu layak bagaimana kehendak² Undang² Pilehan Raya Town Council itu. Dengan itu tidak-lah menyusahkan orang² yang akan masuk menjadi chalun, dan juga kalau tidak menjadi chalun, kemudian pula akan di-tolak dengan sebab tidak chukup sharat² itu, maka ini menganiayakan dan menghabiskan wang orang yang menjadi chalun itu. Jadi untuk melichinkan perkara ini, rasa saya Pegawai

yang menentukan chalun itu di-berikan tanggung-jawab boleh menentukan mengikut sharat² untuk menjadi sa-orang itu boleh jadi chalun atau memutuskan pada masa itu juga.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, ber-kenaan hal perbelanjaan Pilehan Raya Kechil Tempatan. Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, patut-nya perbelanjaan ini kita hapuskan sahaja. Dan Pilehan Raya di-Town Council itu, pada pendapat saya, pada masa ini belum-lah sampai, kerana tidak ada banyak Local Council. Dalam ka-wasan saya tidak dapat di-jalankan dengan betul, kerana orang yang menjalankan itu tidak ada pengalaman dalam Majlis² Tempatan itu, dan juga banyak kerugian yang tidak boleh mereka jalankan kerana kurang penga-laman. Jadi separoh Local Council tidak dapat menunjukkan kemajuan-nya dengan sebab mereka² itu tidak ada pengalaman. Jadi kalau kita ada Majlis Tempatan ini juga, jadi tidak-lah memberi jaminan yang besar. Sa-patut-nya Majlis Tempatan ini boleh menguruskan terus kepada Pegawai² Daerah yang ada di-tempat itu yang ada pengalaman tinggi yang boleh mengarahkan kebaikan Local Council itu tadi.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, S. 5 P.S.C. Ini satu jawatan yang biasa yang saya puji, dan tidak menyebelahi ka-mana² pehak dan ka-mana² parti. Satu perkara yang saya hendak tegaskan bila ada sa-suatu jawatan kosong, di-panggil orang² yang hendak masuk bekerja dalam tempat itu, mereka di-beritahu, kamu datang pada sekian² hari untuk di-temuduga oleh P.S.C. atau wakil-nya. Dalam panggilan ini di-terangkan hendak-lah kamu bawa Sijil Beranak, kedua bawa Surat² Akuan daripada orang² ternama untuk boleh memberikan akuan dan me-mandu P.S.C. boleh-kah layak atau tidak orang ini memegang jawatan. Jadi apa telah terjadi, Tuan Pengerusi, bila orang ini balek umpama-nya di-daerah saya, banyak saya beri Surat Akuan, kata-nya surat Enche' tidak laku, kerana apabila surat itu di-beri sahaja kepada-nya, di-champakkan ka-dalam basket, kata-nya mengapa surat Tengku Abdul Rahman tidak di-bawa!

Ini-lah yang saya dukachitakan, Tuan Pengerusi, kerana kalau sa-kira-nya tidak mahu jangan minta surat itu, tetapi dalam panggilan itu terang menyatakan berkehendakkan Surat Akuan, jadi rasa saya, saya tidak tahu bukan semua barangkali juga dalam P.S.C. ini ada orang² yang berparti. Kalau tengok surat akuan dari ahli² parti Perikatan oleh sebab dia chenderong kapada Socialis, agak-nya, dia benchi surat² yang di-bawa atau pun Surat Akuan yang di-beri daripada Perikatan ini. Jadi tidak-lah berma'ana P.S.C. ini betul² bebas dan orang yang dipileh yang di-jadikan anggota dalam ini hendak-lah daripada orang² yang bebas. Ini rasa saya, bukan sa-kali dua di-bangkitkan dalam Dewan ini tetapi juga pada masa Parlimen dahulu pun ada. Jadi saya harap arahan ini di-berikan kapada mereka² untuk mengelokkan perkara ini dengan kerana kalau sa-kira-nya di-buat sachara bagini, bukan sahaja menjatohkan maruah orang² yang memberi surat itu, tetapi orang yang membawa surat itu membazir membawa surat itu. Lebih baik-lah jangan bawa surat itu.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, berchakap berkenaan S. 9 ia-itu Butiran 11, Pegawai² Melayu kita. Saya nampak, saya tidak tahu-lah apa-kah dasar Kerajaan sekarang ini, saya nampak dasar akan menghapuskan jawatan Pegawai Melayu itu, sebab mustahil, saya memikirkan seluruh tanah ayer kita ini, chuma 21 orang yang dudok dalam Pegawai M.A.S. Kita tahu pada masa yang lampau banyak Pegawai² yang dalam M.A.S. ini. Kita tidak tahu dasar Kerajaan hendak menghapuskan, tetapi jika Kerajaan hendak menghapuskan, saya merayu untuk kepentingan negara ini, ini-lah satu jawatan yang di-harapkan oleh anak bumiputra kita. Jadi saya sifatkan Pegawai Melayu ini atau M.A.S. ini bukan untuk orang negeri Melayu sahaja, tetapi pegawai anak bumiputra juga. Jadi saya berharap kalau hendak menghapuskan, mintalah jangan di-hapuskan, dan minta-lah di-expand atau di-besarkan lagi tiap² satu pejabat dalam Tanah Melayu kita ini, umpama-nya dalam urusan anak

bumiputra orang Melayu di-kampong² luar bandar mesti ada sa-orang mewakili jawatan itu, dan begitu juga dalam bandar supaya dapat satu tempat yang penting dalam negara ini. Jadi sa-kali lagi, rasa saya, tentu-lah saya tidak perchaya dasar Kerajaan hendak menghapuskan ini, tetapi buat macham ini, hidup segan mati ta' mahu habis pun tidak, bertambah pun tidak. Patut-lah di-timbangkan pada masa hadapan dan saya berharap dapat melihat bilangan² Pegawai M.A.S. ini akan bertambah banyak lagi, dan kalau sa-kira-nya dapat, tidak-lah di-hapuskan jawatan ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya berasa berkenaan dengan hal dalam Pejabat Perjawatan Persekutuan (F.E.O.) ini yang ada perbelanjaan-nya lebih kurang 10 million ringgit dalam Pejabat Perjawatan ini, saya berasa berat ya'ani satu perkara yang telah di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan ia-itu terhadap peng'itirafan daripada pejabat ini bagi union², atau pun kesatuan² daripada Pembantu² Rumah Sakit. Jadi, sebab-nya, kerana pada pendapat saya, yang saya tahu, ia-lah bersangkut-nya ia-lah oleh sebab Pejabat Perjawatan Persekutuan (F.E.O.) ini tidak mahu meng'itiraf-nya. Jadi, dengan sebab itu, maka kita menghadapi mogok yang akan di-lancharkan—satu perkhidmatan yang sangat² penting dalam negara kita, ia-itu Perkhidmatan Rumah Sakit. Jadi, pada masa hadapan saya berharap, yang pejabat ini hendak-lah mengambil berat terhadap perkara² yang sa-macham ini, dan juga terhadap perkerja² kita yang menjadi tulang belakang negara kita. Jadi, sunggoh pun begitu hendak-lah di-timbangkan dengan lekas-nya, jangan-lah kita berpegang kapada perkara², atau pun berpegang kapada chara yang lama, sebab saya tahu dalam persatuan Trade Union ini, ada yang opportunist, yang tidak di-sokong oleh orang ramai. Ia-itu untuk kepentingan mereka, tetapi, kita mesti memandang kapada kepentingan orang ramai, terutama sa-kali ahli² yang ramai dalam Trade Union, atau pun Pembantu Rumah Sakit yang ada pada masa ini. Dengan sebab itu, saya rasa, saya telah

menyiasat di-mana-kah sangkut-nya, ada-lah Kementerian Kesihatan dan Pejabat Perjawatan Persekutuan (F.E.O.) patut mengambil tindakan terhadap perkara ini supaya lekas di-ambil tindakan supaya akibat mogok yang akan di-lancarkan itu tidak akan menyusahkan kita, dan akan membaiki kedudukan pekerja² kita yang ta'at kapada kita. Terima kaseh.

Enche' Ismail bin Idris (Penang (Selatan): Tuan Pengerusi, saya juga bangun untuk menyokong perbelanjaan ini, dan sa-belum daripada saya mengeluarkan sedikit pendapat saya, saya suka-lah hendak menyuarakan dalam Majlis ini supaya jangan-lah berlaku sa-bagaimana perkara yang telah berlaku pada hari sa-malam di-mana sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang telah membuat tuduhan, atau pun bangkangan yang keras kapada sa-orang Menteri yang tidak bersalah.

Tuan Pengerusi, di-dalam muka 42, Pechahan Kepala 5 ia-itu Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Sa-mula Daftar Pemilih. Saya bersetuju benar dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan sa-malam, kerana perkara itu memang berlaku di-kawasan saya, dan memang-lah perkara² itu di-minta supaya saya membawa ka-dalam Majlis ini.

Sa-lain daripada itu, saya suka-lah hendak memberi sedikit pandangan kapada pejabat ini berkenaan dengan penyemakan sa-mula. Di-dalam pilihan raya pada bulan April ini, ada di-dapati sa-orang pengundi telah mendaftarkan nama-nya dua kali di-dalam buku² daftar. Ini telah pun di-buktikan oleh rakan saya dan saya sendiri dapat membuktikan, kerana di-antara beratus² nama yang ada di-dalam buku daftar itu ada mempunyai dua nama. Umpama-nya di-satu kawasan, Pilihan Raya Negeri, dan di-satu kawasan yang lain dalam kawasan pilihan raya Federal, ada di-dapati dua nama, umpama-nya nama yang mula—buku daftar yang mula itu di-gunakan dengan nombor kad pengenalan yang lama dan buku daftar kawasan yang lagi satu itu di-gunakan nombor kad pengenalan yang baharu.

Jadi, oleh sebab kedua² nama itu, nama yang satu itu menggunakan dua nombor kad pengenalan, maka dia dapat-lah mengundi dua kali. Ini memang terjadi di-dalam kawasan saya, dan saya telah dapat menangkap orang itu dalam waktu pilihan raya baharu² ini. Siapa juga yang mendaftarkan nama-nya sa-belum tahun 1962 dia menggunakan kad pengenalan lama, dan orang itu juga yang mendaftar nama-nya sa-lepas daripada tahun 1962 dia menggunakan nombor kad pengenalan baharu. Oleh yang demikian, di-dalam penyemakan sa-mula ini, saya suka-lah meminta supaya pejabat ini menyemak sa-mula dan membaiki, atau pun hapuskan langsung buku daftar ini, dan di-sambong sa-mula, atau pun di-buat lain dengan buku pendaftaran pilihan raya yang lengkap dan baharu, supaya nama-nya yang satu ada ini tidak lagi menjadi satu kekeliruan pada Pendaftar Pemilih. Pada masa itu, saya, atau pun Parti Perikatan khas-nya, terpaksa mengadakan mata gelap untuk menchari, atau pun menyelideki orang² yang pergi mengundi dua kali itu.

Perkara ini telah pun saya bawa sa-belum pilihan raya itu kapada Penyelia Pilihan Raya di-Pulau Pinang, tetapi tidak-lah kita hendak salahkan Penyelia itu, kerana buku pendaftaran itu telah pun di-sahkan dan di-bolehkan. Dia hanya beritahu kapada kita sa-kira-nya kalau di-dapati ada sa-sa-orang itu mengundi dua kali, maka kita boleh tangkap orang itu dan bawa ka-pengetahuan polis—itu sahaja, tetapi walau bagaimana pun, saya menguchapkan terima kaseh kapada penyokong² Perikatan pada hari itu yang mana mereka telah menjadi mata gelap dan mereka dapat pula menangkap orang² yang chuba hendak mengundi dua kali itu.

Satu lagi perkara yang saya hendak bawa, Tuan Pengerusi, muka surat 58—Surohanjaya Khas Gaji. Saya sunggoh mengalu²kan dengan ada-nya Surohanjaya ini, kerana kita semua tahu berkali² desakan permohonan, permintaan dan rayuan daripada pekerja² dengan tidak berhenti². Jadi, dengan ada-nya Surohanjaya ini nanti, harus-lah keadaan²

yang sedang berlaku berkenaan dengan tuntutan gaji ini akan berkurangan dan harus-lah tidak berlaku.

Dalam hal ini suka-lah saya, Tuan Pengerusi, membawa satu rayuan yang telah di-hantar kepada saya oleh Kesatuan Pekerja² Laut Kerajaan, yang mana kesatuan ini telah pun membuat rayuan dan permohonan kepada Pega-wai Perjawatan Kuala Lumpur, Setia-usaha Kementerian Pengangkutan dan Pengarah Laut dalam bulan Januari, 1964, tetapi malang-nya saya telah diberitahu apa² pun tidak di-usahakan dalam hal ini. Saya tahu benar² kedudukan dan kesusahan kaki²-tangan dan pekerja² laut Kerajaan ini sangat-lah leteh keadaan-nya, tambahan pula dengan keadaan negara kita sedang menghadapi konfrantasi Indonesia, maka kerja² yang di-jalankan oleh pekerja² laut itu lebeh bertambah dan lebeh berat. Maka oleh yang demikian, saya mohon kepada yang bertanggung-jawab supaya dapat menimbangkan kedudukan pekerja² laut Kerajaan ini demi kepentingan kerja² mereka yang telah di-perhebatkan lagi itu dan demi kedudukan ahli² itu, khas-nya di-dalam soal tangga-gaji. Saya juga telah diberitahu bahawa tangga-gaji mereka pada hari ini sangat-lah berkurangan kalau di-bandingkan dengan pekerja² di-Pejabat Kerajaan yang lain. Jadi, ini-lah rayuan saya, Tuan Pengerusi, supaya pehak yang bertanggung-jawab dapat memerhatikan dan memberi pertimbangan. Terima kaseh.

Wau Hassan bin Wan Daud (Tumpat): Bangun!

Mr Chairman: Berapa lama hendak berchakap?

Wan Hassan bin Wan Daud: Dalam 10 minit.

Mr Chairman: Tuan belum berchakap lagi?

Wan Hassan bin Wan Daud: Saya belum berchakap lagi. Saya ucapkan terima kaseh kepada Tuan, yang sudi menoleh ka-kiri walau pun jarang² sa-kali. Saya suka berchakap dalam S. 7 muka 59 ia-itu Pejabat Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak dan S. 8 muka 67 ia-itu Pejabat Setia-usaha Persekutuan, Kuching.

Tuan Pengerusi, saya suka menganjorkan kepada Kerajaan supaya Pejabat Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak menggantikan Pejabat Setia-usaha Persekutuan, Kuching, kerana saya perchaya dan saya tidak tahu apa-kah tugas² Pejabat Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak ini. Kalau-lah tugas² Pejabat Setia-usaha Persekutuan, Kuching, di-masokkan di-bawah Pejabat Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, maka saya perchaya ini ada-lah satu perkara yang patut dan layak. Dan kalau perlu, di-sebabkan memandang kepada tugas Pejabat Setia-usaha Persekutuan, Kuching itu besar, maka patut-lah di-tubuhkan satu Kementerian khas yang bernama Kementerian Hal Ehwal Sarawak. Kalau ini di-lakukan, Tuan Pengerusi, saya perchaya tidak-lah akan timbul lagi bagaimana yang pernah di-ucapkan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain bahawa Pejabat Setia-usaha Persekutuan, Kuching, itu merupakan sa-bagai "Colonial Office" dan sa-bagai-nya, kerana Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak yang kebetulan pula ra'ayat dan anak Sarawak jati; memang-lah sa-patut-nya dan sa-layak-nya mentadbirkan dan mengawasi hal² di-Sarawak itu. Ini akan menjauhkan tuduhan² yang di-pandang oleh orang di-Sarawak sendiri yang mengatakan kita di-Malaya ini mahu menjajah jajahan² atau negeri² lain dalam Malaysia ini supaya tuduhan yang sa-macam itu tidak akan timbul dalam hati kechil ra'ayat di-Sarawak itu sendiri.

Bagaimana, Tuan Pengerusi, saya mithalkan pernah tuduhan² yang sa-macam ini berlaku di-sabahagian besar wilayah² dalam Indonesia. Orang² Sumatra, Kalimantan Selatan, Celebes dan lain² telah menuduh bahawa Kerajaan Indonesia telah menggunakan orang² Jawa untuk menjajah penduduk² di-kawasan dan jajahan lain dalam negara Indonesia itu hingga pernah menimbulkan pemberontakan² di-Acheh, Bukit Tinggi, Celebes dan beberapa bahagian lain. Timbul-nya pemberontakan ini terbit dari perasaan hati kechil ra'ayat itu yang merasa walau pun mereka berada dalam sa-buah negara yang satu,

tetapi mereka merasa sa-olah² mereka di-tekan dan di-jajah oleh bangsa-nya sendiri.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentoh dalam S. 7 muka surat 62 Pechahan Kepala 12—Pertandingan Membacha Quran Tahunan, yang telah banyak di-binchangkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini. Saya memang bersetuju dengan pendapat sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Bachok tentang kurang-nya faedah yang di-dapati dalam Pertandingan Membacha Quran itu kalau di-bandingkan dengan mentafsirkan atau mengupas Al-Quran itu sendiri. Sa-benar-nya, tidak ada pertentangan fikiran dalam masaalah ini antara Yang Berhormat² daripada PAS, chuma berten-tang dalam soal mengeluarkan chakap sahaja. Saya perchaya pehak Ahli² Yang Berhormat daripada Perikatan sendiri bersetuju dengan pendapat ini bahawa kalau boleh di-anjorkan pertandingan mengupas Quran atau pun muzakarah tentang isi² Quran. Ini memang lebeh ber-faedah daripada Pertandingan Mem-bacha Quran, tetapi kalau pehak Kerajaan memikirkan bahawa Per-tandingan Membacha Quran-ulkarim itu merupakan sa-bagai permulaan ka-arrah pertandingan mentafsir atau pun mengupas atau muzakarah Al-Quran itu sendiri. Maka Pertan-dingan Membacha Quran ini patut-lah di-beri kepujian dan sokongan oleh seluroh ra'ayat yang berugama Islam dalam negeri ini dan jadi kan pertandingan itu sa-bagai mukaddi-mah atau permulaan, kalau wayang gambar sa-bagai "trailer" sahaja dahulu, atau untuk hendak ber-kempen mengambarkan kechante kan dan kebaikan isi Al-Quran. Jadi sa-bagai tayangan gambar perchu-baan sahaja untuk memberitahu ka-pada orang ramai yang benda ini bagus dan tengok-lah sa-bahagian daripadanya. Ini memang bagus. Saya puji perkara itu. Untuk mena-rek minat orang ramai, mudah² an pertama kali ini mereka sho' atau pun tertarek hati kapada bacaan yang merdu, kemudian akan timbul perasaan mereka mahu mengetahui

apa-kah isi dan rahsia yang terkan-dong dalam Al-Quran-ulkarim itu.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, untok penjelasan. Saya lihat pentafsiran Quran itu di-lakukan dalam masa pertandingan itu.

Enche' Tajudin bin Ali Tuan Pengerusi, untok penjelasan. . . .

Mr Chairman: Penjelasan yang per-tama itu belum selesaikan lagi.

Wan Hassan bin Wan Daud: Pen-jelasan yang satu itu belum selesai saya jawab. Memang-lah ada ku-pasan di-dalam pertandingan itu dan itu-lah yang saya katakan patut di-beri kepujian kapada Kerajaan supaya masa akan datang kupasan dan penjelasan itu di-beri dengan lebeh panjang lagi.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Tidak-kah membacha satu langkah yang pertama, pentafsiran langkah yang kedua di-jalankan sa-kali gus dalam satu masa?

Wan Hassan bin Wan Daud: Ya, itu memang satu pahala, dan sebab itu-lah saya beri pujian, tetapi yang saya maksudkan supaya kupasan itu di-lanjutkan lagi di-masa hadapan.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Penge-rusi, untok penjelasan. Saya dengar Yang Berhormat ada mengeluarkan perkataan *sho'* tadi membacha Quran. Jadi *sho'* macham mana maksud kapada Quran itu—saya tidak faham (*Ketawa*).

Wan Hassan bin Wan Daud: Yang sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, *sho'* itu dia sudah faham, tetapi chuma memahamkan perkara yang dia sudah faham.

Enche' Tajudin bin Ali: Tuan Pengerusi, untok penjelasan. . . .

Wan Hassan bin Wan Daud: Saya tidak beri jalan sebab masa pendek.

Mr Chairman: (*Kapada Enche' Tajudin*) Dia tidak beri jalan.

Wan Hassan bin Wan Daud: Tuan Pengerusi, saya tadi berasa geli hati

mendengar sa-orang Ahli Yang Berhormat yang begitu siuman berchakap dalam Dewan ini yang mana memandang bahawa ada yang lain kurang siuman, ia-itu membandingkan tentang bagaimana Pertandingan Membacha Quran ini telah mendapat sanjongan yang tinggi di-luar negeri, kata-nya, Umpama-nya, surat-khabar "*Al ahrām*" U.A.R. menyiarkan gambar qari² dalam pertandingan Membacha Quran itu.

Apa yang saya geli hati, Tuan Pengerusi, saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu sendiri tidak tahu bahasa Arab. Apa yang di-siarkan dalam akhbar itu, sa-benar-nya gambar itu di-bayar sa-bagai i'lan dan bukan-lah cherita yang hendak di-besar²kan dan bukan-lah sa-bagai makalah yang di-tulis dalam majalah. Barangkali pejabat Duta kita di-Cairo telah membayar i'lan untuk di-siarkan perkara itu, dan bukan-lah satu berita yang di-besar²kan. Amatlah geli hati saya, sa-orang yang begitu siuman telah berchakap apa yang dia sendiri tidak tahu, Tuan Pengerusi.

Enche' Ali bin Haji Ahmad (Pontian Selatan): Tuan Pengerusi, itu *improper motive*.

Wan Hassan bin Wan Daud: Tuan Pengerusi, oleh sebab saya berjanji tadi untuk beruchap dalam masa pendek sahaja, jadi itu-lah ucapan saya untuk memberikan penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat itu. Terima kaseh.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil kesempatan untuk menyokong dan mengalu²kan peruntukan perbelanjaan di-bentangkan oleh Menteri yang berkenaan, terutama sa-kali saya suka-lah mengambil bahagian berkenaan dengan Parlimen. Saya mengambil kesempatan menguchapkan sa-tinggi² tahniah dan terima kaseh di-atas kecekapan tuan Setia-usaha dan pegawai² kaki-tangan termasuk-lah pegawai Serjeant-at-Arms, Interpreter dan pegawai² pejabat yang cekap menjalankan kerja dengan memuaskan hati.

Walau pun begitu, saya sukachitalah juga menyokong dan mengambil perhatian atas soal tambahan elaun atau tambahan gaji kepada pegawai² yang memang bertugas khas di-masa persidangan Parlimen ini, terutama sa-kali elaun lebeh masa atau *overtime* terhadap Serjeant-at-Arms kita, Operator dan juga elaun kepada Pemberita² kita yang bertugas pada sa-tiap masa di-sini.

Satu lagi perkara yang saya suka menarek perhatian ia-itu berkenaan dengan Telephone Operator kita yang saya rasa pada hari ini hanya sa-orang sahaja yang bekerja siang dan malam kadang² lebeh masa. Jadi, saya berpendapat elok-lah sangat pehak yang berkenaan menambahkan elaun overtime dan juga menambahkan lagi Telephone Operator itu dengan beberapa orang lagi supaya dapat-lah beliau berpeluang untuk berehat dan untuk mendapatkan chuti.

Tadi, rakan saya dari Raub ada membangkitkan soal kewangan ia-itu elaun meshuarat bagi Ahli² Parlimen yang bertugas di-sini. Saya rasa patut-lah juga memberi sokongan ia-itu pehak Parlimen ini mengadakan satu peruntokan yang dapat di-bayar dengan segera-nya. Ini bukan-lah ma'ana-nya kelemahan daripada pegawai kewangan kita di-sini atau pun pegawai Treasury kita di-sana tetapi ada-lah di-sebabkan peratoran. Kalau peratoran itu di-buat ia-itu satu peruntokan sakian² banyak di-Jabatan Parlimen sendiri dapat-lah memberi kemudahan kepada Ahli² Parlimen yang di-bawah tanggungan tuan Setia-usaha Dewan ini sendiri, dapat di-bayar dengan serta-merta, maka saya rasa perkara itu amat-lah senang dan mudah dan dapat memberi kepuasan hati sa-tiap ahli. Ma'alum-lah, sa-bagaimana yang di-uchapkan oleh Ahli Yang Berhormat wakil dari Raub tadi, ada di-antara wakil² kita yang kehabisan perbelanjaan pada masa persidangan yang begitu lama. Jadi kalau peruntokan itu dapat di-buat di-bawah kelolaan tuan Setia-usaha Dewan, maka dapat-lah di-bayar dengan segera. Saya rasa perkara itu amat mudah dan senang.

Lagi satu perkara berhubung dengan muka surat 31, Pechahan Kepala 3—Lampu, Kuasa Letrik dan Ayer.

Mr Speaker: Muka berapa?

Enche' Othman bin Abdullah: Di-muka 31, berkenaan dengan Pechahan Kepala 3 ia-itu lampu, kuasa letrik dan ayer. Saya tidak-lah suka menyentuh banyak² perkara, tetapi hanya hendak mengingatkan pehak yang berkenaan supaya tiap² masa di-bilek sembahyang yang indah di-bawah itu hendak-lah ada sentiasa berapi. Jadi, saya biasa pergi ka-tempat itu dan juga membawa kawan² untuk melawat dan untuk beribadat di-situ, tiba² chari tempat lampu tidak dapat, jadi tidak dapat sembahyang di-situ. Saya minta-lah di-pasang lampu² yang gemerlapan—yang lebeh indah dan chantek di-tempat sembahyang itu.

Lagi satu perkara yang saya suka hendak berchakap berhubung dengan Surohanjaya Pilehan Raya ia-itu di-Kepala S. 4. Saya juga menyokong ucapan daripada rakan² saya kelmari dan hari ini supaya Surohanjaya Pilehan Raya itu memikirkan balek soal² pendaftaran pengundi² dan penyemakan daftar yang di-kampung². Kalau saya tidak lupa, sudah bertahun² lama-nya saya telah menyuarakan soal ini menarek perhatian Surohanjaya Pilehan Raya supaya Penolong Pegawai Pendaftaran di-kampung² itu di-berikan kepada orang² yang lebeh sesuai di-kampung, terutama sa-kali Penghulu², Ketua² Kawasan atau guru tempatan yang sedang mengajar, mereka mengetahui selok-belok dan kenal semua sa-kali orang² kampung di-situ. Dengan jalan ini-lah dapat mengelakkan daripada berlaku-nya pendaftaran dua kali, berlaku kesilapan dan ketinggalan mendaftar dan berlaku-nya orang yang sudah berpindah atau mati pun belum di-potong nama-nya lagi. Jadi ini amat pelek sampai lima, enam orang sudah meninggal dunia, nama-nya itu maseh ada lagi. Jadi ini adal-ah kechuaian daripada pehak² Penolong Pendaftaran itu sendiri. Kerana Pen-

long² Pendaftar ini terdiri daripada pegawai² Kerajaan yang bertugas di-pejabat daripada pukul 9.00 membawa pukul 4.30 petang. Sa-lepas 4.30 itu-lah baharu dia mulai melawat ka-kampung², masa pun sudah suntok, perkara itu tidak dapat hendak di-jalankan dengan sempurna hanya tinggal kertas² itu sahaja, di-rumah ketua² kampung. Bagitu-lah chara² yang kurang bertanggung-jawab dan sa-harus-nya dapat di-ubah dengan sa-berapa segera. Bukan-lah saya menudoh semua sa-kali pegawai² bagitu, tetapi ada sa-tengah²-nya memberi borang² itu kepada Ketua Kampung, pada hal Ketua Kampung tidak mendapat sa-barang elaun pun untuk menjalankan kerja bahkan rokok sa-batang pun dia tidak boleh dapat, tetapi oleh sebab tugas itu tugas Kerajaan, maka mereka pun tolong-lah jalankan dengan chara sukarela. Jadi pada tegas-nya di-harap pehak Surohanjaya Pilehan Raya memikirkan kembali, memberikan Penolong² Pendaftaran itu kepada Penghulu² Kampung, Ketua² Kawasan atau pun kepada guru² tempatan dan di-berikan elaun kepada mereka itu sa-bagaimana elaun yang telah di-berikan kepada Penolong² Pegawai Pendaftaran Kerajaan yang menjalankan tugas-nya pada hari ini.

Saya rasa dengan chara itu-lah sebab-nya dapat pehak orang ramai berpuas hati. Saya chukup bertimbang rasa dengan sa-orang kawan ia-itu sa-orang kampung yang ingin hendak mengundi daripada tahun 1955 dahulu sampai sekarang ini, tidak dapat hendak mengundi, kerana apabila di-semak di-dalam buku pendaftaran, nama-nya sudah ketinggalan.

Satu lagi yang saya suka hendak bangkitkan ia-lah di-muka 62 Bachaan Quran. Saya rasa peruntukan ini pun tidak mencukupi, tetapi saya juga yakin pehak Kerajaan akan dapat menambahkan lagi pada masa akan datang demi untuk kepentingan ugama rasmi di-negeri kita ini. Tetapi apa yang saya kesalkan terhadap wakil² PAS yang berchakap sa-bentar tadi, sa-olah² menegakkan benang basah, mempertahankan Yang Berhormat dari

Bachok itu. Yang sa-benar-nya saya sudah faham dan saya sudah teliti dengan saksama-nya PAS ini tidak langsung mempunyai apa² dasar pun, sama ada dasar kebangsaan atau dasar Islam. Dan satu perkara kecil tentang bacaan Quran tidak dapat di-chantumkan fikiran antara mereka² itu semua, sa-orang minta bantuan lebeh, sa-orang minta hapuskan langsung, dan boleh jadi kalau ada banyak wakil PAS, maka banyak-lah lagi fikiran² yang di-keluarkan, satu sama lain tidak bersamaan. Saya menyeru-lah kalau sa-kira-nya mereka itu hendak betul² berjuang sa-chara Islam yang akan menegakkan Islam, baik-lah mengadakan meshuarat dan saya berseru kepada ketua pehak PAS itu memanggil dan menasihatkan orang²-nya supaya jangan bertentang sama² sendiri dalam Dewan ini. Jadi saya telah memerhatikan bahawa PAS ini ada-lah satu parti yang bermain² begitu sahaja yang tidak mengikut dasar perjuangan mereka itu sendiri. Dan mereka hanya mengikut nafsu sendiri, mengikut fikiran sendiri, tidak langsung sa-barang dasar, jadi pada masa hadapan elok-lah pehak ketua² parti itu mengadakan meshuarat dan mengambil tindakan disiplin terhadap orang² yang berchakap yang tidak bertanggung-jawab dalam Majlis ini terhadap kesucian Islam kita.

Satu perkara lagi yang saya suka bangkitkan di-sini ia-lah berhubung dengan perbelanjaan hari Ulang Tahun Malaysia ia-itu muka 62 perkara 14. Saya rasa peruntukan sa-banyak itu patut-lah di-tambah sedikit lagi kerana saya rasa tidak mencukupi. Saya tertarek hati sangat-lah kepada Minggu Perpaduan Ra'ayat yang di-adakan baharu² ini beratus² ribu ra'ayat telah keluar beramai². Saya rasa Minggu Perpaduan Ra'ayat ini di-jadikan pada hari Menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan itu, seluruh ra'ayat bertanggung-jawab dapat merayakan Ulang Tahun Kemerdekaan itu termasuk juga kanak² dan semua bangsa yang ada dalam tanah ayer kita ini. Baharu² ini saya juga mendapat peluang melawat ka-negeri Sabah dan Sarawak, saya dapati Minggu Perpaduan itu sangat-lah ramai dan meriah serta sangat

berkesan, kalau sa-kira-nya Hari Menyambut Kemerdekaan itu di-samakan dengan hari Minggu Perpaduan saya rasa amat-lah berkesan sa-kali seluruh ra'ayat dalam negeri ini sambil merayakan Hari Kemerdekaan dapat pula merayakan Hari Perpaduan ini.

Sa-lain daripada itu lawatan sambil belajar, banyak kawan² saya telah menyuarakan supaya lawatan sambil belajar itu banyak di-tumpukan ka-negeri² Afrika, tetapi saya sa-lain daripada memberi sokongan, sukachita saya menghorkan kepada Menteri yang berkenaan supaya banyak Ahli² Parlimen ini di-beri peluang untuk melawat ka-Sabah dan Sarawak bagi memerhati hal² negeri rakan² kita sana. Jadi dengan ada lawatan² itu dapat-lah di-ambil semangat perasaan kaseh sayang di-antara satu sama lain. Sa-lain daripada itu dapat-lah kita memberikan fikiran² mengambil chontoh tauladan dapat menghorkan kepada Kerajaan kita untuk kebaikan dan kemajuan bagi tempat² di-dalam negara kita ini di-seluruh Malaysia.

Perkara 16 muka 62 juga berlateh di-luar negeri. Saya suka menghorkan juga supaya Ahli² Parlimen di-beri peluang untuk berlateh keluar negeri, terutama sa-kali ka-negeri² United Nation, di-England dan Amerika, di-negeri² yang maju supaya dapat berlateh dalam berbagai² jurusan, terutama sa-kali di-Bangsa² Bersatu, supaya dapat-lah kita mengetahui masaalah² politik mendalam lagi bagi Ahli² Parlimen kita yang mana saya sudah tinjau fikiran kawan² nampak-nya sangat ber-setuju kalau sa-kira-nya pehak Perdana Menteri memberi peluang kepada Ahli² Parlimen yang ingin hendak belajar dan meneruskan pelajaran itu dapat memberi kursus dalam negeri² itu, mudah²an akan dapat lebeh banyak lagi faedah dalam Dewan Ra'ayat dan juga faedah kepada ra'ayat yang di-wakili oleh mereka itu. Saya menegaskan sa-malam supaya peluang² ini akan dapat di-berikan kepada Ahli² Parlimen untuk berlateh dan belajar di-luar negeri.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya suka-lah menarek perhatian dan merasa kesal yang teramat sangat kepada

uchapan yang telah berkali² di-anjorkan oleh wakil² Yang Berhormat dari Ipoh berhubung dengan menjadikan berbagai² bahasa dan chabaran hak² istimewa orang² Melayu. Saya beserta dengan kawan² yang lain supaya menyeru kepada pehak Perdana Menteri kita supaya mengambil satu tindakan yang tegas pada orang² yang saperti ini supaya jangan lagi ada kunchu²-nya atau pengikut-nya yang suka mengapi²-kan perasaan dan menaikkan perasaan perkauman di-dalam tanah ayer kita ini. Bahasa Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan yang terchatit dalam Perlembagaan kita, ma'ana-nya kalau sa-kira-nya ada manusia² yang terdiri daripada Ahli² Dewan ini yang suka hendak menyentoh soal Perlembagaan itu, maka ada-lah di-anggap orang itu sa-bagai orang yang khianat kepada negeri ini sendiri. Kita merasa penoh yakin dan perchaya bahawa bahasa kebangsaan ini bahasa perpaduan kita sendiri, bahasa bagi sakalian ra'ayat dalam seluroh negeri, tetapi kalau ada-lah di-antara orang² yang suka menchabul Perlembagaan, maka minta-lah Perdana Menteri kita sendiri mengambil suatu langkah dan memberi amaran kepada beliau supaya bersedia menghadapi sa-barang perubahan pada masa yang akan datang.

Jadi itu-lah yang saya suka hendak minta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya mengadakan satu undang² menchegeh gulongan² yang menchari kepentingan politik dalam tanah ayer kita ini, yang suka mengapi²kan perasaan dan menaikkan semangat perkauman. Kalau boleh semua bangsa dapat bersatu tegoh di atas tanah ayer kita sendiri dengan tidak kira keturunan dan tidak kira ugama, bahkan ini-lah dia tanah ayer kita yang patut kita tumpukan ta'at setia dengan sa-penoh-nya, tetapi dengan ada-nya orang² yang suka hendak mengapi²kan dan menaikkan semangat perkauman ini amat-lah merbahaya dan di-kesalkan, sa-kali lagi di-minta kepada pehak Perdana Menteri supaya mengambil satu tindakan yang tegas agar penyakit ini tidak merebak kepada orang² lain yang menchari kesempatan di-dalam negeri ini. Sekian-lah, Tuan Pengerusi.

Datin Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian beruchap dalam satu dua perkara dalam Estimate belanjawan tahun 1965 ini, ia-itu dalam Kepala S. 7, muka 55, Istana Tetamu. Di-sini ada menyebutkan ia-itu pelayan besar, satu, ketua pelayan, dua, pelayan rumah, dua, tukang masak, satu, amah jahit, satu, pelayan dapur, satu, dan pelayan amah dobi, satu. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada pehak yang berkenaan mengenai dengan amah dobi dan amah tukang jahit. Pada fikiran saya kedua² jawatan ini tidak-lah begitu mustahak, kerana ada-kah amah² ini kerja²-nya untuk menjahit baju tetamu yang datang melawat di-istana itu, atau pun mendobi baju tetamu, kerana yang saya tahu Istana Tetamu itu di-lawati oleh tetamu yang besar², sa-kali sa-kala sahaja, tidak-lah dudok tetap dalam Istana itu. Jadi, rasa saya tidak-lah mustahak kedua² amah ini di-beri gaji pada tiap² bulan. Kalau sa-kira-nya tidak di-gunakan kedua² amah itu, bererti pehak Kerajaan akan dapat menyelamatkan wang yang di-utokkan kerana kedua² jawatan itu.

Perkara yang kedua ia-lah mengenai Kepala S. 4, Pechahan Kepala 5, muka 42—Pendaftaran Pemilih dan Penye-makan Sa-mula Daftar Pemilih. Sunggoh pun ada wakil² yang telah berchakap mengenai perkara ini, tetapi ada juga yang belum di-terangkan lagi, yang patut saya menerangkan di-sini, kerana saya juga menyokong penoh di-atas apa yang di-katakan oleh wakil² yang telah berchakap lebeh dahulu daripada saya, kerana yang saya dapat tahu, ia-itu Penyelia Pendaftaran Pilehan Raya Menyemak Sa-mula ini di-angkat daripada Pegawai² Kerajaan, manakala pegawai ini pula telah mengambil orang²-nya pergi mendaftarkan daripada kaki-tangan Kerajaan juga. Jadi, kaki-tangan Kerajaan ini menjalankan tugas sa-lepas daripada habis pekerjaan-nya, ia-itu pukul lima baharu mereka berjalan pergi dari rumah ka-rumah hingga ka-malam. Jadi, sa-tengah daripada kaum ibu, ada yang sa-tengah-nya segan, ada yang sa-tengah-nya takut hendak keluar, kerana hari sudah larut

malam, dan ada sa-tengah-nya sebok dengan urusan² di-rumah. Jadi, ta' banyak yang mahu keluar menerima orang yang datang untuk mendaftarkan nama² mereka, dan di-sini saya suka membayangkan supaya mendapat timbangan daripada pehak yang berkenaan supaya, sa-lain daripada kita memberi tugas kepada Ketua² Kampong yang berkenaan, maka patut-lah kita beri peluang ini kepada orang² yang tidak ada berjawatan yang mana kita tahu banyak anak² muda yang telah ada mempunyai pengalaman dan pengetahuan dan belum mendapat pekerjaan—patut-lah orang² ini di-beri menjalankan tugas yang saperti itu. Sa-lain daripada itu pula, patut-lah kita memberi peluang kepada kaum² ibu, kerana saya perchaya kalau peluang ini di-beri kepada kaum² ibu kita tentu mendapat sambutan yang lebeh, kerana kaum ibu tidak berasa changgong apakala pergi ka-rumah² berjumpa dengan kaum² ibu untuk mengambil dan mendaftarkan nama² mereka. Perkara ini telah pun saya kemukakan kepada pehak yang berkenaan berkali², tetapi jawapan-nya sudah penoh dan tidak ada kosong; jadi nampak-nya perkara mendaftarkan pengundi² ini sudah di-konterekkan oleh satu pehak sahaja. Jadi, saya harap pada masa yang akan datang kira-nya dapat di-pertimbangkan dan di-beri-lah peluang kepada kaum² ibu, kerana kita perchaya ada juga di-kalangan kaum ibu yang ada mempunyai pengetahuan dan pengalaman dan chara untuk mendaftarkan nama² mereka yang belum lagi mendaftarkan nama-nya.

Perkara yang ketiga ia-itu Kepala S. 5, muka 44, Surohanjaya Perkhidmatan Awam. Saya menchadangkan ia-itu untuk hendak menaikkan bahasa kebangsaan, hendak di-jadikan bahasa rasmi bagi tahun 1967 ini, maka moleklah bahasa kebangsaan ini di-beri harga, ia-itu barang siapa yang hendak meminta kerja hendak-lah di-utamakan bahasa kebangsaan dahulu. Bila orang yang sudah bekerja apabila hendak di-naikkan pangkat, hendak-lah dia mahir di-dalam bahasa kebangsaan. Masa-nya telah sampai bagi pehak Kerajaan supaya mengubah scheme² perjawatan

yang ada sekarang ini dengan menimbangkan sa-saorang itu hendak menjawat satu² jawatan yang di-kehendaki credit dalam bahasa Inggeris supaya di-gantikan dengan bahasa kebangsaan. Kemudian sa-saorang yang hendak naik pangkat, atau sa-lain-nya, di-timbangkan kebagusan dan kelayakan-nya untuk naik pangkat itu hendak-lah juga di-kehendaki dia-nya mahir di-dalam bahasa kebangsaan juga.

Di-samping itu saya juga menyokong di-atas chadangan daripada rakan² saya, khas-nya daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu, ia-itu S. 7, Butiran (1), muka 51 mengenai elaun Perdana Menteri kita. Memang patut di-naikkan kerana dahulu beliau adalah sa-bagai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, tetapi sekarang telah menjadi Perdana Menteri Persekutuan Malaysia, sa-patut-nya elaun beliau itu di-tambah lagi; sa-lain daripada itu juga elaun Timbalan Perdana Menteri, kerana patut-lah elaun Timbalan Perdana Menteri itu di-tambah juga supaya tidak di-samakan dengan elaun Menteri² yang lain, kerana jawatan mereka itu pun ada-lah berat tanggungan-nya dan untuk mensesuaikan jawatan-nya, patut-lah di-lebuhkan elaun Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu daripada elaun Menteri² lain yang kita nampak di-sini, ia-itu sa-banyak \$3,000—sama dengan Menteri² yang lain yang juga elaun-nya sa-banyak \$3,000. Jadi, dengan ini, saya juga menyokong chadangan² yang telah di-bawa oleh rakan² kita terlebih dahulu. Sekian-lah terima kaseh.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah): Tuan Pengerusi, saya berchakap berkenaan dengan Kepala S. 4, Pechahan Kepala 9 dan 15, muka surat 42 dan 43 ia-itu Pilehan Raya Kechil Majlis Berkuasa Tempatan dan Pilehan Raya Umum Majlis Tempatan. Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, dalam Pilehan Raya Umum Majlis Tempatan—Local Council General Election—ini ada memakan belanja lebeh daripada \$153,072. Saya fikir ada lebeh baik bagi Majlis Tempatan ini di-mansokhkan sama sakali supaya di-kekalkan hanya pilehan raya kechil Majlis Berkuasa Tempatan.

ia-itu supaya ada autonomy ia-itu kuasa-nya sendiri bagaimana Perbandaran (Municipal), Town Council dan Majlis Daerah (District Council). Local Council ini ada hanya di-sembilan buah Negeri; Pulau Pinang dan Melaka tidak termasuk. Di-Pulau Pinang, mithal-nya, kita tidak ada Local Council, kita hanya ada Majlis Daerah (District Council). Dalam satu Majlis Daerah, pengundi² dalam kawasan saya ada 32,000 dan ada lima belas kerusi untuk Majlis Daerah Tengah; untuk satu² kerusi itu ada mempunyai ta' kurang daripada 2,000 pengundi, tetapi dalam Negeri² yang lain ia-itu yang sembilan Negeri ini, mithal-nya Kedah dan Perak, satu² Ahli atau Wakil Ra'ayat yang di-pileh dalam Local Council itu hanya ada 200 orang pengundi. Di-Jinjang, mithal-nya, penduduk-nya ada sa-ramai 2,000 orang pengundi, tetapi ada sembilan atau dua belas Wakil Ra'ayat dalam satu² kawasan. Jadi, ini ta' patut-lah di-adakan.

Saya mengeshorkan supaya di-adakan Majlis Daerah sahaja, ia-itu satu² Daerah itu di-adakan beberapa Wakil Ra'ayat yang mempunyai 2,000 pengundi sa-kurang²-nya.

Berchakap berkenaan dengan Kepala S. 1, Pechahan Kepala 1, Butiran (6)—Bayaran Khidmat Ahli² Dewan Ra'ayat. Saya tidak mahu-lah berchakap panjang, Tuan Pengerusi, hanya saya mengingatkan kepada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini, khas-nya kepada Ahli P.P.P., ta' usah-lah perkara² ini di-bangkit²kan, kerana sa-bagai Wakil Ra'ayat, kita kena-lah bertanggung-jawab, bukan sahaja di-dalam Dewan ini, tetapi juga di-luar Dewan, dan perkara² yang mengongkit²kan satu² bangsa itu ada juga di-dalam Standing Order ini—ini ta' patut kita bangkit²kan, kerana orang² Melayu, Tuan Pengerusi, ada-lah satu bangsa yang terkenal sa-bagai satu bangsa yang pendiam, sabar dan tidak apa, sa-hingga ada dalam kamus bahasa Inggeris mengatakan “Tidak apati”. Jadi, perasaan apa pun—tidak apa, sabar, dan orang Melayu juga sunggoh pun dia sabar dan tidak apa, tetapi terkenal juga sa-bagai satu bangsa yang suka mengamok, sa-hingga ada dalam

bahasa Inggeris masok perkataan “amok”. Kalau perkara² yang selalu di-uchapkan oleh Yang Berhormat dari Ipoh itu boleh membangkitkan perasaan tidak baik, maka orang Melayu ini tidak akan sabar lagi bila mendengar bunyi gendang raya, mereka akan mengamok—perkataan Inggeris “amok”.

Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya hendak chakapkan. Saya sokong penoh ucapan Ahli² Dewan ini sama ada di-sabelah sini dan juga pehak Pembangkang berkenaan dengan gaji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, kerana daripada 50,000 batu persegi Persekutuan Tanah Melayu ini telah pun menjadi Malaysia yang tiga kali ganda luas-nya. Alang-kah sedeh-nya kita lihat Menteri² Besar yang menjaga hanya satu negeri kecil mendapat elaun \$2,000 tetapi Perdana Menteri Malaysia yang mempunyai 14 buah negeri hanya dapat \$4,000. Saya mengeshorkan kalau boleh, sa-bagaimana shor Yang Berhormat Kulim Utara itu, di-naikkan sa-kurang²-nya dua kali ganda daripada gaji sekarang ini. Terima kaseh.

Orang Tua Mohammad Dara bin Langpad (Sabah): Tuan Pengerusi, saya bangun hendak berchakap berkenaan dengan Pertandingan Membacha Quran Tahunan yang ada di-dalam muka 62—Kepala S. 7, Pechahan Kepala 12. Pada pendapat saya tidak-lah saya menyentoh ucapan Ahli² yang berchakap dalam Dewan ini yang mahu atau yang tidak mahu di-adakan pertandingan tersebut, tetapi kita sendiri berfikir perkara ini bukan sahaja baharu pada tahun ini di-jalankan; saya ingat tiap² tahun di-Malaya ini mengadakan Pertandingan Membacha Quran. Pendek kata, Tuan Pengerusi, jangan-lah di-dengar sa-siapa berkata tidak mahu di-adakan pertandingan membacha Quran itu, tetapi mesti-lah di-jalankan juga sa-panjang masa, kerana Yang Berhormat itu barangkali fahaman dan peringatannya berkenaan dengan hasrat Al-Quran sudah salah.

Saya hendak mema'alumkan di-dalam Dewan yang mulia ini ia-itu wakil² yang telah di-hantar ka-Malaya

dari Sabah untuk masuk Pertandingan Membaca Quran nampak-nya tidak dapat nombor, tetapi sebab-nya tidak dapat nombor perlu juga saya menerangkan. Di-Sabah tidak ada guru² sekolah agama yang cukup pandai. Jadi sa-kira-nya Kerajaan dapat menghantar guru² agama yang cukup pandai ka-Sabah dalam tahun ini juga sebab nampak luas dalam hal sekolah agama.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan gaji Yang Teramat Mulia Perdana Menteri di-muka surat 51, Pechahan Kepala 1, Butiran (1). Gaji Perdana Menteri kita itu patut ditambah oleh sebab tanggung-jawab-nya sangat banyak dan susah dan gaji Menteri² juga patut ditambah. Kami Ahli² Dewan Ra'ayat meminta pula kepada Yang Teramat Mulia Perdana Menteri dan Menteri² supaya menyokong pula gaji Ahli² Dewan Ra'ayat di-naikkan.

Saya suka berchakap sedikit berkenaan dengan bahasa kebangsaan. Saya fikir perkara ini, Tuan Pengerusi, tidak-lah payah saya berchakap panjang, kerana memang sudah terchatit dalam Perlembagaan kita ia-itu apabila sampai tahun 1967 bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi Malaysia. Saya fikir Ahli² Yang Berhormat semua sudah tahu perkara ini, jadi tidak-lah guna di-bincangkan banyak². Terima kasih.

Enche' Tan Tsak Yu (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I wish to speak on Head S. 7, Sub-head 1 (1) Personal Emoluments, Prime Minister. Sir, it gives me a pleasant surprise to hear the Honourable Member for Batu suggesting that the personal emolument of the Prime Minister was too low. I recall this time last year, during the Budget debate, when this very question was raised in this House, our Prime Minister was under fire—very strong criticisms came from the Opposition, particularly from the Socialist Front. One Member of that Party even suggested that the Honourable Prime Minister's *gaji* should be reduced because of his disservice to the country. Only after a lapse of 12 months, it is noticeable there is a great change in the

attitude and mentality of the Socialist Front leadership on the subject. I hope this change for the better will be kept up not only on this subject but on other subjects as well.

Sir, now I wish to touch on Head S. 1, Sub-head 5, on page 31, Grants to Commonwealth Parliamentary Association. Yesterday, during the course of his speech, the Honourable Member from Sarawak, Enche' Ong Kee Hui, made reference to the recent visit of Malayan M.Ps and Senators to Sarawak; he suggested that Sarawak M.Ps and Senators should visit Malaya. I cannot agree with him more on the usefulness of such visits. I think not only M.Ps and Senators should exchange visits but our cultural troupes, youth groups and sports organisations should visit one another.

Mr Chairman: Is the Honourable Member reading his speech?

Enche' Tan Tsak Yu: I am only referring to my notes, Sir. As I was saying, our cultural troupes, youth groups and sports organisations should visit one another, so as to promote understanding and closer relationship between the sister States in Malaysia.

Sir, I wish to refer to Head S. 9, Sub-head 17, on page 80—In-Service Training and Overseas Scholarships. We are at present desperately in need of doctors not only in the Bornean States but also in other Malayan territories. In accordance with the present salary scale for doctors, there is not enough attraction to induce doctors from abroad. Therefore, it is necessary that we have to improve our doctors' salary scale and also to train our own doctors to meet our needs. So far as Sarawak is concerned, we have good material for such training. I was in the Scholarship Advisory Committee in Sarawak for a number of years. I remember that—two years ago, when we interviewed candidates applying for scholarships to take up medicine—out of eight candidates three were selected, because we had only three scholarships available at that time; otherwise more would have been selected as they were all good material. Sir, because of lack of scholarships, we simply threw good

material away. It is time now that our institutions of higher learning should make every effort to train more doctors and in the meantime the Government should provide more scholarships for medicine for overseas training. Thank you, Sir.

The Prime Minister: Tuan Pengerusi, banyak-lah masa yang telah di-ambil oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini berkenaan dengan Budget yang ada di-hadapan kita ini dan Budget ini telah pun di-kemukakan oleh Menteri Muda. Jadi bagi pehak saya, saya hendak mengambil sedikit sahaja bahagian di-dalam hal ini—bahagian kena-mengena dengan hal saya sendiri. Terutama sa-kali saya menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah berchadang menaikkan elaun saya dan elaun Menteri². Terima kaseh-lah atas budi masing² yang mengeluarkan hal ini. Tetapi dengan kerana Kerajaan kita pada hari ini menghadapi konfrantasi daripada Indonesia, kena-lah kita untokkan segala² wang ringgit untok mempertahankan negara kita, pada masa hadapan atau pun tahun hadapan boleh-lah di-timbangan sa-kali lagi.

Satu hal lagi berkenaan dengan Pertandingan Membacha Quran, banyak-lah Ahli² Yang Berhormat dalam Majlis ini telah mengambil bahagian di-atas hal ini dan bagi pehak Kerajaan, pendek-nya sa-lama Perikatan memegang kuasa, sa-lama itu-lah Pertandingan Membacha Quran itu akan di-jalankan terus menerus (*Tepok*.) Jadi, berkenaan dengan Pertandingan Membacha Quran ada-lah di-chadangkan supaya peraduan itu mahu-lah di-jalankan daripada pukul 9.30 malam, maka hal ini saya akan kemukakan kepada Committee.

Dan juga satu lagi perkara yang menyakitkan Ahli² kita di-sini ia-itu di-atas Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh, sa-memang tiap² waktu dia buka mulut selalu-lah hendak merampas hak² istimewa orang Melayu dan juga hendak jalankan multi-lingualism atau banyak² bahasa sa-bagai bahasa rasmi di-sini. Jadi, di-sini juga saya katakan, bagi pehak kita sa-lagi pehak Peri-

katan memegang kuasa di-dalam Kerajaan ini, tidak-lah kita bimbang-kan perkara ini. Kita tetap jamin ia-itu bahasa Melayu di-jadikan bahasa rasmi di-sini (*Tepok*). Dia hendak merampas hak² kita itu, semua-nya satu chadangan yang tidak berasas—tidak berisi, satu chadangan yang samata² angan² sahaja.

Next, perhaps, I would like to reply to matters raised by the Honourable Member for Batu, who suggested that the affairs of Jinjang and other matters connected with it should be laid before this House. I have explained to him earlier that this is a matter for the State. But if the Honourable Member is interested about the investigation on the Jinjang Town Council affairs, I will certainly let him have it.

Then he suggested that Government bungalows in Penang and other places is a waste. To this, Sir, I would like to say that these bungalows are very necessary these days for Ministers and Government officials who have to travel extensively in connection with their duties and it is natural, I think, that private accommodation should be provided for the Ministers and for their officials. Particularly at this time for security reasons it is very much desirable—and this is wanted by the Police—that Ministers, etc. must not stay in hotels.

With regard to the Government bungalow up in the Cameron Highlands, I think the Honourable Member should not grudge the little privilege or the little amenities which are given to Government officials and the Ministers to have a little holiday.

Another matter is that visiting Heads of State and also V.I.Ps who have come here from time to time have always made requests to go up the Hill to enjoy the mountain air and we have not got a bungalow in which we could put them up. Therefore, these bungalows up at Cameron Highlands and at Fraser's Hill are, to my mind, very necessary indeed; and according to the list which I have before me, Honourable Members of this House are not excluded from

applying for accommodation in these bungalows.

There is another matter concerning Private Members' motions, which under Standing Order 15 it is stated that Private Members' motions will come after the Government has dealt with its business. But, unfortunately, because of the time taken to discuss Government business we have never had time to deal with Private Members' motions before the end of the sitting of this House. I will, however, put the suggestion of the Honourable Member for Batu to the Standing Orders Committee to consider the request made just now. Perhaps we might be able to devote one day for Private Members' motions.

I think that is about all I need say in reply—the rest will be dealt with by the Honourable Assistant Minister.

Engku Muhsein bin Abd. Kadir: Tuan Pengerusi, semenjak dari malam, saya telah mendengar pandangan² baik sa-chara tegoran, shor² dan lain² telah meliputi kepala² daripada S. 1 sampai-lah S. 12, dan oleh kerana terlampau banyak pandangan itu, boleh jadi-lah tidak semua sa-kali itu boleh saya jawab, memandangkan banyak lagi perkara² yang hendak di-binchangkan. Dan beberapa pandangan² pula ada-lah bertalu² bagi satu² perkara yang tertentu, jadi bagi pandangan begitu saya rasa memadai-lah saya jawab sa-chara kasar-nya sahaja, dan bagi satu² itu tidak mustahak-lah di-sebutkan butir²-nya.

Dalam perkara Kepala S. 1, Parlimen, pandangan² yang di-berikan oleh Ahli² Yang Berhormat terutama sa-kali dalam perkara keadaan rumah Parlimen ini sendiri tentang kebersihan kawasan dan lain² lagi chara kemudahan² Parlimen ini. Jadi perkara ini yang sa-benar-nya kerana Bangunan Parlimen ini sekarang saya di-beri tahu, maseh lagi dalam pentadbiran Jabatan Kerja Raya, dan ranchangan untuk hendak di-tadbirkan sendiri oleh pihak Parlimen akan di-mulakan lepas daripada Persidangan ini. Walau macham mana pun langkah² untuk mengemaskan lagi chara² pekerjaan Parlimen ini sudah-

lah di-ambil dari sa-masa ka-semasa, pertama sa-kali, dalam langkah menjimatkan belanja² kerana Rumah ini. Mithal-nya, sekarang ini lampu² Emergency yang dahulu di-pasang sa-lama 24 jam sa-hari apabila Parlimen bersidang telah tidak di-pasang lagi; dan juga chara² menjimatkan dalam pemakaian alat² hawa dingin dan lain² sedang di-ambil berat.

Ahli dari Pasir Puteh memberi pandangan ia-itu konon-nya, bangunan ini mempunyai satu alat air-condition yang meliputi semua bangunan, dan apabila di-buka satu, maka semua bangunan ini menggunakan-nya. Yang sa-benar-nya perkara itu tidak begitu, saluran air-condition ini ada mempunyai alat² untuk menutup mana² bilek, mana² tempat yang tidak di-gunakan. Sebab itu perkara itu tidak-lah timbul.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah berucap dalam perkara Pemberita² yang mengambil perchakapan² dalam Dewan ini. Pertama sa-kali, beberapa orang Ahli telah membayangkan keraguan-nya oleh kerana, mengikut Butiran (16), Pemberita² bagi tahun 1964 ada 14 orang, dan tahun ini juga 14 orang; dan sedangkan anggaran belanja tahun 1964 sa-banyak \$48,000 lebeh, dan bagi tahun 1965, \$117,000 lebeh. Yang sa-benar-nya perkara itu ada-lah bagi tahun 1964; Pemberita² di-khaskan sa-banyak 8 orang sahaja, bukan 14 orang. Angka 14 itu timbul dalam tahun 1964 ini ia-lah oleh kerana dalam bulan Ogos sa-banyak 6 orang lagi telah di-tambah melalui Establishment Warrant, sebab itu-lah angkanya itu berlainan, ia-itu \$48,000 dalam tahun 1964 dan \$117,000 bagi tahun ini. Ranchangan untuk mengambil Pemberita² itu telah di-buat dan 'iklan² kerana mendapatkan Pemberita² ini juga telah di-buat dan di-harap-lah pada masa yang akan datang ini dapat di-penohkan 14 orang Pemberita² itu, dan jika mithal-nya tidak chukup dengan 14 itu, memang-lah dari masa ka-semasa saya dapat tahu Jabatan Parlimen ini akan berusaha mengikhtiarkan untuk mendapat sa-berapa daya upaya memuaskan hati Ahli² Parlimen supaya dalam

masa akan datang segala report² meshuarat ini dapat di-chepatkan lagi daripada masa yang ada sekarang ini.

Berkenaan dengan kekurangan alat² di-dalam petak pemerhati, saperti alat² mendengar dan lain² itu, perkara ini akan saya edarkan kepada House Committee yang menentukan dalam perkara itu dan saya perchaya perkara ini akan di-ambil perhatian yang berat, dan langkah² untuk kebaikan kepada petak pemerhati itu akan di-ambil perhatian segera, tetapi suka-lah saya menyatakan pada hari pertama Parlimen di-adakan, alat² untuk mendengar telah di-adakan di-tempat pemerhati itu, tetapi malang-nya apabila petang di-dapati alat² itu ada pula yang hilang, jadi itu-lah keadaan-nya yang kadang² menyusahkan juga chara² memberi kemudahan² ini, tetapi saya perchaya ini satu kejadian yang barangkali sangat kechil dan itu tidak-lah menjadi apa² dan sa-berapa daya kesenangan², yang lebeh baik lagi, mesti-lah di-adakan.

Pandangan yang di-berikan oleh wakil Batu hendak mengadakan T.V. pula di-dalam Parlimen ini, maka perkara ini satu perkara yang besar, dan nampak-nya ada Ahli² yang memberi pandangan tentang tidak mustahak-nya atau merbahaya-nya alat² itu. Jadi perkara itu saya rasa buat sementara ini tidak-lah dapat di-jalankan.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir, menegor ketiadaan Pegawai Perpustakaan beberapa hari yang sudah, sa-benar-nya sunggoh pun dalam estimate ada dua jawatan Pegawai Perpustakaan Parlimen, tetapi hanya satu jawatan sahaja telah di-penuhi sekarang ini. Kebetulan pada masa itu Pegawai Perpustakaan itu di-dalam berchuti, tetapi pada masa sekarang pegawai itu telah ada, dan saya berharap pada masa yang akan datang pegawai itu barangkali akan dapat memberi puas hati kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu telah membuat tegoran tentang perbelanjaan menchuchi Parlimen \$5,000

sa-bulan. Peratoran ini hanya sementara, Kementerian ini dan Jabatan Parlimen sedang mengkaji chara² mengurangkan perbelanjaan itu, umpama-nya dengan mengadakan kaki-tangan penchuchi daripada Parlimen sendiri, bukan lagi dengan chara kontrak pada masa akan datang ini.

Berkenaan dengan tangga gaji Pemberita² yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, suka-lah saya menyatakan di-sini, ia-itu scheme gaji ini ia-lah saperti di-shorkan oleh Parliamentary Service Advisory Committee dengan di-persetujuan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya perchaya Yang Berhormat Tuan Speaker, sa-bagai Pengerusi Jawatan-kuasa ini sendiri, akan mengambil ingatan atas perkara ini dan di-ambil tindakan yang sesuai jika mustahak.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan telah bertanya berkenaan dengan perkhidmatan Parlimen sedang memakai kakitangan sementara; perkhidmatan ini baharu sahaja dituboh, dan regulation berkenaan dengan perkhidmatan itu sedang di-bentok, oleh kerana itu tidak-lah perubahan boleh di-buat dengan sertamerta dan matalamat-nya ia-lah hendak mengadakan kakitangan yang tetap. Berkenaan gaji dan sharat perkhidmatan Bentara dan Jaga itu ia-lah mengikut apa² yang di-shorkan oleh Jawatan-kuasa Penasihat Parlimen. Jika mustahak di-pinda kelak, Jawatan-kuasa itu saya perchaya akan menimbangkan-nya. Berkenaan dengan menchuchi Parlimen juga pada masa ini kakitangan itu ia-lah di-pilih oleh kontrakter itu sendiri, apabila Parlimen sudah mengadakan kakitangan-nya sendiri, boleh-lah di-timbangkan perkara mengambil kakitangan daripada berbagai bangsa itu. Berhubung dengan bendera² Negeri yang di-chadangkan supaya di-kibarkan itu saya perchaya perkara itu boleh di-timbangkan dan boleh-lah saya edarkan kepada House Committee.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Barat menchadangkan tempat kereta di-tutup di-belakang Bangunan Parlimen ini di-sediakan, oleh kerana

bangunan ini telah menelan belanja bermillion ringgit dan memandangkan keadaan konfrantasi sekarang ini, maka perkara itu tidak-lah buat sementara ini boleh di-ambil tindakan. Saya perchaya dalam perkara kemerusutan (depreciation) motokar oleh kerana terjemor tengah panas itu, tidak-lah begitu banyak sa-bagaimana yang di-bayangkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru Barat itu, dan boleh-lah di-anggap perkara ini sa-bagai derma atau contribution Ahli Yang Berhormat itu pada kepentingan negara ini. Yang Berhormat telah menunjokkan chontoh dengan menderma sa-ribu ringgit pada Derma Pertahanan Negara ini, maka depreciation sa-banyak \$2,000-\$3,000 sa-tahun itu tentu-lah tidak menjadi apa² kapada beliau.

Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir ada membangkitkan tentang badge motokar free kalau hilang dan rosak. Perkara ini, Tuan Pengerusi, ia-lah peratoran yang di-jalankan sekarang di-beri perchuma untuk sa-buah motokar sahaja, ganti-nya untuk badge yang kedua, kena-lah bayar. Pada biasa-nya sa-buah badge itu boleh tahan lama, kadang² lebeh lama daripada motokar Ahli Yang Berhormat itu sendiri tetapi jika ada kerosakan yang di-sebabkan oleh perlanggaran kereta Ahli Yang Berhormat itu, yang menyebabkan kerosakan badge itu, Jabatan Parlimen boleh-lah menimbangkan perkara keluar perchuma kapada Ahli Yang Berhormat itu, tetapi beri tahu report polis itu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Jadi bagini, Tuan Pengerusi, bila kita masok ka-kampong² melawat kawasan kita apabila kita letakkan motokar jauh sadikit, budak² ini di-patah-nya badge itu, bukan-nya-lah kerana berlanggar atau sa-bagai-nya.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Kerosakan begitu boleh-lah di-beri tahu kapada Insurance Company, dan saya perchaya Company itu akan membayar kerosakan itu.

Berkenaan dengan Perpustakaan Parlimen ini, maka anggaran sa-banyak \$10,000 tahun ini menjadi

100% berlipat ganda daripada tahun lepas dan perkara ini juga boleh-lah saya edarkan pada Jawatan-kuasa Rumah (House Committee) untuk menimbangkan dari masa ka-semasa akan perlu di-tambah lagi buku² di-dalam Parlimen ini, begitu juga buku bahasa kebangsaan bagaimana yang telah di-sebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Mr Speaker: Ada lagi, kalau ada lagi kita sambong sa-belah petang. Persidangan ini di-tempohkan sahingga pukul 4.30 petang ini.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

THE SUPPLY BILL, 1965

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair).

Heads S. 1 to S. 12—

Debate resumed.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, sa-belum saya masok dalam Kepala S. 2, maka perkara yang akhir sa-kali dalam perkara S. 1 ini ia-lah perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut berkenaan dengan kandungan rombongan² Kerajaan Malaysia yang akan di-hantar ka-Bangsa² Bersatu yang mengikut kata-nya ada satu daripadanya terdiri daripada Ahli Yang Berhormat dari Singapura, dan perkara ini suka-lah saya menegaskan ia-itu Ahli Yang Berhormat dari P.A.P. dari Singapura yang di-hantar dalam rombongan ka-Bangsa² Bersatu itu ia-lah oleh kerana P.A.P., telah menegaskan bahawa pendirian-nya dalam menghadapi dunia luar, dalam soal kebangsaan, maka P.A.P. ada-lah bekerjasama dengan Kerajaan yang memerintah sekarang ini. P.A.P. ada-lah sa-buah Kerajaan yang sama² mendukung chita² Malaysia. Sa-kiranya pehak PAS atau P.M.I.P. juga boleh memberi jaminan dan menegaskan bahawa PAS juga bersama² dengan Kerajaan dalam pendirian-nya terhadap Malaysia dan soal yang lain² lagi, maka boleh jadi pehak Kerajaan harus boleh menimbangkan kemasokan Ahli

daripada PAS juga dalam rombongan Malaysia ka-Bangsa² Bersatu ini.

Sekarang saya pergi kepada Kepala S. 2, Tuan Pengerusi, S. 2 ini ia-lah berkenaan dengan Majlis Raja² ia-itu satu perkara yang banyak yang boleh di-katakan terkeluar daripada tugas² dan juga tanggung-jawab² Kerajaan Pusat. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara ada memberikan pandangan berkenaan dengan mustahak-nya penyatuan soal gaji bagi guru² ugama yang ta' sama dapat bagi Negeri² dan mustahak-nya penghargaan yang lebeh wajib di-beri kepada mahasiswa² lepasan University Azhar dan lain². Perkara ini ia-lah soal ugama. Sa-bagaimana yang kita ketahui ini ia-lah tanggung-jawab bagi tiap² Kerajaan Negeri, tetapi barangkali boleh-lah juga di-edarkan kepada meshuarat Menteri² Besar dan Ketua² Menteri bagi tiap² Kerajaan Negeri untuk membincangkan dan menimbangkan soal itu.

Berkenaan dengan shor berkehendakan supaya Undang² Berkahwin dan Bercherai bagi orang² Islam itu diperketatkan lagi, maka Majlis Jawatan-kuasa Tetap telah menyediakan satu penyata yang telah di-persembahkan kepada Majlis Raja². Menurut keputusan Majlis Raja², Penyata Majlis Jawatan-kuasa Tetap yang telah di-pinda itu telah di-hantar kepada semua Setia-usaha Kerajaan Negeri, dan, Tuan Pengerusi, Pejabat Ugama Islam bagi tiap² Negeri di-seluruh Tanah Melayu supaya di-jadikan penyata itu sa-bagai panduan berthabit dengan tindakan hendak meminda, atau pun menggubal Pentadbiran Ugama Islam bagi Negeri masing², maka terpulang-lah kepada negeri itu melaksanakan perkara itu.

Dalam perkara Kepala S. 3, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara ada meminta penerangan berkenaan dengan sebab-nya di-adakan jawatan Timbalan Juru Odit Negara dan siapa yang membuat pemeriksa atas Jabatan Odit itu sendiri. Dalam perkara ada-nya jawatan Timbalan Juru Odit Negara ini ia-lah di-sebabkan oleh kerana Jabatan Odit ini mulai dari tahun 1965 akan menjalan-

kan kerja²-nya bukan sahaja bagi kawasan dalam Malaya ini, tetapi juga dalam Singapura, dalam Sabah dan Sarawak, maka mustahak-lah ada sa-orang Timbalan Juru Odit yang menjalankan kerja²-nya dalam wilayah² yang baharu itu. Sa-orang lagi—Timbalan Juru Odit Negara juga ia-lah jawatan sementara yang akan habis tempoh-nya dalam tahun 1966 ini. Berkenaan dengan siapa yang membuat atas odit itu, maka Pejabat Accountant-General ada-lah bertanggung-jawab atas hal kira² Jabatan Odit itu sendiri.

Dalam perkara Kepala S. 4, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada memberikan pandangan bahawa dalam tahun ini satu rombongan ada di-hantar untuk melawat ka-United Kingdom dan United States kerana memerhatikan pilihan raya. Suka-lah saya hendak memberitahu bahawa rombongan yang pergi itu tidak termasuk belanja-nya daripada wang dalam Butiran ini. Rombongan itu pergi atas jemputan Kerajaan United Kingdom, dan sebab itu kita minta satu laporan itu tidak-lah menasabah, kerana tidak di-hantar melalui Butiran ini.

Yang Berhormat dari Sarawak—yang bertentang dengan saya—ada bertanya kenapa-kah tidak di-adakan jawatan dalam soal pilihan raya ini dalam Sarawak. Perkara ini sedang dalam rundingan dengan Kerajaan² Negeri Sarawak, Sabah dan Singapura dan keputusan-nya akan di-dapati tidak berapa lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Lipis, sa-telah pulang daripada melawat Sarawak baharu² ini, telah berchakap dalam Majlis ini menyatakan Ahli² Bandaran Kuching tidak dapat menerima elaun-nya. Perkara ini ia-lah perkara Kerajaan Negeri Sarawak dan sebab itu tidak-lah menjadi tanggung-jawab Kerajaan Pusat ini.

Yang Berhormat dari Pontian ada memberi pandangan dalam perkara S. 4 Surohanjaya Pilehan Raya, ia-itu pendaftaran ahli² pengundi tidak memberi puas hati dan juga Yang Berhormat dari Besut ada memberi pandangan dalam hal yang sama dan

kadang² mengikut kata-nya parti² politik yang hendak memberi kerjasama tidak di-terima dan Yang Berhormat dari Larut dan Yang Berhormat dari Temerloh ada memberi pandangan dalam perkara ini. Saya suka menyatakan ia-itu saya di-beritahu Surohanjaya Pilehan Raya ini ada-lah berikhtiar sa-beberapa daya upaya dari sa-masa ka-samasa hendak melichinkan chara² pendaftaran ini, tetapi hendak memuaskan hati 100 peratus tentu-lah barangkali tidak dapat. Walau macham mana pun saya perchaya pada saya yang akan datang chara² kerja dan juga mendapat ahli² mengundi dengan lebeh terator akan di-jalankan.

Yang Berhormat dari Larut Utara minta supaya di-potong sahaja alat² Pilehan Raya dalam beberapa butiran. Saya suka hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa Pilehan Raya bukan hanya terhad kepada Pilehan Raya Dewan Negeri atau Dewan Parlimen sahaja, tiap² tahun ada juga Pilehan Raya Daerah, Local Council, Pilehan Raya-kecil dan sa-bagai-nya, sebab itu segala jentera² Pilehan Raya itu kena-lah di-lichin dan di-minyakkan dan boleh di-guna-kan pada bila² masa yang di-kehendaki.

Enche' Tajudin bin Ali: Saya kata kurangkan, jadikan "skeleton service", saya tidak kata potong semua sa-kali.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Sa-memang-nya perkara ini di-kurangkan walau pun dalam jentera-nya di-beberapa tempat di-tutup, tetapi jika Ahli Yang Berhormat itu membacha buku Belanjawan ini, maka tentu-lah Yang Berhormat itu akan dapati belanja kerana Pilehan Raya ini telah berkurangan daripada \$3,223,109 menjadi hanya \$1,484,000 sahaja.

Dalam perkara yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Temerloh ia-itu hendak-nya Returning Officer di-tempat masing² boleh-lah memberi keputusan dalam soal sama ada sa-saorang yang hendak menjadi chalun itu faseh atau tidak dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, maka perkara itu suka-lah saya hendak menyatakan bahawa Returning Officer itu bukan-lah terdiri daripada orang² yang mahir atau pun pakar dalam

soal bahasa kebangsaan atau pun bahasa Inggeris yang boleh menentukan bahawa chalun² itu chukup layak atau tidak layak, sebab itu tentu-lah tidak boleh di-beri kuasa itu kepada Returning Officer demi kepentingan ke'adilan.

Menyambong kepada S. 5, Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara ada memberi pandangan ia-itu pilehan kepada chalun² yang hendak meminta kerja, sa-lain daripada kepandaian atau kelayakan, hendak-lah juga di-pandang kepada pengalaman dan kebolehan chalun² yang demikian itu. Dalam perkara ini Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam ada-lah satu badan yang bebas dan di-dalam menerima sa-saorang chalun itu kena-lah berpandu kepada buku "Scheme of Service" di-mana ditetapkan yang tertentu ada termaktub chara²-nya. Walau macham mana pun pengalaman dan kebolehan sa-saorang itu ada-lah menjadi tambahan kepada peluang²-nya untuk mendapat pekerjaan.

Yang Berhormat dari Temerloh ada membayangkan pagi ini ia-itu kejadian chalun² yang meminta pekerjaan yang pergi "interview" pada Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam membawa surat akuan atau surat lain kadang² surat² akuan itu di-bakul-sampahkan. Maka dalam perkara yang tersebut oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah menyentuh tata tertib (conduct) kedudukan Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam, satu badan yang bersendirian dan tidak-lah patut disebut dalam Dewan ini. Oleh sebab perkara itu telah di-sebutkan saya suka menyatakan ia-itu mengikut keterangan yang saya terima Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam ada-lah memilih chalun² yang di-pandang sesuai dan layak sa-kali untuk jawatan yang di-kehendaki di-isi itu. Dan dalam pemilihan ini kelulusan, pengalaman, kebolehan dan apa sahaja surat keterangan termasuk surat akuan akan di-beri timbangan. Jika sa-kira-nya chalun yang telah di-beri surat akuan oleh Yang Berhormat dari Temerloh itu tidak terpilih, boleh jadi chalun yang tersebut itu barangkali tidak sampai kepada tingkat yang di-kehendaki untuk kerja itu.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud: Tuan Pengerusi, saya tidak menyoal tentang pilihan itu. Saya soalkan perkataan yang di-lafazkan oleh Ahli² Surohanjaya terhadap surat² itu. Dia kata tidak boleh-kah ambil surat lagi daripada Tunku Abdul Rahman. Jadi ini soal yang besar. Jadi orang ini balek ka-kampung cheritakan keadaan ini. Saya tidak soalkan dia pilih siapa.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Soal kejadian ini ia-lah satu kejadian yang berlaku pada satu masa atau ketika bukan-lah sa-bagai umum-nya yang saya rasa boleh di-bahathkan didalam Dewan ini. Perkara² begitu di-bahathkan pada tempat² yang tertentu sahaja dan terpulang-lah kepada yang tertentu pula untuk menyelesaikan perkara itu.

Dalam perkara Jabatan Perdana Menteri, S. 7, wakil dari Pasir Puteh menarek perhatian pada butiran dalam perkara Pertandingan Membacha Quran, wang-nya sadikit dan perkara ini barangkali telah di-jawab oleh Yang Amat Berhormat Tunku Perdana Menteri sendiri. Tetapi saya rasa, saya suka-lah menegor sadikit oleh kerana wakil dari Pasir Puteh ini mendesak wang yang banyak sedangkan wakil dari Bachok pula mendesak supaya di-hapuskan langsung, jadi saya sendiri pun bingung, mana satu yang hendak di-pakai.

Beliau juga bertanya dalam perkara permaidani kuning berharga sa-banyak \$6,000 yang hendak di-beli itu, adakah di-gunakan untuk pembesar² negara yang datang atau tertentu kepada Duli² Yang Maha Mulia Raja² sahaja. Sa-benar-nya permaidani kuning ini mustahak di-beli oleh kerana satu permaidani kuning yang telah di-beli dalam tahun 1957 dahulu boleh di-katakan telah begitu lapok dan burok dan mustahak-lah di-gantikan dengan yang baharu pula. Dan permaidani kuning ini ia-lah sa-mata² apabila Duli² Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong datang berangkat ka-Residency, ka-Parliment atau pun mana² majlis rasmi dan tidak-lah kepada sa-barang orang.

Yang Berhormat wakil daripada Batu ada membangkitkan dalam perkara Surohanjaya Gaji. Yang pertama-nya, Yang Berhormat itu memberi tahniah atas lantekan Surohanjaya Gaji ini yang menurut kata-nya telah di-lantek waktu hendak adakan pilihan raya dahulu, di-harap ini tidak akan menjadi sa-bagai satu stunt pilihan raya. Saya suka-lah menyebutkan perkara ini tidak-lah sa-mata² untuk hendak memenangi pilihan raya, sebab-nya kalau sa-mata² untuk hendak memenangi dalam pilihan raya tentu-lah perkara itu akan habis begitu sahaja tidak di-ambil perjalanan yang sa-penoh-nya, malahan pada hari ini satu peruntukan wang yang tertentu dan perjalanan² yang tertentu telah di-ambil untuk melaksanakan chita² Kerajaan hendak melihat daripada satu masa ka-satu masa kebaikan, kenaikan dan kemajuan kehidupan pekerja²-nya.

Beliau juga ada menyentuh berkenaan lantekan sa-orang Member daripada Singapura yang, mengikut-nya, tidak-lah patut di-lantek oleh kerana kedudukan-nya sa-bagai sa-orang Pengerusi Surohanjaya—Singapore Public Service Commission. Dalam perkara ini terutama sa-kali lantekan ini di-buat oleh pihak Kerajaan Singapura. Yang Berhormat wakil daripada Batu mengatakan, Pengerusi Singapore Public Service Commission tidak-lah layak untuk di-lantek kepada Special Commission ini oleh kerana dia ini chara tidak langsung ia-lah sa-orang majikan. Saya tidak fikir perkara ini—sebab² ini munasabah oleh kerana Surohanjaya Gaji ini ia-lah satu badan bebas yang tidak menyebelah ka-mana² pihak, dan Ahli² Surohanjaya ini ada-lah dalam satu kedudukan yang tertentu yang disebut dalam Perlembagaan hinggan Pengerusi Surohanjaya itu sendiri gaji-nya tidak di-bayar sa-bagaimana biasa tetapi di-bayar daripada charge expenditure dan tidak-lah boleh di-berhentikan daripada jawatan-nya itu sa-bagaimana pekerja² Kerajaan yang lain.

Dalam perkara tugas² Surohanjaya ini, Ahli Yang Berhormat itu juga berserta dengan wakil daripada

Bungsar ada menyentoh berkenaan dengan tidak termasuk-nya pekerja² keretapi di-dalam tugas²—terms of reference—di-dalam Surohanjaya ini. Sa-benar-nya apabila tugas² pekerjaan Surohanjaya ini mula² di-gubal dahulu, keadaan pekerja² keretapi pada masa itu satu keadaan di-namakan *sub judge*. Dan sekarang ini memandang ruling yang telah di-buat oleh Peguam Negara, perkara itu dan juga keputusan yang telah di-chapai dalam Mahkamah dan juga submission yang telah di-buat oleh Staff Side dan Whitley Council, maka soal memasukkan pekerja² keretapi ini di-dalam tugas² Surohanjaya Gaji ini sedang di-selideki dan satu keputusan mu'tamad akan di-beri tidak lama lagi.

Yang Berhormat dari Batu juga ada memberi pandangan ia-itu tugas² Surohanjaya ini ia-lah khas dalam menentukan soal gaji² yang akan di-timbangkan. Dalam perkara ini yang sa-benar-nya tidak-lah begitu. Satu daripada perkara yang di-beri pandangan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah oleh kerana ada-nya syarat bahawa dalam menentukan soal² gaji ini maka keadaan kewangan negara sekarang ini dengan kesusahan² dan lain² perkara lagi hendak-lah di-jadikan sa-bagai satu pandangan di-dalam menentukan soal gaji, maka ini satu perkara yang biasa dan sangat munasabah oleh sebab bagaimana majikan² yang lain, maka tentu-lah di-dalam membuat perkara² hendak-lah majikan² itu memikirkan pula kekuatan-nya dari segi kewangan apabila hendak menentukan gaji pekerja²-nya.

Yang Berhormat juga ada menyentoh berkenaan dengan Seksi Hal Ehwal Malaysia yang mengikut kata-nya, patut-lah di-hapuskan oleh sebab seksinya boleh menaikkan rasa terjah pada orang² di-wilayah² Sabah dan Borneo. Seksi Malaysia di-Jabatan Perdana Menteri ini ia-lah satu seksinya yang telah di-adakan bersabit dengan pembentokan Malaysia.

Dan dengan tujuan bahagian ini dapat melichinkan kerja² mengenai dengan Perlembagaan dan lain² lagi dalam wilayah² sana dengan ada-nya Malaysia ini. Dan dengan ada-nya

seksi ini dapat memuaskan mana² yang belum siap lagi mengenai perkara² berhubung dengan pentadbiran dalam perkara perchantuman Malaysia ini.

Dalam hal ini juga wakil Tumpat ada memberi pandangan supaya hal ehwal Malaysia ini dan juga Jabatan Persekutuan dalam S. 8 itu di-chantumkan dan di-masokkan dalam Jabatan Hal Ehwal Sarawak. Saya rasa jika perkara itu di-buat, itu-lah yang barangkali boleh menyebabkan rasa terjah oleh orang² dan saudara² kita di-Sabah dan Sarawak. Oleh sebab kalau di-jalankan bagaimana pandangan wakil Tumpat itu, ada seksinya yang asing yang tetap dalam hal Sarawak dan Sabah itu, tentu-lah timbul kechurigaan bagaimana yang di-bimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu; pada hal seksinya yang ada ini ia-lah seksinya sementara sa-tahun atau dua tahun, sa-lepas itu akan di-hapuskan.

Yang Berhormat dari Kelantan Hilir ada memberi pandangan dalam perkara bantuan kepada badan² Islam. Sa-benar-nya dalam perkara ini ada berlaku silap faham oleh kerana bantuan pada badan² Islam ini pada tahun lepas nampak-nya banyak oleh kerana pada masa itu di-namakan bantuan badan² pemuda, badan sport, badan kebudayaan dan badan² Islam. Tetapi pada tahun ini bagi badan sport dan bagi badan kebudayaan dan badan belia itu, peruntokan itu di-masokkan dalam butir S. 15 ia-itu Kementerian Kebudayaan dan Sukan, maka sebab itu-lah nampak-nya sekarang ini peruntokan itu menjadi kecil. Jadi ini bukan-lah bererti berkurang, bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Pengerusi, kapada Yang Berhormat Menteri Muda, jadi Pertubuhan Islam itu adakah bersangkut paut dengan Pertubuhan Belia, dan apa-kah yang di-maksudkan dengan Islam?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tentu-lah Islam tidak bersangkut paut, tetapi saya beritahu ia-itu pada tahun lepas grant pada badan² sport, kebudayaan, belia dan Islam itu

di-buat dengan satu butir. Sekarang ini butir Islam sahaja tertinggal, yang butir lain itu masok dalam Kementerian Kebudayaan, kerana itu tidak sama butir²-nya.

Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara ada membayangkan ia-itu pada tahun lepas ada pertandingan Quran dan di-adakan Mu'tamar Islam. Pada tahun ini kenapa tidak di-adakan juga. Sa-panjang yang saya tahu Mu'tamar Islam itu di-adakan tahun lepas, bukan-lah satu peristiwa mesti di-adakan tiap² tahun. Ini adalah Persidangan yang di-adakan bergilir², pada tahun lepas di-adakan di-negeri itu dan tahun ini di-adakan di-tempat lain, dan tahun yang akan datang di-adakan di-tempat lain pula. Jadi bukan-lah satu peristiwa bagaimana yang di-nyatakan oleh Yang Berhormat itu. Walau pun begitu perkara ini akan di-timbangkan oleh pehak Kerajaan.

Dalam perkara butir Lawatan Sambil Belajar, nampak-nya beberapa Ahli Yang Berhormat tahu dan memberi pandangan. Wakil dari Lipis ada memberi pandangan supaya Rombongan Kebudayaan dan lain² lagi dihantar ka-Sabah dan Sarawak. Dan rombongan² di-sana di-bawa ka-mari untuk mendapatkan lagi rasa persaudaraan kita. Suka-lah saya hendak menyatakan, sa-memang-lah satu tujuan lawatan sambil belajar itu sa-bagai langkah pertama, dalam minggu ini juga satu rombongan lawatan sambil belajar telah pergi ka-Sabah di-bawah butir ini. Dan harap-lah pada masa akan datang dapat di-bawa Rombongan² Kebudayaan daripada Sabah dan Sarawak melalui butir² ini ka-Malaya, dan satu masa dapat di-chantumkan rombongan² itu menjadi rombongan² yang besar dapat melawat keseluruh Malaysia dan luar negeri juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman ada menyentoh dalam perkara ini ia-itu mengikut kata-nya di-samping menghantarkan belia², ahli² politik dan ahli² Parlimen dan Ahli² Trade Union dan lain² lagi dalam rombongan lawatan sambil belajar ini, pemimpin² Islam patut-lah di-bawa juga. Perkara ini telah di-ambil ingatan.

Tuan Pengerusi, masok kapada S. 8, dalam perkara Pejabat Setia-usaha Persekutuan, wakil dari Batu ada bertanya berkenaan dengan elaun khas dan elaun keluarga. Peruntukan Pejabat Setia-usaha Persekutuan di-Kuching, Sarawak dan Pejabat Timbalan Setia-usaha Persekutuan di-Sabah, di-mana ada pegawai² Malaysia bertugas, dua² pejabat ini di-tubuhkan dengan peruntukan Malaysia dan pegawai yang bertugas di-sana mengikut peratoran perkhidmatan mereka tidak di-wajibkan bertugas di-luar Malaysia. Maksud-nya ia-itu pegawai² kita di-sini mengikut perjanjian waktu mereka masok bekerja dahulu tidak-lah dihantar mereka itu keluar daripada Malaysia ini, ia-itu sama ada di-Singapura, Sabah dan Sarawak dan lain² tempat lagi. Letak-nya kedua² negeri ini jauh daripada Tanah Melayu, beberapa kesusahan akan di-alami oleh siapa² yang akan bertugas di-sana, seperti belanja hidup yang lebih mahal dan tinggi daripada Malaysia ini dan kemudahan² bagi persekolahan keluarga mereka barangkali kekurangan sedikit sa-bagaimana yang di-dapati di-Malaya ini. Dengan sebab itu-lah elaun² di-tambahkan pada pegawai² di-Malaya ini supaya mereka dapat menchukupi dan juga supaya tidak ketinggalan jauh dengan gaji² pegawai di-Sabah dan Sarawak yang tinggi² itu. Ada-lah di-ma'alumkan bahawa gaji pegawai di-Sabah ada-lah lebih tinggi jika di-bandingkan dengan pegawai² kita di-Malaya ini. Pegawai² di-Malaya ini menjalankan tugas-nya di-Sarawak dan Sabah berdamping dengan pegawai dagang dari negeri Eropah dan gaji dengan lebih tinggi, maka dengan sebab itu-lah ada elaun² ini yang lebih, mudah²an dapat-lah mengimbangkan kedudukan itu.

Yang Berhormat daripada Sarawak ada memberi pandangan supaya dalam tiap² district juga di-adakan Pegawai Kemajuan Negeri bagaimana di-untukkan bagi tingkatan State. Maka perkara² ini sa-benar-nya dalam Malaysia juga pegawai² di-tingkatan negeri sahaja-lah bertugas untuk satu² State itu, dan dalam perkara mengadakan pegawai² tingkatan district di-Sarawak itu satu perkara negeri yang kena-lah

di-rundingkan dengan Kerajaan negeri Sarawak.

Masok saya kapada butir S. 9, ia-itu pandangan yang di-beri oleh Yang Berhormat dari Batu akan perkara banyak-nya tidak lulus dalam Pepereksaan Kerani. Sa-benar-nya pihak Kerajaan memang sedar akan perkara itu dan tindakan² yang sa-wajar-nya telah di-ambil. Sekarang ini kerjasama daripada Staff Side Whitley Council telah merivisekan Scheme² Pepereksaan Kerani dan satu Board of Directors telah di-adakan untuk memberikan question² yang moderate.

Sa-lain daripada itu Kerajaan telah mengadakan sekarang ini 7 Centre atau Pusat Latehan untuk kerani² itu menerima latehan. Saya di-fahamkan satu ribu orang lebeh kerani telah di-lateh oleh Kerajaan supaya apabila mereka masok pepereksaan itu kelak akan dapat natijah yang lebeh memuaskan hati. Pihak Kerajaan ada-lah sentiasa berusaha supaya kecekapan dan kemungkinan naik pangkat bagi pekerja² itu dan juga sentiasa di-beri peluang dengan sa-chara layanan yang memberi puas hati.

Yang Berhormat dari Kota Star Selatan ada memberikan pandangan bahawa General Order yang ada sekarang ini sudah lapok—tidak sesuai lagi. Yang sa-benar-nya berkenaan dengan pindaan pada General Order ini hanya dapat di-lakukan dengan persetujuan pihak pekerja² Majlis Whitley, ia-itu Staff Side dan juga pihak Pejabat Perjawatan.

Apabila ada perkara² dalam General Order yang tidak sesuai lagi, maka perkara itu akan di-kemukakan oleh pekerja, atau pihak pegawai dalam Majlis Whitley. Apabila di-persetujui, maka baharu-lah perkara ini boleh di-pinda. General Order ini ada-lah mengandongi sharat² kerja bagi pegawai² Kerajaan, dan oleh itu segala perubahan ada-lah di-buat dengan persetujuan kedua² belah pihak, dan kedua² belah pihak itu ada-lah sentiasa berunding untuk melihat dari sa-masa ka-samasa tentang General Order dan lain² perkara juga supaya berjalan dengan sa-patut-nya untuk kepentingan kedua² belah pihak ini.

Ahli Yang Berhormat dari Temerloh ada memberikan pandangan supaya jangan di-hapuskan Malay Administrative Service ini. Dalam perkara ini beliau membangkitkan, mengikut katanya, hanya ada tujuh orang sahaja dalam Malay Administrative ini. Yang sa-benar-nya tidak begitu. Jawatan Pegawai Malay Administrative dalam S. 9, Butiran (11) ia-lah bagi Pejabat Perjawatan Persekutuan sahaja. Pada masa ini jumlah yang sa-benar-nya ia-lah sa-banyak 105 orang dan jumlah semuanya sa-banyak 105 orang, dan pengambilan baharu sekarang ini sedang di-lancarkan.

Akhir sa-kali S. 12. Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan ada membuat pertanyaan, tidak boleh-kah perbelanjaan dalam S. 12 ini di-bayar terus oleh Kerajaan British. Maka suka-lah saya menyatakan oleh kerana pegawai² itu bertugas di-negeri ini, maka ada-lah sukar bagi Kerajaan British untuk menentukan bayaran yang pegawai itu berhak menerima-nya tambahan pula sama ada layak bagi pegawai² itu menerima elaun² tertentu ada-lah di-tentukan oleh Kerajaan tempatan. Jadi, itu-lah kedudukan-nya dan sekarang ini, Tuan Pengerusi, saya mengemukakan supaya butir² daripada S. 1, S. 2, S. 3, S. 4, S. 5, S. 6, S. 7, S. 8, S. 9, S. 10, S. 11, S. 12 berjumlah sa-banyak \$30,641,168 menjadi sa-bahagian daripada Jadual. (*Tepok*).

Question put, and agreed to.

The sum of \$3,758,521 for Head S. 1, the sum of \$159,006 for Head S. 2, the sum of \$3,513,398 for Head S. 3, the sum of \$1,488,068 for Head S. 4, the sum of \$632,999 for Head S. 5, the sum of \$109,402 for Head S. 6, the sum of \$4,773,951 for Head S. 7, the sum of \$838,454 for Head S. 8, the sum of \$10,627,065 for Head S. 9, the sum of \$231,540 for Head S. 10, the sum of \$2,064,261 for Head S. 11, and the sum of \$2,444,503 for Head S. 12 ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 13.

Enche' Mohamed Khir Johari: Tuan Pengerusi, sa-jumlah wang sa-banyak \$17,756,216 telah di-chadangkan untuk

perbelanjaan biasa bagi tahun 1965 di bawah Kepala 13—Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Jumlah ini merupakan anggaran perbelanjaan biasa bagi berbagai² Bahagian dari Kementerian saya di-Negeri² Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Anggaran perbelanjaan yang berupa ini bagi Kementerian saya untuk Negeri² tersebut dalam tahun 1964 ia-lah sajumlah sa-banyak \$14,921,336 di-bandingkan dengan anggaran perbelanjaan yang di-chadangkan bagi tahun 1965 akan terdapat melebihi tahun 1964 dengan sa-banyak lebeh sedikit dari \$2.8 juta. Angka² ini tidak-lah termasuk perbelanjaan bagi Bahagian Perhutanan dan Bahagian Mergastua yang telah di-keluarkan dari Kementerian saya sejak pertengahan tahun 1964 ini dan di-masokkan ka-dalam Kementerian Tanah dan Galian. Kelebehan ini membayangkan perkembangan Chawangan Teknik dari Kementerian ini dan berkaitan sa-chara langsung kepada ranchangan pertanian anika jenis.

Saya rasa tidak-lah payah bagi saya menegaskan di-sini bahawa Malaysia, saperti juga lain² negeri yang sedang maju, sa-sunggoh-nya ia-lah sa-buah negeri pertanian dengan lebeh kurang dua pertiga daripada jumlah ra'ayat-nya yang hidup dari hasil² bumi dan hasil² laut sa-panjang pantai-nya. Oleh kerana keadaan ini-lah maka telah menjadi dasar Kerajaan Perikatan melipat-gandakan jumlah dan meninggi-kan mutu hasil² pengeluaran bahan² makanan supaya terchapai chita² men-chukupi keperluan sendiri, sa-tidak²-nya sa-hampir² yang mungkin. Maka dari itu, segala usaha² Kementerian saya ada-lah di-tumpukan kepada kemajuan dan penggunaan seluroh sumber² pertanian di-negeri ini dengan sa-penoh²-nya dan memesatkan perlaksanaan ranchangan anika jenis di-lapangan pertanian untuk mengeluarkan bahan² mentah yang sesuai perlu bagi perusahaan dan eksport, dan dengan yang demikian akan meluaskan tapak per-ekonomian negeri kita. Oleh kerana Kementerian saya mempunyai kedudokan yang terpenting sa-bagai jentera pengeluaran makanan bagi Kerajaan, maka perkembangan usaha² yang meluas dari berbagai² Bahagian dari

Kementerian ini ada-lah membayangkan ikhtiar² yang bersunggoh di-jalankan bagi melaksanakan pertanian anika jenis dengan penoh kejayaan supaya memperimbangan per-ekonomian negeri yang sekarang sa-mata² bergantung kapada getah asli dan bijeh.

Pertanian anika jenis atau agricultural diversification bukan-lah bertujuan sa-mata² untuk menggantikan getah dengan lain² tanaman, tetapi ia berkehendakkan satu penyelidekan jangka-panjang dan terus-menerus berkenaan dengan kemungkinan² teknik dan ekonomi berbagai² jenis tanaman supaya sa-chuchok dengan suasana² kebudayaan, kemasharakatan dan chara-penghidupan. Tambahan pula, pertanian anika jenis bukan-lah terbatas kapada tanaman² sahaja. Usaha² yang pesat bagi melipat-gandakan hasil pengeluaran ikan, ayam dan binatang² ternakan ia-lah langkah² yang tidak kurang penting-nya untuk menganika-kan ekonomi pertanian kita.

Lain² espek dari dasar Kementerian ini yang sama penting-nya ia-lah :

- (a) Mengadakan atoran² pasaran yang memuaskan, kemudahan² pinjaman dan lain² langkah supaya menjamin pendapatan yang sa-tinggi²-nya bagi hasil² pengeluaran petani²;
- (b) Memajukan sharikat² kerjasama dan lain² pertubohan ra'ayat luar bandar supaya satu²-nya alat yang paling berkesan untuk memperbaiki taraf ekonomi dan kemasharakatan petani²; dan
- (c) Memajukan penyelidekan² pertanian dan meluaskan pelajaran² pertanian di-semua peringkat, dan memperbaiki serta memperluaskan latehan² pertanian, supaya dapat mempergunakan dengan sa-penoh²-nya tenaga² manusia dan teknik² untuk kemajuan pertanian yang sehat.

Sekarang saya akan bentangkan anggaran perbelanjaan bagi tiap² Bahagian dari Kementerian saya :

(A) IBU PEJABAT KEMENTERIAN

(i) GAJI² KAKI-TANGAN

Ibu Pejabat ia-lah nadi bagi seluroh tuboh Kementerian dan jumlah

bilangan serta kecekapan kaki-tangan²-nya ada-lah menentukan kechenderongan dan kepesatan usaha² Kementerian. Sa-jumlah tambahan yang agak besar juga dalam anggaran bagi tahun 1965 ia-lah berkenaan dengan jawatan² baharu. Sejak Kementerian ini di-eratkan pada tahun 1961, sa-lama itu ia menderita kekurangan kaki-tangan sama ada di-peringkat kanan mahu pun di-peringkat muda dan untuk mengimbangkan dengan kerja² yang sa-makin bertambah² banyak itu, maka perlu-lah di-wujudkan 2 jawatan baharu bagi Pegawai² M.C.S., Timescale, sa-buah jawatan baharu bagi Pegawai Ekonomi Kanan Pertanian di-peringkat Superscale "H" Grade (dengan di-mansokhkan jawatan Pegawai Ekonomi Pertanian, Timescale), sa-buah jawatan baharu bagi Pegawai Perangka, dan dalam Chawangan Penerbitan sa-buah jawatan baharu bagi Penolong Pegawai Penerbitan dan sa-buah jawatan baharu bagi Penolong Pegawai Perpustakaan (kedua²-nya ini di-peringkat Bahagian II) dan sa-buah jawatan baharu bagi Pegawai Perpustakaan. Mengenai jawatan² kerani, 2 jawatan baharu bagi Juru-terengkas², 12 jawatan baharu bagi Kerani² dan 2 jawatan baharu bagi Juru-taip² akan di-wujudkan.

Untuk mengelakkan perjawatan yang berlebeh²an, maka di-dapati mungkin mengeratkan pejabat Pesurohjaya Penempatan Sa-mula Mata² Khas (yang sa-kian lama wujud sa-bagai sa-buah Bahagian tersendiri dalam Kementerian ini) dengan Ibu Pejabat Kementerian dan jawatan Pesurohjaya (Superscale "H") dalam Bahagian ini ada-lah di-mansokhkan. Satu kajian sa-mula kerja² Bahagian Penempatan Sa-mula Mata² Khas telah menunjokkan ia-itu hampir² kesemua-nya Mata² Khas telah di-tempat atau di-puleh semulakan dan banyak kerja² pentadbiran di-masa² akan datang ini hanya berkenaan dengan mengutip kembali pinjaman² dan mengeluarkan bantuan² langsung, bila² di-kehendaki. Kerja² ini, yang sekarang di-jalankan oleh Bahagian ini, pada tahun yang akan datang akan di-letakkan di-bawah Chawangan Kewangan Ibu Pejabat Kementerian ini.

Tambahan berseh kaki-tangan² dalam Ibu Pejabat Kementerian ini pada tahun 1965 ia-lah chuma 13 orang sahaja dan tambahan perbelanjaan untuk Gaji² Kaki-tangan bagi tahun 1965 ia-lah sa-banyak lebeh sedikit dari \$140,000.

(ii) LAIN² PERBELANJAAN ULANGAN
TAHUNAN DAN LAIN² PERBELANJAAN
KHAS

Chuma satu tambahan kechil sahaja yang di-kehendaki di-bawah Lain² Perbelanjaan Ulangan Tahunan bagi tahun 1965, ia-itu sa-banyak \$97,356, sedangkan di-bawah Lain² Perbelanjaan Khas menunjukkan pengurangan sa-banyak \$214,450.

(B) BAHAGIAN PERTANIAN

(i) GAJI² KAKI-TANGAN

Di-antara semua Bahagian² Teknik dari Kementerian ini, Bahagian Pertanian-lah yang menunjukkan tambahan peruntokan yang terbesar sa-kali bagi tahun 1965 kerana ia menanggung bebanan yang terbesar sa-kali bagi menajayakan ranchangan pertanian anika jenis yang tidak dapat tidak memerlukan tambahan kaki-tangan dan pembesaran Chawangan² Penyelidikan dan Agronomi, Jumlah peruntokan yang di-kehendaki bagi tahun 1965 menunjukkan sa-banyak lebeh sedikit dari \$1 juta di-bandingkan dengan peruntokan bagi tahun 1964 dan berkenaan dengan Gaji² Kaki-tangan ini, maka tambahan itu ia-lah untuk mewujudkan 22 jawatan baharu, menaikkan pangkat bagi 2 jawatan dan pemasokan 8 jawatan sementara/tambahan ka-dalam jawatan tetap.

Ada-lah terang kelihatan bahawa kemajuan dan kejayaan pertanian anika jenis di-negeri di-masa depan ada-lah bergantung sa-penoh²-nya kepada kecekapan dan susunan yang kemas dan lengkap Chawangan Agronomi dari Bahagian Pertanian ini untuk menjalankan perchubuan² tanaman luar bagi melengkapkan segala persediaan² untuk kemajuan pertanian anika jenis yang lebeh pesat. Sa-buah jawatan baharu bagi Pegawai Kanan Agronomi di-peringkat Superscale "H" ada-lah di-perlukan untuk Chawangan Agronomi dan 4 jawatan baharu bagi

Pegawai² Agronomi di-peringkat Bahagian I ada-lah di-chadangkan bagi tahun 1965 supaya dapat-lah memesat dan melichinkan kerja² meluaskan tanaman² dagang, terutama padi, kelapa, kelapa bali dan lain² tanaman yang mempunyai harapan bagi pertanian anika jenis, saperti tebu, limau, rami dan lain² sa-bagai-nya.

Juga, ada-lah mustahak memupokkan semangat ketekunan di-kalangan kaki-tangan² penyelidekan dari Bahagian Pertanian dan sa-bagai sa-bahagian dari ranchangan jangka panjang bagi melengkapi dengan kaki-tangan penyelidekan yang chukup, maka Pengarah Pertanian telah menggubahkan sa-buah ranchangan lima tahun untuk menambahkan bilangan pegawai² penyelidekan yang pakar dari jumlah jawatan sa-banyak 49 yang ada sekarang kapada sa-jumlah yang di-chadangkan sa-banyak 199 hingga tahun 1970.

Chadangan ini ada-lah berkaitan dengan keperluan keseluruhan-nya bagi meninggalkan tenaga² sains dan pertanian di-negeri ini. Telah pun menjadi pengalaman kapada bahagian pertanian bahawa pakar² dalam berbagai² lapangan teknik dari seberang laut tidak-lah boleh di-pergunakan dengan sa-penoh-nya, oleh kerana kita sendiri sangat² kekurangan pakar² yang serupa itu. Dengan ada-nya chadangan menubuhkan sa-buah tabong khas Pusat Kemajuan dan Kajian Teknik Makanan Pertubohan Bangsa² Bersatu di-Malaysia dan berbagai² projek penyelidekan bersekutu yang sedang di-bena, maka ada-lah di-jangka bahawa dalam dua atau tiga tahun lagi pusat dan projek² tersebut akan dapat membekalkan kita dengan sa-jumlah sa-ramai 35 sa-hingga 40 orang pakar² dari seberang laut bagi membantu kita dalam usaha² penyelidekan mengenai pertanian. Oleh yang demikian maka perlu-lah sa-kali bagi kita melahirkan pakar² kita sendiri dengan sa-chukup²-nya kalau kita hendak menchapai kejayaan² yang betul memuaskan dari perkhidmatan pakar² yang datang daripada luar negeri.

Sa-bagai permulaan pada tahun 1965 ini, dua jawatan baharu bagi Pegawai²

Kaji Teknik, 4 jawatan tambahan bagi pegawai² bagi kaji sains tanah, kemasokan dua jawatan tambahan bagi Pegawai Kaji Serangga ka-dalam jawatan tetap dan satu jawatan tambahan bagi Pegawai Kaji Penyakit Tumbuhan² dalam jawatan tetap dan satu jawatan tambahan bagi Penolong Pegawai Penyelidekan di-peringkat bahagian dua akan di-adakan bagi chawangan penyelidekan dari bahagian pertanian. Sa-bahagian besar dari jumlah tambahan peruntukan gaji² kaki-tangan bagi tahun 1965 itu, ia-lah juga untuk tambahan kaki-tangan di-peringkat bahagian dua dan tiga bagi mengadakan pembantu² muda dan kerani² kapada jawatan² kanan yang akan di-wujudkan nanti. Perkara yang tidak kurang penting-nya dalam penyelidekan pertanian ia-lah pengawasan atau pun penyelidikan dan pengalaman di-luar. Dan 10 jawatan baharu bagi Penolong² Pertanian Muda itu akan dapat di-jalankan perchubuan² luar yang berbagai² jenis dan lebeh rumit mengenai tanaman² yang lebeh ekonomi saperti tebu dan rami berkaitan dengan anika jenis tanaman. Saya rasa mungkin tepat juga menyebutkan di-sini bahawa pada masa ini bahagian pertanian ada mempunyai sa-orang pakar dari Pertubohan Makanan dan Pertanian Bangsa² Bersatu, 6 orang pakar² dari Ranchangan Colombo dan 2 orang dari Sukarilawan—Peace Corp Amerika Sharikat untuk membantu kita dalam usaha² memajukan pertanian anika jenis dan kita sangat²-lah bershukor di-atas perkhidmatan mereka itu.

Sa-benar-nya pakar² dan juga Sukarilawan itu tidak boleh tinggal berpanjangan dengan kita di-negeri ini. Dan sa-bagai satu dasar jangka panjang untuk memenohi bahagian pertanian dengan pegawai² tempatan yang chekap dan mahir, maka sa-banyak 19 biasiswa ka-Universiti dan 15 biasiswa ka-Maktab telah di-untokkan dalam tahun 1965. Di-samping itu ada-lah di-chadangkan untuk menghantar sa-ramai 24 orang pegawai² di-peringkat bahagian dua yang sedang berkhidmat sekarang ini bagi mengambil pelajaran tinggi dengan biasiswa² yang di-anjorkan guna membolehkan mereka menyandang jawatan² di-peringkat

bahagian satu apabila mereka kembali ka-tanah ayer kita nanti.

Kementerian saya sedang memberi keutamaan yang penoh tentang mustahak-nya mengadakan kadar² kita dari pegawai² kita yang berkelulusan dan chergas bagi menjalankan penyebaran ilmu pertanian, penyelidekan dan juga pembangunan dalam negeri ini dan usaha menghantarkan pegawai² yang sedang berkhidmat untuk melanjutkan pelajaran keluar negeri sama ada di-tingkat kelulusan rendah atau pun under graduate mahu pun kelulusan tinggi—post graduate mungkin akan di-teruskan hingga ka-tahun hadapan ini.

Lain² Bayaran Ulangan Tahun. Sa-jumlah sa-banyak \$2,013,846 ada-lah di-kehendaki untuk membiayai² lain² bayaran perbelanjaan ulangan tahun bagi tahun 1965 ia-itu satu tambahan sa-banyak \$370,652 kepada tahun 1964. Satu Item baharu dalam perbelanjaan untuk Latehan Petani² telah di-masokkan di-bawah Kepala Kechil 17. Jumlah sa-banyak \$30,000 yang di-kehendaki ada-lah termasuk per-utokan bagi petani² yang progressive dan pemimpin² persatuan peladang melawat sambil belajar kemajuan² teknik pertanian yang lebeh baik. Lawatan² Sambil Belajar akan di-susun mithal-nya, pesawah² atau pun kaum² tani daripada pantai timor dapat melawat ka-Seberang Prai untuk mempelajari lebeh dalam berkenaan dengan penanaman padi dua kali sa-tahun. Petani² daripada pantai barat pula boleh melawat ka-negeri Kelantan atau pun Trengganu bagi mempelajari dari dekat berkenaan dengan penanaman limau dan sa-bagai-nya.

Dalam tahun 1965 ini, 6 atau mungkin 7 unit² penyiasat tanah akan menjalankan kerja² luar-nya di-seluruh negeri. Sa-jumlah sa-banyak \$96,000 di-bawah Kepala Kechil 23 yang di-kehendaki bagi tahun 1965 ia-lah untuk membiayai² perbelanjaan tindakan bagi 6 unit tersebut. Saya rasa tidak-lah payah bagi saya menegaskan di-sini bahawa kalau tidak ada satu peta tanah negeri ini yang tepat dan lengkap maka prinsip penggunaan tanah yang sa-penoh-nya bagi pertanian dan kehu-

tanan dan perlombongan tidak akan dapat di-jalankan.

Tambahan yang terpenting dan terbesar dalam Lain² Perbelanjaan Ulangan Tahun² bagi tahun 1965 yang berjumlah sa-banyak \$986,000 itu ia-lah di-bawah Kepala Kechil 25—Perchubaa² dan Penyiasatan² Luar. Dalam pechahan Kepala Kechil ini Item yang terpenting sa-kali ia-lah penyelidekan tanaman kekal tanah kersang. Di-bawah Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua yang sedang berjalan sekarang ini, beberapa buah pusat² penyiasatan tanaman dan tanah kersang—tanah yang terlalu kering telah di-dirikan. Juga pusat² yang sedia ada di-Serdang, di-Jerangau, di-Cameron Highland dan lain² telah di-perbesarkan. Semua kemajuan² ini ada-lah mustahak bagi menyediakan peluang² yang banyak untuk penye- lidekan yang tidak dapat tidak pula berkehendakkan perbelanjaan yang banyak. Untuk kemajuan² negeri di-pantai timor di-masa² yang akan datang, maka penyelidekan kelapa bali, koko, tea, kopi, jerami dan lain² lagi tanaman yang mempunyai harapan ekonomi yang tinggi sedang di-jalan-kan di-Pusat Perchubaa Persekutuan di-Jerangau, Trengganu, ia-itu Pusat Pertanian yang terbesar sa-kali di-pantai timor.

Masaalah² pertanian tanah di-pantai tanah pasir halus berchampur sarap di-tepi pantai di-Kelantan, di-Trengganu dan Pahang sedang di-selideki di-Pusat Pertanian Sungai Baging di-Pahang. Perchubaa² mengenai kemungkinan menanam jagus di-tanah pasir pantai dan mengusahakan pertanian kekal berchampur saperti kelapa, rumput² makanan ternakan telah di-chubakan di-pusat ini. Sa-bagai tambahan, kedua² Ranchangan Permulehan Tanaman Kelapa, sa-buah Pusat Penyelidekan Kelapa yang baharu telah di-benakan dan di-majukan di-Parit Botak di-Johor di-bawa Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua. Pusat ini akan menyediakan kemudahan² untuk penye- lidekan kelapa di-masa² yang akan datang bagi seluroh negara kita.

Latehan Pegawai² Pertanian di-peringkat Juru Teknik ada-lah satu langkah yang perlu untuk kemajuan

pertanian untuk menyediakan lebih banyak lagi kemudahan² bagi melateh Penolong² Pegawai Pertanian Muda, sa-buah Sekolah Pertanian yang baharu akan di-bena dan di-jangka akan siap sa-belum pertengahan tahun yang akan datang. Peruntukan di-bawah Kepala Kechil 27 yang menunjukkan tambahan sa-banyak \$27,784 pada anggaran tahun 1964 itu ia-lah untuk membiayai perbelanjaan yang bertambah bagi melateh lebih ramai lagi Penolong² Pertanian Muda.

Di-bawah Ranchangan Pemulehan Tanaman Sa-mula Kelapa, maka tambahan peruntukan sa-banyak \$10,800 ia-lah untuk membiayai perbelanjaan² untuk meluaskan ranchangan bagi dua buah kawasan lagi ia-itu kawasan tengah yang sekarang sedang di-jalankan di-Bagan Datoh, di-Perak dan kawasan pantai timor yang akan di-lancarkan bila sahaja pengambilan kaki-tangan-nya telah selesai. Sa-buah Kepala Kechil baharu 33 yang berjumlah sa-banyak \$79,000 telah dimasukkan di-bawah ranchangan bagi pembenaan dan penjagaan pusat² semaian kelapa itu. Perbelanjaan ini dahulu-nya ada-lah di-untukkan di-bawah Anggaran Perbelanjaan Kemajuan.

Lain² Perbelanjaan Khas. Perbelanjaan khas untuk pakar² daripada Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa² Bersatu dan Ranchangan Colombo telah di-pecahkan menjadi dua Kepala Kechil, sedangkan elauan penganapan, kenderaan dan tambang yang berjumlah sa-banyak \$135,800 akan terus di-bayar dari Kepala Kechil 113 di-bawah Kementerian dan satu Kepala Kechil baharu 123 akan dimasukkan. Perbelanjaan untuk Penyelidikan Khas berjumlah sa-banyak \$50,000 akan di-peruntukkan bagi perbelanjaan mengenai penyelidikan yang di-jalankan khas oleh pakar² itu sendiri.

Oleh kerana usaha² sedang di-jalankan bagi menyasat kemungkinan² menanam tebu sa-chara besar²an, maka sa-jumlah sa-banyak \$7,750 telah dimasukkan untuk membiayai pembelian alat² dan perkakas² yang mustahak bagi memeriksa dan menganalisa kandungan gula dari berbagai² jenis tebu tempatan

dan yang di-bawa masuk dari luar negeri yang sekarang ini sedang ditanam di-pusat² pertanian di-tiap² Negeri. Perkembangan Chawangan Teknik Makanan juga berkehendakkan alat² dan perkakas yang istimewa sa-bagai tambahan bagi memudahkan dan memajukan kerja² penyelidikan di-lapangan ini. Item yang terbesar di-bawah Perbelanjaan Khas ini ia-lah bagi menggantikan 3 buah Land Rover dan 2 buah lori lima-ton yang di-anggarkan sa-banyak \$52,450 dan membeli sa-buah traktor crawler yang baharu sa-kali dengan dozer-nya yang berharga sa-banyak \$63,000. Semua kereta² ini telah di-sahkan tidak boleh di-gunakan lagi oleh Lembaga Pemeriksa sejak berapa lama sudah dan penggantian-nya akan bererti lebih jimat dan lebih berhasil pada keseluhan-nya.

(C) BAHAGIAN PARIT DAN TALIAYER

Bahagian Parit dan Taliayer telah meminta peruntukan sa-jumlah \$2,736,867 bagi tahun 1965, berlemban dari peruntukan yang telah di-luluskan bagi tahun 1964 sa-banyak \$301,588.

(i) GAJI² PEGAWAI

Di-bawah anggaran perbelanjaan bagi Gaji² Pegawai, telah di-chadangkan tambahan sa-banyak \$22,290. Sa-orang Penolong Pegawai Pengawasan Jentera, jawatan timescale, adalah di-kehendaki, berikutan dengan pengurangan sa-orang Chargeman, jawatan timescale Grade I. Juga sa-orang Penolong Operator Camera, jawatan timescale, akan di-tambah kerana kerja² menetak gambar yang sa-makin banyak di-kehendaki untuk kerja² pembenaan dalam Ranchangan Kemajuan.

(ii) LAIN² PERBELANJAAN ULANGAN TAHUNAN

Di-bawah Lain² Bayaran Perbelanjaan Ulangan Tahunan, tambahan sa-jumlah \$289,478 telah di-chadangkan bagi tahun 1965. Tambahan ini akan di-bahagi²kan pada garis besar-nya kepada tiga Kepala Kechil. Kepala Kechil 39, ia-itu Kerosotan dan Kehilangan di-Stor², akan berkehendakkan

peruntokan sa-banyak \$20,000 dibandingkan dengan \$14,057 diperuntokkan bagi tahun 1964, kerana banyak-nya barang² dan spare² part yang sudah usang yang akan di-hapuskan dari perkiraan. Satu tambahan dari jumlah sa-banyak \$750,000 kepada \$1,100,000 akan di-perlukan di-bawah Kepala Kechil 41, ia-itu Perbelanjaan Menjaga Jentera² Besar, kerana beberapa buah jentera pengangkut tanah yang berkehendakkan overhaul. Tindakan² ini kalau tidak di-jalankan sa-chepat mungkin akan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang lebeh banyak nanti untuk membaiki kerosakan-nya di-masa² akan datang. Satu Kepala Kechil baru 48 bertajok "Perbelanjaan Menjaga Rumah²" telah di-masokkan dalam Anggaran Perbelanjaan untuk membiayai perbelanjaan menjaga rumah² yang baharu di-bena bagi Tukang² di-Ipoh dan juga rumah² kaki-tangan dalam Pusat Penyelidikan di-Ampang.

Di-sebalek tambahan itu, peruntokan² di-bawah 4 buah Kepala Kechil akan berkurangan ia-itu:

- (a) Kepala Kechil 35.
- (b) Kepala Kechil 36.
- (c) Kepala Kechil 43.
- (d) Kepala Kechil 44.

(iii) LAIN² PERBELANJAAN KHAS

Di-bawah Lain² Perbelanjaan Khas, akan di-perkurangkan peruntokan-nya dari jumlah sa-banyak \$2,100 kepada \$1,920. Sekarang saya sampai pula kepada bahagian perhaiwanan.

(D) BAHAGIAN PERHAIWANAN

Sa-jumlah peruntokan sa-banyak \$2,131,905 ada-lah di-kehendaki oleh Bahagian Perhaiwanan ini bagi tahun 1965. Jumlah ini ada-lah melebehi peruntokan yang di-luluskan bagi tahun 1964 dengan sa-banyak \$480,147.

(i) GAJI KAKI-TANGAN

Satu tambahan kaki-tangan² yang kechil bagi tahun 1965 ada-lah di-perlukan oleh Bahagian ini, walau pun mungkin mustahak memperbesarkan lagi bilangan kaki-tangan²-nya di-

tahun² yang akan datang untuk menjadikan Bahagian ini sa-bagai satu alat yang sangat berkesan bagi meninggikan pengeluaran binatang² ternakan dan ayam sa-bagai satu sumber makanan yang berzat kapada ra'ayat. Perkhidmatan perhaiwanan di-Malaya, sejak di-adakan telah berusaha terutama sa-kali bagi mengawal dan mengubat penyakit² yang berjangkit, sunggoh pun di-tahun² yang baharu berlalu penitek-beratan telah di-beri kepada usaha² meninggikan pengeluaran binatang² ternakan dan menjalankan penyelidekan² mengenai pemeliharaan binatang² ternakan dan masaalah² penyakit. Dengan peranan² yang semakin penting yang boleh di-mainkan oleh Pegawai² Perhaiwanan di-lapangan kemajuan pertanian negeri ini, maka sangat-lah perlu kerja² Bahagian ini di-perluaskan dan perhatian yang lebeh utama di-berikan kepada kesihatan umum ternakan sa-bagai satu langkah yang mustahak. Bagi tahun 1965, 2 jawatan baharu bagi pegawai² kehalian, sa-buah jawatan bagi Ketua Pegawai Pertanian (Latehan) di-peringkat Superscale "H" Grade dan lagi sa-buah jawatan bagi Pegawai Perhaiwanan (Timescale) untuk perkhidmatan penyebaran ilmu ternakan dan chawangan luar ada-lah di-kehendaki. Penambahan kerani² ada-lah juga di-perlukan ia-itu sa-buah jawatan sa-bagai Jurutrengkas, 2 jawatan sa-bagai Jurutaip dan satu jawatan sa-bagai Talipon Opereter.

(ii) LAIN² PERBELANJAAN ULANGAN TAHUNAN

Tambahan peruntokan di-bawah lain² Perbelanjaan Ulangan Tahunan bagi tahun 1965 ia-lah sa-banyak \$277,991. Dari jumlah ini, sa-banyak 95 peratus akan di-belanjakan untuk menjaga pusat² penternakan dan Yayasan Penyelidikan Perhaiwanan.

(iii) LAIN² PERBELANJAAN KHAS

Tambahan peruntokan di-bawah Lain² Perbelanjaan Khas bagi tahun 1965 chuma sa-banyak \$52,550 untuk membiayai pembelian kereta², perkasas² dan alat² kelengkapan ma'amal.

(E) BAHAGIAN KEMAJUAN KERJASAMA

Oleh kerana kemajuan kerjasama ia-lah perkara Kerajaan Pusat, maka Anggaran Belanjawan Biasa bagi Bahagian ini telah di-pecahkan kepada Anggaran² Perbelanjaan bagi Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak yang berasingan. Jumlah anggaran perbelanjaan bagi Negeri² Empat-Serangkai tersebut menunjukkan satu tambahan melebihi anggaran yang di-luluskan bagi tahun 1964 dengan sa-banyak \$567,672.

(i) GAJI² KAKI-TANGAN

Memandang kepada peranan² penting yang akan di-mainkan oleh Gerakan Kerjasama untuk kemajuan pertanian negeri ini dan sa-bagai satu alat bagi mencapai tujuan² meninggikan taraf hidup penduduk² luar bandar, maka perlu-lah susunan kaki-tangan Bahagian ini di-perkemas dan diperkuatkan dengan mengadakan pegawai² kanan-nya, pegawai² luar-nya serta kerani² pejabat dan odit-nya yang chukup. Di-masa² yang lampau, Bahagian ini senantiasa menghadapi masaalah kekurangan pegawai² kerjasama di-Negeri² di-Tanah Melayu.

Ada-lah sangat² di-harap ia-itu dengan perbaikan tangga-gaji yang telah di-buat baharu² ini dalam rancangan gaji² bagi pemegang² Pass Degree akan dapat menarik ramai chalon² untuk memenohi jawatan² bagi pegawai² tersebut. Satu hal yang ta' dapat di-nafikkan ia-itu sa-takat mana kita akan berjaya mendapatkan bilangan pegawai² untuk memenohi jawatan² yang di-perlukan itu, seperti pegawai² kerjasama, penyelia² kerjasama dan kerani² odit, maka sa-takat itu pula-lah kemajuan² yang akan dapat di-chapai. Sunggoh pun Bahagian Kemajuan Kerjasama ini memerlukan ramai lagi pegawai² kanan, tetapi harus-lah di-sedari bahawa pegawai² kanan tersebut ada-lah sukar untuk di-perolehi dan tambahan yang di-perlukan bagi tahun 1965 berkenaan dengan pegawai² kanan untuk Bahagian ini chuma sa-buah jawatan baharu sahaja bagi Penolong Pesuruhjaya di-peringkat Grade I. Dalam soal ini, oleh kerana tangga²-gaji bagi Timbalan

Pendaftar Sharikat Kerjasama dan Penolong Pendaftar Sharikat Kerjasama telah di-chantumkan, maka peluang ini telah di-ambil menamakan sa-mula jawatan² tersebut sa-bagai Penolong² Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama dan dengan kedudukan yang demikian, maka jawatan Penolong Pesuruhjaya Superscale "J" telah di-pinda menjadi Penolong Pesuruhjaya Kanan Kemajuan Kerjasama. Perubahan² ini dibuat untuk menyamakan pemakaian dalam Bahagian Kemajuan Kerjasama di-semua Negeri² dalam Malaysia.

Sa-bagai menyesuaikan dengan dasar memuaskan kawalan dan mengadakan penyeliaan luar sa-chukup yang mungkin, maka perlu-lah di-besarkan bilangan kerani² supaya dapat menjalankan pejabat² yang baharu yang akan di-bena di-seluruh negeri dengan sapenoh²-nya. Untuk tujuan ini-lah maka tambahan kaki-tangan di-kehendaki untuk memenohi sa-buah jawatan bagi Jurutrengkas, 5 buah jawatan bagi Kerani², 4 buah jawatan bagi Juru²-taip, dan 8 buah jawatan bagi Budak² Pejabat.

Di-Singapura, Sabah dan Sarawak, hanya perubahan² kecil sahaja telah di-lakukan. Bilangan kaki-tangan² di-Singapura dan Sarawak tidak berubah dan di-Sabah pula telah di-ujudkan 4 buah jawatan bagi Penolong² Kerjasama, sa-buah jawatan bagi Kerani dan sa-buah bagi Pemandu Kereta. Di-Sabah dan Sarawak telah di-dapati perlu memansokhkan jawatan² Pesuruhjaya bila sahaja pegawai² asing yang menyandang jawatan² tersebut tamat perkhidmatan mereka dan untuk menyesuaikan dengan susunan Pusat, maka ketua² Bahagian ini di-Sabah dan Sarawak masing² akan di-namakan sa-mula sa-bagai Timbalan² Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama.

(ii) LAIN² PERBELANJAAN ULANGAN TAHUNAN DAN LAIN² BAYARAN PERBELANJAAN KHAS

Tambahan di-bawah Lain² Bayaran Ulangan Tahunan bagi tahun 1965 ia-lah sa-banyak \$27,146 sahaja melebihi anggaran bagi tahun 1964 dan tambahan di-bawah Lain² Bayaran Perbelanjaan Khas ia-lah sa-banyak

\$26,125. Tambahan di-bawah Lain² Perbelanjaan Khas ada-lah seperti berikut:

Tanah Melayu ia-lah sa-banyak	\$10,000
Sabah ia-lah sa-banyak ...	7,000
dan satu lagi ia-lah sa-banyak	3,340
Sarawak ia-lah sa-banyak	950
dan satu lagi ia-lah sa-banyak	15,585

Sekarang saya pergi kepada Bahagian Perikanan.

(F) BAHAGIAN PERIKANAN

(i) GAJI² KAKI-TANGAN

Anggaran Belanjawan Biasa yang diperlukan oleh Bahagian Perikanan bagi tahun 1965 berjumlah sa-banyak \$1,946,338 ia-itu bertambah sa-banyak \$490,706 melebihi jumlah peruntukan yang di-luluskan bagi tahun 1964. Di-bawah susunan Malaysia sekarang, perikanan juga telah menjadi lagi satu perkara Kerajaan Pusat. Oleh itu, maka tanggung-jawab bagi pentadbiran dan kemajuan perikanan laut dan sungai ada-lah terletak keseluruhan-nya ka-tas Kerajaan Pusat. Sa-jumlah besar dari tambahan peruntukan bagi tahun 1965 ia-lah untuk menambahkan bilangan kaki-tangan² yang di-perlukan di-Singapura dan Sarawak. Di-Sarawak sa-jumlah sa-banyak \$104,070 ada-lah di-kehendaki untuk memenohkan jawatan² di-Jabatan Perikanan-nya yang baharu. Sa-lain dari itu pula, sa-bagai menyesuaikan dengan dasar memusatkan kemajuan dan pengeluaran bagi kawasan² perikanan sa-panjang pantai Tanah Melayu, maka sa-jumlah besar dari tambahan anggaran perbelanjaan Bahagian Perikanan bagi Negeri² Tanah Melayu akan juga di-gunakan untuk menambah bilangan kaki-tangan² bagi menjalankan pejabat² luar yang baharu yang sedang di-bena sekarang ini di-berbagai² kawasan di-Negeri² dalam kawasan Tanah Melayu.

Berkenaan dengan Gaji² Kaki-tangan di-Negeri² Tanah Melayu, sa-banyak 29 buah jawatan² baharu akan di-tambah, 3 buah daripada itu ia-lah bagi Pegawai² Perikanan yang di-

kehendaki untuk menjalankan daya-tenaga Ibu Pejabat Bahagian Perikanan di-Kuala Lumpur dan 15 buah jawatan² baharu² bagi berbagai² Grade yang di-kehendaki berkaitan dengan Projek Perikanan Pantai Timor (termasok 8 buah bilek² sejok dengan kemudahan² pengangkut-nya yang di-hadiahkan oleh Kerajaan Canada di-bawah Ranchangan Colombo) dan yang sa-lebih-nya itu ia-lah untuk memenohkan jawatan² di-pejabat² luar yang baharu yang sedang di-bena itu. Mengenai Singapura pula, Gaji² Kaki-tangan akan di-kurangkan sa-banyak \$9,876 di-sebabkan oleh pertukaran 9 orang pegawai kepada perikanan darat yang di-bawah tanggung-jawab Kerajaan Negeri. Di-Sarawak, sa-jumlah sa-banyak 18 buah jawatan baharu akan di-ujudkan bagi menjalankan Jabatan Perikanan yang baharu di-sana.

(ii) LAIN² PERBELANJAAN ULANGAN TAHUNAN

Di-bawah Lain² Bayaran, Perbelanjaan Ulangan Tahunan bagi tahun 1965 satu tambahan sa-banyak \$203,506 akan di-kehendaki bagi Negeri² Tanah Melayu. Sa-bahagian besar dari jumlah tambahan ini ia-lah untuk membiayai perbelanjaan² menjalan dan menjaga Ranchangan Perikanan Pantai Timor yang di-anggarkan sa-banyak \$108,369. Sa-lain dari itu ia-lah untuk perbelanjaan² pentadbiran, penyelidekan dan kenderaan dan tambang. Bagi Singapura, sa-banyak \$4,322 telah di-kurangkan. Sa-jumlah sa-banyak \$47,210 ada-lah di-kehendaki untuk membiayai perbelanjaan menjalankan pentadbiran baharu perikanan. Dari jumlah ini, sa-banyak \$15,000 akan di-gunakan untuk membiayai ranchangan² latehan bagi nelayan² di-Sarawak.

(iii) LAIN² PERBELANJAAN KHAS

Tambahan sa-jumlah sa-banyak \$32,150 di-bawah tajok ini bagi tahun 1965 untuk Negeri² Tanah Melayu ada-lah di-perlukan terutama sa-kali bagi membiayai pembelian alat² kelengkapan bagi penyelidekan dan latehan. Sa-jumlah sa-banyak \$3,800 di-bawah Lain² Bayaran, Perbelanjaan Khas Bahagian ini bagi tahun 1965 ada-lah

di-kehendaki untuk membeli dua buah Launch Mooring Buoys. Di-Sarawak, satu peruntukan sa-banyak \$3,900 adalah di-kehendaki untuk membiayai pembelian perkakas² dan alat² kelengkapan bagi Jabatan Perikanan yang akan di-bena nanti di-Sarawak. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Keiantan Hilir): Tuan Pengerusi, saya bangun hendak mengambil bahagian sedikit di-dalam S. 13, lebeh² di-muka 93, Butiran (13) ia-itu Pegawai Penyelidek Pasaran dan di-muka 117, S. 13 juga, di-bawah Butiran 322 ia-itu Pegawai Pemasaran Kerjasama. Tuan Pengerusi, kita telah mendengar dengan panjang lebar keterangan² yang telah di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian yang telah memakan masa hampir $\frac{3}{4}$ jam lama-nya. Dalam keterangan² yang di-kemukakan tadi, kita telah mendengar dengan chukup jelas dan terang-nya ia-itu bermacam² perkara telah di-adakan peruntukan untuk hendak memperbaiki kedudukan tanaman² dan pa' tani di-dalam tanah ayer kita. Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang kita ingat bahawa Yang Berhormat Menteri Pertanian telah berkata ia-itu 2/3 daripada penduduk Tanah Melayu ini terkandung daripada pa' tani, ia-itu ia-lah satu bilangan yang paling besar yang ada-lah mata pencharian kehidupan mereka itu terdiri daripada berchuchok tanam.

Tuan Pengerusi, di-masa penjajah Inggeris menjajah Tanah Melayu kita tentu-lah kita tidak ada harapan sedikit pun bahawa Kerajaan penjajah itu akan menjalankan perkara² yang boleh membaiki kehidupan orang² yang bekerja berchuchok tanam, tetapi sa-telah kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan 2/3 penduduk ini-lah yang telah menyokong Parti Perikatan supaya memerintah dan memperbaiki kedudukan mereka itu, tetapi sa-hingga kini—sa-hingga sekarang—mereka itu maseh mengidapi kemiskinan, yang mana tiap² sa-orang daripada kita chukup ketahu.

Kemiskinan orang² kampung tidak-lah berhajat kepada kita mengkaji atau pun membuat analisa yang dalam, kerana satu perkara yang terang dan jelas apa-kah sebab-nya maka orang²

kampung itu telah menderita dari segi kemiskinan ini. Kalau kita dengan sa-pintas lalu memikirkan apa-kah sebab-nya yang telah mendatangkan kemiskinan ka-atas mereka, sa-lepas daripada kita memikirkan sa-lama 5-10 minit, dapat-lah kita ketahui ada-lah sebab yang besar sa-kali bagi kemiskinan mereka itu ia-lah darah mereka itu di-hisap oleh satu puak atau satu gulungan ia-itu gulungan orang-tengah atau pun middleman. Di-zaman Inggeris dahulu orang yang menanam getah apabila dia telah mengering dan memishen getah-nya di-bawa-lah keping getah-nya itu ka-kedai² orang China—kedai orang-tengah, maka orang-tengah ini-lah yang menimbang getah-nya itu. Sa-kira-nya getah yang di-bawa-nya itu berat satu pikul, orang-tengah ini mengatakan chuma 85 kati atau pun sa-banyak²-nya 90 kati, 10 kati telah di-tipu oleh orang-tengah ini. Bukan sahaja tipuan itu di-atas timbangan-nya bahkan juga di-atas harga-nya dan quality atau mutu getah itu. Kalau mutu getah itu mutu yang nombor tiga di-katakan-lah mutu nombor yang nombor lima atau getah awak mempunyai banyak ayer, kurang ini dan itu, maka di-sini pula-lah si-orang-tengah tadi menipu pula si-penjual getah tadi. Perkara yang berlaku bagini bukan sahaja kepada orang yang menjual getah tetapi orang yang menjual kelapa kering. Mereka itu telah bersusah-payah memelihara dan memperbaiki kebun mereka itu dengan harapan bahawa mereka itu akan dapat wang bagi kehidupan mereka, tetapi sa-telah mereka menengok bila kelapa mereka itu di-bawa ka-kedai, maka mereka itu di-tipu dan mereka telah menjadi mangsa kepada orang-tengah ini, demikian-lah sa-terus-nya coffee, ikan dan lain² lagi. Perkara ini telah berlaku di-zaman Inggeris dahulu dan saya telah berkata tidak-lah hairan di-zaman penjajah yang tidak mahu memperbaiki ekonomi orang kita, tetapi sekarang ini kita telah mencapai kemerdekaan dan 2/3 mereka yang memberi sokongan yang besar kepada Kerajaan Perikatan untuk memperbaiki keadaan mereka ini dan sekarang ini kita maseh di-akhir masa bagi Rancangan Lima Tahun Yang Kedua.

Kenapa-kah perkara pasaran ini yang ia-lah satu perkara yang paling mustahak sa-kali untuk memperbaiki orang² kampung tadi, sama ada orang yang menanam getah mahu pun menanam kelapa, coffee atau pun yang menangkap ikan, kenapa perkara yang sangat² penting ini tidak di-masokkan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama? Dan juga kenapa tidak di-masokkan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua, wal hal Kerajaan telah membelanjakan bagitu banyak wang pada tahun 1964 tidak kurang daripada \$16½ juta, pada tahun ini pula \$17 juta atau hampir \$18 juta ia-itu \$1½ juta lebeh daripada tahun yang lalu.

Tuan Pengerusi, kemiskinan orang kampung ia-lah terdiri-nya dari sebab tipu daya daripada orang-tengah. Orang kampung, saperti mana kita tahu, bekerja sendiri dan anak-pinak-nya pun bekerja sendiri ia-itu menoreh, mengering dan memishenkan getah dan bagitu juga kelapa kering, coffee dan menangkap ikan yang mana mereka hendak mendapat untong 50-60 sen tetapi yang 50-60 sen ini telah di-hisap oleh orang-tengah. Oleh sebab yang demikian walau pun telah terlewati tetapi ini-lah satu perkara yang paling besar yang sayugia-nya Kerajaan meng-ambil berat.

Kita tahu di-Butiran (13) di-muka 93 kita nampak di-sini ada 3 orang Pegawai Penyelidek Pasaran, pada tahun 1964 pun 3 orang. Apa-kah tugas yang telah di-jalankan oleh mereka tidak-lah kita ketahui? Kerana sa-bagaimana yang kita tahu ada-lah keadaan penanam² getah, coffee dan lain² maseh juga sama di-zaman penjajah Ingeris dahulu.

Saya maseh ingat lagi, Tuan Pengerusi, di-awal tahun 1964 apabila sidang Budget dalam Dewan yang mulia ini saya sendiri telah membangkitkan soal pasaran ini, tetapi telah di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri berkata bahawa perkara pasaran ini sedang di-susun. Oleh sebab yang demikian, saya telah buat satu pertanyaan (Jawapan Bertulis) baharu² ini, yang mula² sa-kali saya telah bertanya Marketing Board. Jawab-nya rupa-nya perkara ini belum di-susun juga lagi, jawab-nya ia-lah

Lembaga Pemasaran belum lagi ditubuhkan

Enche' Mohamed Khir Johari: Tuan Pengerusi, saya akan mengemukakan undang² bagi menubuhkan Lembaga Pemasaran ini dalam mesuarat Parlimen yang akan datang. (*Tepok*).

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Terima kaseh

Enche' Mohamed Khir Johari: Untuk penerangan lagi. Undang² itu pun sudah siap, oleh kerana masa suntok berkenaan dengan persidangan Budget ini, maka saya telah fikir lebeh baik-lah kita ambil masa yang panjang bagi meshuarat yang akan datang.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Terima kaseh. Tetapi kita sekarang di-akhir Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua baharu soal ini di-bangkitkan, susun, buat ini dan itu, tetapi kemiskinan ra'ayat yang telah menderita bagitu lama kita telah lupakan. Yang sa-betul-nya, Tuan Pengerusi, saya letak di-bawah bangku saya ini potongan² surat-khabar yang saya hendak kemukakan dan hendak menunjokkan dengan jelas-nya kapada Dewan yang mulia ini, tetapi nampak-nya ada orang yang menggelidih. (*Ketawa*).

Ini satu perkara, Tuan Pengerusi, perkara yang pelek, kerana kalau rumah kita yang di-geledak orang tentu-lah satu perkara yang besar tetapi di-dalam Parlimen ini ada orang yang mengeledak pula maka ini satu perkara yang paling burok sa-kali.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Barangkali kawan kita itu tersalah taroh.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Tentu-lah orang yang hendak melarikan diri-nya dengan menanamkan kepala-nya bagaimana burong kesuari menanamkan kepala-nya di-dalam pasir tetapi ponggong-nya terbuka kapada dunia seluroh-nya.

Mr Speaker: Saya suka hendak mengingatkan kapada Ahli Yang Berhormat itu, tudohan² saperti itu tidak boleh di-buat.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Tetapi

dia yang menjawab, jadi terpaksa-lah saya berkata begitu. Sekarang, saya suka hendak berchakap sedikit tentang perkara pergerakan sharikat kerjasama. Nampak-nya sharikat kerjasama pun tidak-lah mengambil berat di-dalam perkara pasaran ini. Mengikut dasar dan tujuan sharikat kerjasama ia-lah hendak menghapuskan orang-tengah. Mengikut keadaan ekonomi dalam negara kita sekarang ini pertama-nya orang yang mengeluarkan barang atau producer nama-nya. Kedua-nya, orang yang membelikan barang² ini daripada orang² yang mengeluarkan barang² tadi dan untuk menjualkan kepada orang yang menggunakan, ini di-namakan middleman. Dan orang yang membeli daripada middleman ini untuk menggunakan barang² tadi, jadi di-namakan consumer. Jadi, tujuan sharikat kerjasama ia-lah supaya untong yang di-hisap darah oleh orang-tengah ini di-hapuskan supaya untong-nya yang dia dapat tadi dapat di-kembalikan balek kepada producer ia-itu orang² yang mengeluarkan barang. Tetapi keadaan pergerakan sharikat kerjasama dalam negeri kita tidak-lah begitu. Orang² yang menangkap ikan di-laut mengadakan hal mereka itu tidak dapat menjualkan ikan² mereka itu kerana tidak ada satu pasaran yang di-susun oleh Kerajaan. Dengan yang demikian, Tuan Pengerusi, saya berharap-lah kepada Menteri Yang Berhormat supaya mengambil berat—menitek beratkan masalah pasaran ini supaya di-dirikan di-merata² tempat. Kita telah mendengar ucapan yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat tadi juga, Yang Berhormat Menteri Kewangan, meminta kepada ra'ayat jelata lebih² lagi pak² tani kita untuk menanam sa-banyak² yang mungkin. Tetapi kalau sa-kira-nya mereka itu menanam buahan² dan lain² lagi tetapi buahan² mereka itu tidak mendapat harga yang patut tetap-lah seruan² kita itu tidak akan berjaya.

Sa-kali lagi, Tuan Pengerusi, saya ulangkan bahawa ada-lah kemiskinan orang² kampung ia-lah terdiri daripada perkara ini ia-itu mereka itu tidak dapat harga yang patut bagi barang² yang mereka itu keluarkan. Oleh yang demikian sangat²-lah mustahak di-adakan

pasaran dengan sa-chepat mungkin. Mudah-² apabila terdiri-nya pasaran ini dan di-bentok perjalanan pasaran ini, maka dapat-lah mereka itu menjualkan barang² mereka itu dengan harga yang lebih tinggi. Dengan yang demikian dapat-lah perkara ini memperbaiki ekonomi mereka itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang mengemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1965 akan datang ini ia-itu satu²-nya Menteri atau Kementerian yang maha penting di-dalam pembangunan negara kita sekarang. Oleh kerana Kementerian ini ada-lah satu²-nya Kementerian yang berhubung rapat dengan ra'ayat pada umum-nya ra'ayat kita ini boleh-lah di-katakan banyak peratus-nya dudok di-luar bandar, maka Kementerian ini telah pun mengemukakan beberapa fasal² dan Menteri Yang Berhormat telah pun mengemukakan mengapa perbelanjaan yang bagini di-minta daripada Rumah yang mulia ini.

Di-dalam ranchangan² yang di-kemukakan oleh Menteri Yang Berhormat, kita telah mendengar berkenaan dengan yang pertama sekali yang menarek perhatian saya ia-lah berkenaan dengan Penempatan Sa-mula Mata² Khas kita yang dahulu telah berkhidmat di-dalam masa dharurat di-dalam negeri kita ini. Kita berterima kaseh kepada Kerajaan oleh kerana mata² khas kita ini telah pun di-tempatkan di-tempat² yang munasabah bagi kehidupan mereka yang akan datang dan telah pun di-berikan oleh Kerajaan tanah² yang sesuai bagi mereka itu supaya mereka dapat menutupi kehendak² hidup mereka sendiri. Tetapi ada satu perkara yang saya rasa mustahak di-jalankan oleh Kementerian ini dalam bahagian Penempatan Sa-mula Mata² Khas ia-itu menyemak sa-mula sa-jauh mana-kah sudah kejayaan yang telah kita buat bagi nasib mereka itu di-masa akan datang dan apa pula perkara² yang telah menimbulkan kesulitan kepada mereka itu pada masa yang telah sudah. Oleh kerana, Tuan Pengerusi, saya katakan mata² khas

ini ia-lah oleh kerana mereka sa-banyak sedikit-nya telah pun memberi-kan khidmat yang berharga kepada negara di-dalam masa menghapuskan dharurat dahulu. Dan sekarang ini mereka telah merunta² sa-mula kata-nya, "kami bersedia meninggalkan Penempatan Sa-mula ini kalau sa-kira-nya tenaga kami ini di-hajatkan oleh Kerajaan bagi mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara".

Tuan Pengerusi, di-dalam kawasan saya, Hilir Perak, ada satu penempatan sa-mula yang telah di-buat oleh Kera-jaan ini dahulu dan penempatan itu sa-telah saya lihat bahawa patut-lah Kementerian ini menyemak sa-jauh mana-kah kejayaan patut kita berikan kepada mereka dan sa-kurang²-nya perlu kita buat di-atas kesulitan yang sedang mereka alami sekarang. Saya rasa, oleh kerana Menteri Yang Ber-hormat telah berjanji dengan saya hendak membuat lawatan di-dalam minggu hadapan ka-tempat penempatan mata² khas ini, maka saya tidak mustahak-lah memanjangkan masaalah mata² khas yang ada, hanya satu sahaja saya minta supaya kita dapat me-nyelideki hal² yang mengenai mereka ini pada masa sekarang ini.

Yang kedua, saya ingin menarek perhatian Kementerian ini ia-itu bahagian pelajaran pertanian. Di-dalam bahagian pelajaran pertanian ini, banyak pegawai² pertanian kita dan saya dengar tadi pegawai² itu ada di-tambah. Tujuan daripada penam-bahan pegawai² di-dalam bahagian pertanian ini ia-lah untuk menambah dan untuk menyelideki serta untuk memberikan pengetahuan yang lebih kepada petani² kita, pada masa yang sudah telah mendapat hasil yang sedikit dan dengan di-tambah pegawai² kita ini dapat di-berikan pelajaran² kepada petani² kita. Pada masa yang telah sudah kita tahu bahawa Kement-erian Pertanian ini ada memberikan pelajaran² kepada kaum² tani kita supaya dapat mereka itu mempunyai pengalaman dan pengetahuan dan kadang² di-antara petani² itu ada di-hantarkan keluar negeri untuk me-nengok bagaimana-kah perkembangan² pertanian di-luar negeri. Tetapi pada fahaman saya daripada kita memberi-

kan pelajaran dengan sharahan maka lebih baik orang² di-kampung, macham di-kampung dalam kawasan saya, Tuan Pengerusi, Hilir Perak ada Sekolah Pertanian di-Lenggong, maka orang² kampung yang bertani di-situ patut, daripada satu masa ka-satu masa, di-ambil mereka itu bagaimana yang sudah² di-ambil tetapi akan datang ini saya harap di-tambah pengambilan itu dan di-asoh di-situ di-berikan kursus², di-berikan pelajaran² oleh pegawai² yang berkenaan ini kepada petani² yang ada di-situ supaya mereka itu yang pertama sa-kali dapat pengetahuan, sebab petani² kita ini tidak banyak pengetahuan dan per-sekolahan-nya pun tidak begitu tinggi dan ada yang tidak bersekolah lang-song. Jadi kalau sa-kira-nya di-tempat Hilir Perak—di-Sungai Manek, orang di-Sungai Manek itu di-bawa ka-Sekolah Pertanian Sungai Manek itu sendiri di-ajar ini, ini penyakit-nya dan begitu bagini, di-berikan pe-ngetahuan dari satu masa ka-satu masa. Saya rasa pengetahuan ini-lah yang boleh menambahkan pengetahuan kepada mereka itu dan dengan pe-ngetahuan itu juga dapat mereka gunakan di-dalam amalan mereka di-dalan pertanian menanam padi yang mereka kerjakan tiap² hari. Dengan kita memberikan pelajaran oleh pegawai² pertanian kita ini kepada petani² kita, bukan sahaja dia dapat ilmu pengetahuan daripada kursus itu tetapi mereka juga akan dapat memam-bahkan hasil. Kalau pada tahun yang sudah, mithal-nya, dia dapat daripada satu ekar 300 gantang, maka dengan pengetahuan yang kita berikan itu dia dapat meninggikan penghasilan-nya daripada 300 sampai 400 atau 500 gantang sa-tahun daripada sa-ekar. Maka dengan demikian tujuan Kement-erian kita hendak meninggikan taraf kaum² tani di-daerah² pertanian itu akan dapat hasil yang baik.

Berchakap berkenaan dengan pe-nyelidekan, saya Tuan Pengerusi, ingin menarek perhatian Menteri Yang Berhormat—tidak-lah tahu saya di-dalam kawasan lain, tetapi kawasan saya boleh di-katakan kawasan per-tanian semua sa-kali. Dan sudah pun di-chuba untuk menanam padi dua

kali sa-tahun, hasil-nya sangat mendukachitakan. Erti-nya tidak berjaya. Maka oleh kerana tidak berjaya itu, saya tidak tahu sebab² tidak berjaya itu. Di-dalam Kementerian kita ini ada bahagian penyelidekan, oleh sebab itu saya rasa patut-lah Pegawai Penyelidekan Pertanian itu mengambil tahu dan memberi laporan kepada petani² itu sendiri. Kenapa padi-nya itu tidak menjadi pada tahun ini, sudah pun kita minta kepada orang² tani itu supaya menanam dua kali sa-tahun dengan padi Taiwan, kerana dengan padi itu dapat hasil dua kali sa-tahun. Tetapi manakala sudah chuba dalam kawasan negeri Perak dan kawasan Hilir Perak ini ada yang buat dan ada yang tidak, boleh jadi oleh kerana sa-tengah penanam padi itu tidak senang hati, itu-lah menyebabkan orang yang melaksanakan menanam padi dua kali sa-tahun itu rugi dan kechewa.

Saya rasa boleh jadi pada tahun hadapan kalau kita minta-lah orang² Sungai Petani, Labu Kubong dan Sungai Manek itu menanam dua kali sa-tahun, maka sudah tentu petani² sana tidak hendak, sebab dia sudah chuba dan merasa kerugian. Oleh kerana itu bagi Kementerian ini hendak-lah menugaskan Pegawai Penyelidekan itu menyelidek fasal apa padi itu tidak jadi, sedangkan di-tempat lain jadi, di-Kedah jadi, di-Perlis jadi, di-Seberang Prai jadi, kenapa di-Labu Kubong itu tidak jadi? Jadi dengan ada Pegawai Penyelidekan itu dapat-lah menyelidek di-mana sebab²-nya tidak jadi itu. Kemudian sa-telah di-selideki, di-berikan-lah pelajaran kepada orang² tani itu dan saya rasa galakan untuk menanam dan menchuba sa-kali lagi, tentu akan ada pada pak tani itu sa-kira-nya di-beri nasihat kepada mereka itu.

Tuan Pengerusi, dalam soal penyelidekan ini tentu-lah pegawai² yang berkenaan dengan penyelidekan itu mendapat pengetahuan daripada apa yang kita tengok, tetapi kadang² petani² atau orang² tani itu lebih tepat lagi pengertian-nya kerana dia ada pengalaman, dia kata di-Labu Kubong itu tidak boleh tanam dua kali, sebab ayer-nya dalam, dengan kerana dalam-

nya itu ada tanah rendah, yang mana tidak dalam kena-lah, mana kena dalam maka tidak boleh tanam dua kali sa-tahun, kerana tidak boleh di-tanam dua kali sa-tahun, maka musoh yang ada di-tanah yang tidak di-tanam itu lari pula ka-tempat yang bertanam itu dan hasil orang yang bertanam itu jadi rosak. Saya minta-lah supaya pegawai kanan ini dapat mengemukakan sebab² musabab kena apa usaha di-tempat itu sudah menemui kegagalan.

Yang ketiga, saya ingin menarek perhatian juga berkenaan dengan bahagian parit dan tali ayer. Tuan Pengerusi, saya berasa hairan dalam perkara parit, pegawai² bahagian tali ayer, kadang² pegawai² itu tidak dapat mengadakan sharikat kerjasama dan juga pegawai² lain. Mithal-nya, dalam kawasan Hilir Perak, dalam kawasan bagi seluroh jalan itu di-punyai oleh D.I.D., orang kampung lalu di-atas jalan itu-lah, dan dalam kawasan kemajuan luar bandar kita minta supaya jalan itu di-timbus dengan batu² karang, atau batu² lombong dan bahagian D.I.D. tidak benarkan orang² itu. Benar-kah pihak D.I.D. tidak membenarkan orang² itu, sebab itu saya rasa pegawai² bahagian parit dan tali ayer ini, rasa saya, patut-lah memberikan kerjasama pada jabatan² lain bagi memudahkan kaum tani kita dalam perusahaan pertanian-nya, dan patut di-selideki dalam kawasan² bendang atau kawasan² paya menanam padi itu, ada yang tali² ayer-nya telah sebu yang tidak di-kerjakan, yang tidak di-berseuhkan, maka oleh kerana tempat ayer itu tidak berseh, menyebabkan ayer itu tidak lari dan menyebabkan di-tenggelami oleh ayer. Jadi rasa saya ada-lah tiga perkara ini diambil perhatian bagi hendak melancarkan kerja² kita pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, tertarek benar-lah hati saya mendengar ucapan dari Yang Berhormat Kelantan Hilir, yang dari sa-tahun ka-satahun telah mengemukakan suatu irama yang sayu berkenaan dengan perniagaan orang² Melayu. Kita menyedari bahawa kemiskinan orang² kampung, kemiskinan orang² tani, kemiskinan

orang² yang tidak mendapat untung seperti mana orang² bandar, dan kita sedari itu seluruh kehidupan mereka itu. Oleh kerana kita menyedari kedudukan dan kemiskinan-nya pada keseluruhan-nya maka kita mengadakan ranchangan² kemajuan pada tiap² jajahan itu di-adakan ranchangan kerja bagaimana chara-nya kita hendak menolong nasib orang² yang kita katakan miskin di-kampung² itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan orang tengah yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Kelantan Hilir itu, orang tengah itu-lah yang menghisap darah orang tani, orang² pemotong getah, orang² mengait kelapa. Kedudukan hal yang seperti ini bukan-lah tidak di-sedari, pada satu masa dahulu, kalau tidak salah saya di-Kedah, telah berlaku padi kuncha, dan begitu juga di-Kelantan telah berlaku hal² seperti itu yang belum lagi dapat hasil padi-nya telah di-jual siang². Kerajaan telah pun mengeluarkan wang berpuluh² ribu ringgit menebus balek lintah darat yang telah menghisap di-belakang patani² itu, tetapi satu hal bagi kita, bukan sahaja satu gerakan daya utama yang mesti kita laksanakan kalau dapat di-buat, tetapi dengan kesedaran itu perlu ada pada tiap² orang tani yang bahawa sa-nya mereka semenjak lahir di-dunia ini, sa-bagai orang tani telah di-hisap oleh kaum tengah. Bagaimana-kah hendak melepaskan tengkok-nya dari hisapan lintah darat itu. Kita telah memberikan beberapa peluang pada orang² tani, terutama-nya dengan chara kerjasama. Dirikan Sharikat Kerjasama sa-berapa banyak yang mungkin bagi kaum tani, tetapi ada yang berjaya dan ada yang tidak berjaya. Menubuhkan Sharikat Kerjasama itu bukan-lah satu hal mesti di-undang²-kan, sebab-nya kalau tidak ada Sharikat Kerjasama, di-tangkap, saya tidak tahu ada-kah Ahli Yang Berhormat dari Kelantan Hilir hendak Undang² seperti itu, kalau kaum tani itu tidak hendakkan Sharikat Kerjasama, kita hukumkan dia.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Soal yang saya bangkitkan bahawa Sharikat Kerjasama tidak mengadakan Marketing Society, ada-kah Yang Ber-

hormat itu tahu atau tidak bahawa sa-nya dengan tidak ada Marketing Society, mereka hendak jual ikan dan lain itu ka-mana?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, perkara yang penting yang saya katakan tadi ia-itu menggalakkan orang² kampung itu supaya menubuhkan Sharikat Kerjasama, itu yang penting yang manakala mereka yang mempunyai Sharikat Kerjasama dengan begitu hebat, maka dengan sendiri-nya tentu-lah gerakan Sharikat Kerjasama yang ada pada mereka itu dapat melahirkan pasaran Sharikat Kerjasama itu sendiri, tetapi pada hari ini tidak ada, memang kita akui tidak ada, dan manakala kita tidak ada pasaran itu oleh sebab tidak ada-nya, ada-kah kita boleh menyalahkan sa-orang Menteri atau Kementerian itu, bahawa dia-lah yang bertanggung jawab dan dia tidak membuat Marketing Society ini? Saya rasa tidak kena, bukan satu Undang² maka Marketing Society mengatakan bahawa sa-nya tiap² badan perusahaan itu mesti ada badan Sharikat Kerjasama, orang² tengah itu di-haramkan, baharu dia boleh jadi, kalau sa-kira-nya keadaan yang sekarang, maka Sharikat Kerjasama ini di-lahirkan dengan orang kampung itu sendiri, dan kesedaran dia sendiri maka dengan sa-chara seperti itu dia sedar bahawa kita memberikan pertolongan kepada dia bukan sahaja pegawai² memberikan pertolongan, tetapi wang daripada Pejabat Sharikat Kerjasama kita berikan, audit-nya pun free, tidak ada apa² bayaran supaya sharikat itu dapat kita angkat taraf hidup-nya, dan manakala ini sudah sampai pada peringkat yang penting, tentu-lah Kerajaan mahu atau tidak mahu di-adakan Marketing Society yang seperti mana yang kita kehendaki, tetapi apa yang penting yang terutama sa-kali bukan menyalahkan orang² tengah.

House resumes.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Mr Speaker, Sir, may I seek your clarification on a matter of public importance?

Mr Speaker: No.

Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply on the Supply Bill, 1965 has progressed up to Head S. 12 of the Schedule.

The House shall now stand adjourned until 10 a.m. on Monday, 7th December.

Adjourned at 6.30 p.m.